

"KITA bercita-cita menjelmakan masyarakat yang salih melalui pendidikan. Pendidikan adalah jiwa bangsa. Pendidikan yang baik akan melahirkan bangsa yang baik pula. Kerana itu beta berseru supaya pendidikan itu terus dipelihara, dipertahankan dan dikembangkan dasar-dasarnya yang baik lagi Islami." Titah sempena Sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 2002.



"DEMI sesungguhnya adalah bagi kamu diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keridaan Allah dan balasan baik Hari Akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak dalam masa susah dan senang." - Surah Al-Ahzab ayat 21.

Apa pun yang berlaku kepada Islam, termasuk jika dipinggirkan sekalipun

Berpegang teguh, taat kepada ajaran Islam - titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa apa pun yang berlaku kepada Islam, termasuk jika dipinggirkan sekalipun, kita mesti tetap berpegang teguh dan tetap taat mengikut ajaran-ajarannya.

Oleh Hj. Jaafar HI

nanti, titah baginda, belakulah janji Allah ke atas kita untuk memperoleh kebahagiaan yang sebenar-benarnya.

Menurut baginda, Islam kini memang sedang diuji. Umat Islam sedang diajak dan dipengaruhi untuk mengasingkan diri dari ajaran-ajaran Islam yang sebenar, yakni sedang didorong ke arah tindakan-tindakan yang menyalahi

ajaran-ajaran Islam.

"Jika perkara ini tidak segera disedari, maka umat Islam akan semakin terpinggir dan lemah. Maka oleh itu, satu cara yang baik dan malah wajib dilakukan ialah mencontohi kembali sikap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menghadapi isu-isu cabaran, di mana Baginda tidak pernah tunduk dan menyerah kalah kepada sebarang kebatilan," titah baginda sempena menyambut dan memperingati

Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei ke seluruh negara hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, pada awal sejarahnya, Islam memang asing bagi manusia. Penganut-penganutnya juga sedikit dan berkeadaan lemah. Kemudian pada akhir zaman, perkara itu akan berulang pula.

Namun, titah baginda lagi, terdapat suatu janji Allah yang sangat isti-

mewa bagi sesiapa sahaja yang ingin kekal bersama dengan Islam, sekalipun agama itu terpinggir dan asing.

Perkara ini, titah baginda, telah dikhabarkan oleh Rasulullah melalui hadis Baginda riwayat Muslim yang bermaksud: "Agama Islam itu memulai perkembangannya seperti sesuatu yang asing dan kelak akan kembali lagi sebagai yang asing. Maka berbahagialah orang-orang yang (mahu bersedia) asing bersama-

samanya."

Terdahulu dari itu, baginda bertitah bahawa suasana menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di negara ini diadakan dalam aman dan makmur, suatu nikmat yang tidak terhingga dan menjadi idaman semua orang.

"Beta berharap, keamanan dan kemakmuran itu akan menyuburkan lagi keimanan dan ketakwaan kita, bukannya untuk memesongkan kita daripada mentaati Allah," titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta anakanda-anakanda dan adinda baginda ketika menyertai Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengelilingi Bandar Seri Begawan pada 25 Mei 2002. Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 8 dan 9.

Jawatankuasa Task Force Kewangan dibubarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini mengumumkan bahawa Task Force Kewangan yang telah ditubuhkan pada

bulan Jun 1998 khusus untuk menyiasat kegiatan-kegiatan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), adalah dengan ini dibubarkan mulai hari Rabu, 22 Mei 2002.

Dengan pembubaran itu juga, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar tidak lagi menjadi Pengerusi Task Force Kewangan tersebut.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Keamanan dan kemakmuran akan suburkan keimanan, ketakwaan. Bukannya pesongkan kita dari mentaati Allah - Muka 2

Brunei sokong usaha perangai keganasan

- Muka 3

JPD Brunei dan JPJ Malaysia tingkatkan hubungan kerjasama

- Muka 6

Kes jenayah perlu ditangani mengikut undang-undang

- Muka 11

Nabi Muhammad penyelamat jutaan umat dari terpesong - Muka 3 ANEKA

Islam menolak keganasan - Muka 5 ANEKA

Jadual Siaran RTB Piala Dunia 2002 - Muka 10 ANEKA

INTISARI TITAH

- Suburkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah
- Tetap teguh dan mentaati ajaran Islam
- Contohi kembali sikap Rasulullah
- Jadikan peribadi Rasulullah suri teladan dalam memegang amanah Allah
- Jadikan budaya menyambut kelahiran Rasulullah pencetus kesedaran berkorban untuk Islam
- Islam kini memang sedang diuji
- Umat Islam diajak dan dipengaruhi mengasingkan diri dari ajaran Islam sebenar.

TAHUKAH AWDA

SETIAP pemberian, tawaran, penceritaan rasuah yang dilakukan sebelum Biro Mencegah Rasuah ditubuhkan masih boleh disiasat dan orang yang terlibat boleh dihadapkan ke mahkamah di bawah Seksyen 40 Akta Pencegahan Rasuah.

KONTAK PELITA BRUNEI
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.1.htm>
 e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
 02 383941 / 02 383804 / 02 382192
 Faks : 02 381004 / 02 380507



29 MEI 2002 BERSAMAAN 1423 ربيع الأول 16

BERKORBAN UNTUK ISLAM

ALHAMDULILLAH pada 25 Mei lalu, umat Islam di negara ini telah dapat mengingati peristiwa bersejarah keputeraan junjungan besar kita, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kita mengadakan perhimpunan dan perarakan besar-besaran di keempat-empat daerah dalam suasana aman dan makmur. Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara, perhimpunan dan perarakan Maulud telah disertai oleh lebih 28 ribu orang. Sesungguhnya sambutan Maulud di negara ini telah menjadi tradisi dan menjadi amalan sejak sekian lama.

Sambutan Maulud yang kita adakan setiap tahun itu adalah semata-mata untuk mengenang kembali pengorbanan Baginda Rasulullah dalam mengembangkan ajaran-ajaran Islam. Selain itu sebagai tanda cinta dan kasih kita kepada Rasulullah yang telah menyelamatkan dunia ini dari kegelapan dan kebatilan dan seterusnya membawa sinar dan cahaya yang terang-benderang seperti yang kita nikmati sekarang ini.

Penyertaan ramai dan sedikit, bukanlah menjadi ukuran, tetapi yang penting dan lebih mustahak agar budaya menyambut hari keputeraan Baginda itu tidak menjadi kosong begitu sahaja, tetapi mestilah menjadi penggerak dan pencetus kesedaran berkorban untuk Islam dan masa depannya yang panjang. Inilah intipati dari sambutan Maulud itu. Selaku umat Islam kita perlu berani dan perkas dalam mengharungi dan menghadapi berbagai rintangan demi survival agama Islam. Kita tidak perlu tunduk dan menyerah kalah kepada sebarang kebatilan dan juga apa-apa yang mengancam kehidupan kita.

Kita perlu berpegang teguh kepada tali Allah dan tetap teguh mentaati ajaran-ajaran Islam, walau apa pun berlaku kepada Islam termasuklah jika ia dipinggirkan sekalipun. Kerana kita tahu, Islam kini sedang diuji hebat. Umat Islam sedang diajak dan dipengaruhi untuk mengasingkan diri dari ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Pada perkembangan mutakhir ini, umat Islam sedang didorong ke arah tindak-tanduk yang bertentangan dengan syariat dan menyalahi ajaran-ajaran Allah Subhanahu Wataala. Jika perkara ini tidak segera disedari, maka umat Islam akan semakin terpinggir dan lemah.

Ke arah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena sambutan Maulud baru-baru ini bertitah mengajak umat Islam agar mencontohi kembali sikap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menghadapi apa-apa jua isu cabaran yang melanda umat Islam ketika ini.

Bagi menggerakkan kesinambungan pembangunan negara di masa mendatang baik di bidang sosial, ekonomi, politik dan kemasyarakatan, baginda juga mahukan agar pemimpin-pemimpin yang diberi tanggungjawab dan memegang amanah Allah supaya sama-sama mencontohi keperibadian Rasulullah dalam melaksanakan apa jua pekerjaan. Sikap amanah, jujur, tidak rasuah, berdisiplin dan bertanggungjawab hendaklah sentiasa diutamakan dan dipraktikkan dalam menaati sebarang tugas yang dipikulkan. Ciri-ciri dan budaya kerja seperti ini bukan sahaja mengangkat imej Islam tetapi yang penting menjadi asas dan teras kekokohan dalam bernegara.

Dan yang penting, titah baginda lagi, keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati selama ini akan menyuburkan lagi keimanan dan ketakwaan kita dan bukannya untuk memesonkan kita daripada mentaati Allah.

Sebenarnya, umat Islam yang kini sedang terhimpit, boleh muncul sebagai umat yang dihormati dan digalati, dengan syarat mereka itu bersatu padu dan melengkapkan diri dengan apa yang telah diwariskan oleh Baginda Rasulullah itu. Mengabaikan titah perintah Allah yang disampaikan oleh Baginda itu sememangnya akan membawa ke arah kebinaasaan dan kekecewaan.

Maka demi untuk survival dan ketahanan bangsa dan negara kita, peganglah Islam kuat-kuat, jaga dan pelihara dengan rapi. Jangan biarkan sebarang kufur pun memasukinya. Walau apa pun berlaku, jangan sekali-kali lari dari perjuangan Islam, tetapi tetaplah berkorban dengan Islam. Kerana berkat kita mengagungkan agama Allah, bangsa kita, negara kita tetap akan mendapat rahmat dan kurnia dan nikmat kehidupan yang sejahtera, aman damai, makmur dan stabil.

HALUAN...

Keamanan dan kemakmuran akan suburkan keimanan, ketakwaan

Bukannya pesongkan kita dari mentaati Allah

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalaameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihihe Wasabihie Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita mengingati peristiwa bersejarah keputeraan Nabi kita, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kita menyambutnya di dalam suasana yang aman dan makmur, suatu nikmat yang tidak terhitung yang menjadi idaman semua orang. Beta berharap, keamanan dan kemakmuran itu akan menyuburkan lagi keimanan dan ketakwaan kita, bukannya untuk memesonkan kita daripada

mentaati Allah.

Kita perlu mengingat semula pengalaman yang pernah ditempuh oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, betapa dengan jerih payah dan dengan berbagai rintangan, Baginda telah membuktikan keperkasannya yang luar biasa semata-mata untuk menegaskan agama Islam. Baginda tidak pernah terfikir sama sekali untuk lari dari perjuangan ini, sekalipun penindasan dan keganasan bertubi-tubi ditimpakan ke atas Baginda.

Selain daripada itu, Baginda juga menanggungnya seorang diri. Hanya telah lama sedikit, barulah dikongsi oleh keluarga Baginda sendiri dan kemudian oleh beberapa orang sahabat.

Dari gambaran ini nyatalah, pihak yang menyertai Baginda itu adalah amat kecil sahaja. Namun mereka itu tetap yakin, bahawa di suatu masa kelak Islam akan tersebar luas

dan mendapat tempat di hati nurani umat manusia.

Di awal sejarahnya, agama Islam adalah memang asing bagi manusia. Penganut-penganutnya juga sedikit dan berkeadaan lemah. Kemudian pada akhir zaman, perkara itu akan berulang pula. Namun di sana, terdapat suatu janji Allah yang sangat istimewa bagi sesiapa sahaja yang ingin kekal bersama dengan Islam, sekalipun agama ini terpinggir dan asing.

Ini telah dihabiskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis Baginda, riwayat Muslim yang bermaksud:

"Agama Islam itu memulau perkembangannya seperti sesuatu yang asing, dan kelak akan kembali lagi sebagai yang asing. Maka berbahagialah orang-orang yang (mahu bersedia) asing bersama-samanya."

Dalam makna, apa pun yang berlaku kepada Islam



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut dan memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1423/2002 pada 24 Mei 2002.

itu, termasuklah jika ia dipinggirkan sekalipun, namun kita tetap teguh memegangnya dan tetap taat mengikut ajaran-ajarannya, maka pada ketika itu, berlakulah janji Allah ke atas kita untuk memperoleh kebahagiaan yang sebenar-benarnya.

Tidak syak lagi, Islam kini memang sedang diuji, umat Islam sedang diajak dan dipengaruhi untuk mengasingkan diri dari ajaran-ajaran Islam yang sebenar, yakni sedang didorong ke arah tindakan-tindakan yang menyalahi ajaran-ajaran Allah.

Jika perkara ini tidak segera disedari, maka umat Islam akan semakin terpinggir dan lemah. Maka oleh itu, satu cara yang baik dan malah wajib dilakukan ialah mencontohi kembali sikap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menghadapi isu-isu cabaran, di mana Baginda tidak pernah tunduk atau menyerah kalah kepada sebarang kebatilan, walau-

pun ada kalanya Baginda terpaksa menghadapinya seorang diri.

Inilah peribadi yang diberkati oleh Allah, yang dimiliki oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia patutlah dilihat dan dijadikan suri teladan oleh umat Islam seluruhnya, khasnya oleh para pemimpin yang memegang amanah Allah, supaya sama-sama mencontohinya, sebagaimana juga para sahabat telah melakukannya.

Beta berharap, budaya menyambut dan memperingati hari keputeraan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam ini tidaklah akan menjadi budaya kosong begitu sahaja, tetapi mestilah menjadi penggerak dan pencetus kesedaran berkorban untuk Islam dan masa depannya yang panjang.

Sekian, Wallahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Membantu kembangkan industri gas Brunei

BERAKAS, 27 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri-industri gas asli di rantau ini meliputi melebihi kebimbangan keselamatan bekalan hingga kepada isu-isu seperti pertambahan persaingan dan perlunya lebih banyak kerjasama.

DYTM bersabda merasmikan Persidangan Pertukaran Maklumat Gas dalam Persidangan dan Pameran Rantau Asia Pasifik Barat 2002 (GASEX) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba DYTM dijunjung oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yaakub dan Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah yang juga Pe-

Oleh
Dk. Hjh. Saidah
PHOA

nerusi Jawatankuasa Penganjur GASEX 2002.

DYTM bersabda mengadakan GASEX 2002 di Negara Brunei Darussalam membantu mengembangkan industri gas Brunei kepada dunia global baru dan merupakan peluang yang tepat untuk mem-

perlihatkan kejayaan negara baru-baru ini dalam industri minyak dan gas asli.

Di samping itu GASEX 2002 juga memberikan peluang untuk menunjukkan kepada peserta mengenai pencapaian dalam industri minyak dan gas seperti penubuhan syarikat minyak milik negara, penemuan di kawasan baru berdasarkan prinsip kontrak perkongsian pengeluaran dan siapnya pembinaan kapal tangki gas baru yang

diberi nama ABADI, sabda DYTM.

DYTM juga bersabda bahawa industri gas asli di rantau ini dalam era perubahan struktur yang beralih daripada industri yang dikawal rapat dengan penyertaan hanya beberapa syarikat kepada industri yang lebih liberal dan persaingan pasaran terbuka.

Lihat muka 16

Hubungan mesra sentiasa terjalin antara Brunei - Jordan

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al Hussein, Raja Negara Jordan dan kepada Tuan Yang Terutama Ali Abu Al-Ragheb, Perdana Menteri Negara Jordan bersempena Hari

Ulang Tahun Kemerdekaan Negara Jordan.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Jordan. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Ulang Tahun Kemerdekaan Negara Jordan.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al Hussein sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Jordan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Ali Abu Al-Ragheb, Perdana Menteri Negara Jordan, baginda mengu-

capkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan Kerajaan serta rakyat Negara Jordan sempena Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Negara Jordan.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, semoga Tuan Yang Terutama sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Jordan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei. - Negara Brunei Darussalam menyokong sepenuhnya usaha sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa bagi memerangi dan membanteras apa jua bentuk keganasan.

Negara ini juga menyatakan kesediaan untuk ikut serta dalam program-program ASEAN bagi menangani dan membanteras jenayah keganasan.

Perkara itu dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan di sidang akhbar bersama wakil media tempatan yang berlangsung di Bangunan Sekretariat di sini.

Bagi mencapai matlamat itu tambahnya, agensi-agensi penguat kuasa undang-undang Negara Brunei Darussalam sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di negara-negara lain sama ada serantau atau antarabangsa terutama sekali perkongsian maklumat-maklumat perisikan.

Di Mesyuarat Khas Menteri-menteri ASEAN Mengenai Keganasan selama dua hari di Kuala Lumpur itu katanya, Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia.

Dalam mesyuarat itu para menteri ASEAN telah mengambil maklum dan membincangkan cadangan bagi mengadakan takrif keganasan yang sama bagi rantau ini dan juga bersetuju bahawa ketiadaan takrif yang sedemikian tidak menjadi halangan bagi negara ASEAN untuk meneruskan langkah-langkah dan kerjasama praktikal bagi pembasmian kega-

oleh Aliddin HM

nasan.

Di mesyuarat itu, negara-negara ASEAN telah menghasilkan kenyataan bersama mengutuk keganasan di dalam apa jua bentuk dan rupa serta menekankan keperluan untuk mengambil pendekatan yang bersepadu dan berkesan dalam membanteras keganasan, ujarnya.

Beliau menjelaskan, negara-negara ASEAN juga menekankan bahawa keganasan tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana agama, bangsa, budaya dan warganegara dan menyokong usaha dalam memerangi apa jua kegiatan keganasan yang dilakukan di mana saja dan oleh sesiapa tanpa diskriminasi dengan menghormati agama, bangsa, budaya dan warga-negara.

Selain itu, katanya, mesyuarat juga menumpukan usaha-usaha dan sumber-sumber bagi melaksanakan langkah-langkah praktikal seperti yang terkandung di dalam Deklarasi ASEAN Bagi Tindakan Bersama Menentang Keganasan 2001 yang dipersetujui di dalam Sidang Kemuncak ASEAN yang telah diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 5 dan 6 November 2001.

Mesyuarat juga tambahannya, menekankan kesungguhan untuk menentang, menghalang dan membanteras semua bentuk keganasan mengikut Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan undang-undang antarabangsa lainnya dengan mengambil kira Resolusi-Resolusi PBB yang berkenaan dan menetapkan tempat-tempat perhubungan utama di semua negara-negara ASEAN bagi menentang keganasan.

Selain itu, mesyuarat juga menekankan kesungguhan untuk melaksanakan Kenyataan Bersama itu dengan mengamalkan para pegawai kanan ASEAN yang berkaitan dengan jenayah transnasional bagi melaksanakan program kerja mengenai keganasan dengan mengadakan

Brunei sokong usaha perangi keganasan

pertukaran maklumat, pengumpulan dan penyebaran undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan keganasan dari negara-negara ASEAN, katanya.

Di samping itu juga katanya, pengumpulan dan penyebaran perjanjian-perjanjian dua hala dan pelbagai hala serta maklumat mengenai triti antarabangsa yang berkenaan dengan keganasan dan mengadakan kerjasama undang-undang pelbagai hala dan dua hala bagi memudahkan cara penangkapan, penyiasatan, pendakwaan dan ektradisi untuk meningkatkan kerjasama perundangan di antara negara-negara ASEAN di samping meningkatkan kerjasama dan penyelarasan dalam menguatkuasakan undang-undang dan pertukaran maklumat perisikan dan

menadakan program-program perkembangan latihan serantau, jelasnya.

Negara Brunei Darussalam jelasnya, telah mempunyai undang-undang yang berhubung kait dengan jenayah keganasan seperti Perintah Pelaburan Wang Haram (Money Laundering Order 2000), Perintah Kelakuan Jenayah (Mendapatkan Kembali Hasil 2000) dan Akta Pengedaran Dadah (Mendapatkan Kembali Hasil).

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa beberapa negara ASEAN juga telah menawarkan beberapa projek dan inisiatif di dalam bentuk bengkel dan latihan khusus yang berkaitan usaha untuk membanteras keganasan.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika menjelaskan laporan Mesyuarat Khas Menteri-menteri ASEAN Mengenai Keganasan yang berlangsung di Kuala Lumpur di sidang akhbar bersama wakil media tempatan. Majlis berlangsung di Bangunan Sekretariat di Ibu negara. - Gambar oleh Halim HS.

Senyum Budi man



Pendaftaran ditutup sementara

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dimaklumkan kepada orang ramai dan belia-belia yang berminat menceburi kerjaya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), pada masa ini pendaftaran untuk memasuki kerjaya ABDB ditutup buat sementara waktu sehingga 31 Julai 2002.

Menurut maklumat daripada Kementerian Pertahanan pada 23 Mei lalu, pendaftaran akan dibuka semula bagi pengambilan ke-122 pada 1 Ogos 2002.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menganugerahkan anak kunci kepada seorang peserta Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah sambil berbual mesra bersama rakyat baginda sejeurus sempurna Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci dan Lot-lot Tanah (atas).

BAGINDA menyaksikan model kampus kekal Institut Teknologi Brunei (ITB) sambil mendengar penerangan dari Pengarah ITB (kanan).

Berkenan kurniakan kunci rumah dan lot-lot tanah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyempurnakan pengurniaan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong berlangsung di Sekolah Rendah Jerudong pada 20 Mei lepas.

Seramai 137 peserta terpilih mengikuti Rancangan Perumahan Negara Bagi Orang Awam Peringkat Kedua, 26 peserta mengikuti Rancangan Perumahan Negara Bagi Orang Awam Peringkat Ketiga Fasa I sementara 61 peserta mengikuti Rancangan Perumahan Negara Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Dalam Bahagian III, IV dan V Peringkat Pertama Fasa Pertama, manakala 76 peserta mengikuti Rancangan Lot-lot Tanah Bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan.

Sejeurus menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah baginda kemudian

Oleh Abd. Karim HAB
dan Sahari Akim
Gambar-gambar oleh Hj. Haranadi HB
Harun HR, Masri Osman dan
Mohd. Zul-Izzi

berangkat melawat ke Sekolah Rendah Jerudong dengan dijunjung dan disembahkan taklimat oleh Awang Haji Aminuddin bin Haji Mohammad, Guru Besar sekolah tersebut.

Sekolah Rendah Jerudong dibuka pada tahun 1955 dan kini mempunyai bangunan baru yang dibina semula pada tahun 1996 menempatkan blok pentadbiran, dewan serbaguna, blok bilik darjah, dapur dan kantin sekolah, stor buku dan peralatan dengan keramaian

lebih dari 600 pelajar dan 40 orang guru.

Dari Sekolah Rendah Jerudong baginda kemudian berangkat ke rumah Ketua Kampong Jerudong, Awang Haji Lamudin bin Kahar, 56 tahun, yang memegang jawatan itu sejak tahun 1998.

Kampong Jerudong yang kini berubah wajah dengan mengalami pelbagai bentuk kemajuan mempunyai lebih dari empat ribu orang penduduk terdiri



Lihat muka 5



BAGINDA ketika menerima junjung ziarah sambil beramah mesra dengan penduduk kampung dan orang ramai semasa keberangkatan baginda bercemar duli ke rumah Ketua Kampong Jerudong.



BAGINDA menyaksikan aktiviti murid-murid darjah pra Sekolah Rendah Jerudong.

Dari muka 4

dari masyarakat tempatan dan hampir seribu masyarakat luar negeri terutamanya pekerja asing.

Dalam lawatan itu baginda juga dijunjung menyaksikan persembahan gendang tradisi dan anyaman kraf tangan oleh kaum wanita kampung tersebut dan kemudiannya melihat ruang dalam sebuah 'durong' tempat menyimpan padi selepas musim 'mengatam' suatu ketika dahulu.

Kemudian baginda meneruskan lawatan ke Institut Teknologi Brunei (ITB) di Tungku, Gadong berdekatan dengan Kampus Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan dijunjung dan disembahkan taklimat oleh Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Abdul Halim.

Dalam setiap keberangkatan baginda ke mukim-mukim, kampung-kampung dan institusi pendidikan, baginda pasti menunjukkan keprihatinan baginda terhadap pentingnya ilmu pengetahuan demi kemajuan serta kesejahteraan

bangsa dan negara.

Sepanjang keberangkatan, seperti lazimnya baginda berkenan menerima junjung ziarah, beramah mesra, bertanya khabar dan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat baginda.

Kemesraan dan sikap pemedulian itu menjadikan baginda begitu dikenali sebagai seorang raja berjiwa rakyat yang amat disayangi dan disayangi oleh semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini.



BAGINDA menadah tangan ketika doa selamat dibacakan di Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci dan Lot-lot Tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menganugerahkan lot tanah kepada seorang peserta.



BAGINDA semasa berkenan bercemar dull untuk menyaksikan lebih dekat perkembangan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah sambil beramah mesra dengan keluarga Awang Haji Jaafar bin Zabidi ketika baginda berkenan berangkat ke rumah berkenaan (atas).

BAGINDA ketika meninjau buku-buku yang terdapat di Perpustakaan ITB (kiri).

BAGINDA menerima junjung ziarah semasa baginda berkenan bercemar dull ke rumah salah seorang peserta Rancangan Perumahan Negara (kanan).



BAGINDA sentiasa memberi perhatian terhadap perkembangan kehidupan rakyat baginda. Baginda kelihatan berbual mesra bersama Awang Mohd. Noor bin Taha, seorang peserta Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba (kiri).

BAGINDA berkenan bergambar kenangan bersama Pengiran Abdullah bin Pg. Haji Damit dan keluarga semasa baginda berkenan berangkat bercemar dull ke rumah berkenaan di Jalan 35, Perumahan Negara Kampung Rimba.



Pegawai ARF diraikan

Oleh Hj Ahmad HS

BERAKAS, 16 Mei. - Kira-kira 200 orang pegawai-pegawai kanan dari negara-negara ASEAN yang menghadiri sesi Forum Serantau ASEAN (ARF) yang diadakan di negara ini selama dua hari diraikan dengan Majlis Makan Malam yang diadakan di Mes Pegawai Berakas Garrison di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Kolonel Haji Awang Halbi.

Di majlis itu para perwakilan ARF dihiburkan dengan persembahan-persembahan tarian, nyanyian tradisional dan persembahan silat asli Brunei.

Sesi mesyuarat plenari ke-9 Forum Serantau ASEAN (ARF), pegawai-pegawai kanan (SOM) yang bermula kelmarin di Empire Hotel and Country Club, Jerudong yang mana mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Kedua-dua mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 200 perwakilan negara-negara ASEAN yang mana membincangkan persediaan-persediaan bagi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-4 yang akan dilangsungkan di negara ini bermula 29 sehingga 30 Julai ini.

Negara Brunei Darussalam juga menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (AMM) Ke-35, ASEAN + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) bagi Menteri-Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

BEKALAN TENAGA TERUS BERKEMBANG

BERAKAS, 12 Mei. - Kehendak terhadap bekalan tenaga terus berkembang pesat di kalangan negara membangun, di mana penggunaan tenaga adalah seiring dengan pertumbuhan ekonomi.

Walaupun ianya tidak realistik bagi negara-negara membangun dalam mengurangkan kehendak terhadap tenaga yang diperlukan bagi perkembangan ekonomi, namun kaitan antara penggunaan tenaga dan pertumbuhan ekonomi perlu dikurangkan.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Ketua Sistem Perancangan dan Penyelidikan Projek Jurutera Eksekutif Kanan, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Ismail Puteh di Mesyuarat Pemeliharaan dan Keberkesanan Tenaga ASEAN Ke-6 yang berlangsung di Hotel Orchid Garden di sini.

Selain itu mesyuarat juga mempertimbangkan dan meluluskan isu-isu yang berkaitan dengan usaha memperkasakan tenaga dan membincangkan program kerja bagi bengkel tenaga ASEAN.

Antara agenda mesyuarat itu ialah pembentangan laporan Pengerusi

Oleh Aliddin HM

Lembaga Hakim, pertim-bangan dan perlulusan terhadap Piawaian ASEAN dan laporan mengenai pemeliharaan minyak dan gas.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri oleh 19 delegasi termasuk Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam dan Kemboja serta jemputan khas dari Indian Oil Company yang mewakili rangkaian cawangan sektor pemeliharaan dan keberkesanan tenaga ASEAN.



MESYUARAT Pemeliharaan dan Keberkesanan Tenaga ASEAN Ke-6 yang berlangsung di Hotel Orchid Garden baru-baru ini. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Kedai Cyber Dott Cafe sediakan kemudahan kepada penumpang transit

Oleh Hj Ahmad HS

BERAKAS, 22 Mei. - Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Kassim bin Haji Latip berkata, dalam tahun 2000 pergerakan penumpang mencapai angka sebanyak 1.02 juta dan bertambah kepada 1.06 juta dalam tahun 2001.

Peningkatan pergerakan para penumpang ini adalah disebabkan faktor keadaan pengangkutan udara yang baru sahaja menunjukkan tanda-tanda pemulihan dari kemelesetan termasuk lapangan terbang negara ini.

Beliau menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Cyber Dott Cafe di Dewan Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Pergerakan penumpang transit adalah aspek yang menunjukkan potensi untuk dimajukan kerana terdapat laluan-laluan lain yang mempunyai potensi, ujarnya.

Ketika ini pergerakan transit kebanyakannya hanya bagi perjalanan Australia/Eropah dan rantau Timur Tengah.

"Ke arah meningkatkan angka transit ini usaha yang lebih gigih perlulah ditingkatkan oleh semua pihak," katanya.

Menurut Pengarah Penerbangan Awam, Syarikat Cyber Dott Cafe yang menjalankan operasinya telah mendapat sambutan dari pelanggan-pelanggan transit terutama penumpang-penumpang perjalanan Eropah/Australia.

Ketika ini penumpang adalah dianggap sebagai pelanggan yang paling utama oleh pihak antarabangsa, katanya.

Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, jelasnya, beberapa perkhidmatan telah pun diimplementasikan dan beberapa perkhidmatan lagi sedang dalam perancangan.

Majlis perasmian cawangan Cyber Dott Cafe disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dengan memotong reben dan kemudian menyaksikan lebih dekat kemudahan-kemudahan yang terdapat di syarikat tersebut.

Cyber Dott Cafe merupakan salah sebuah syarikat yang telah menyediakan kemudahan perkhidmatan komputer termasuk penyediaan talian internet, chatting, faks, dan talian telefon.

Mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut dikenakan bayaran \$5.00 bagi 1 jam dan \$3.00 selama 30 minit.

Kemudahan perkhidmatan Cyber Dott Cafe dibukakan kepada penumpang-penumpang yang akan berlepas ataupun mereka yang transit di negara ini termasuk pegawai dan kakitangan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria memotong reben sebagai tanda perasmian cawangan Syarikat Cyber Dott Cafe di Dewan Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Gambar oleh Masri Osman.

JPD Brunei dan JPJ Malaysia tingkatkan hubungan kerjasama



MESYUARAT Kedua Lintas Sempadan antara JPD Brunei dan JPJ Malaysia dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Othman bin Haji Momin dan Pengarah JPJ Malaysia, Dato Dr. Haji Sahar. - Gambar oleh Harun HR.

GADONG, 22 Mei. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Malaysia meningkatkan lagi hubungan kerja dan persefahaman mengenai isu-isu lalu lintas sempadan kedua buah negara.

Perkara itu dibincangkan melalui Mesyuarat Kedua Lintas Sempadan antara JPD dan JPJ di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, di sini.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Pengarah JPD, Awang Haji Othman bin Haji Momin dan Ketua Pengarah JPJ Malaysia, Dato Dr. Haji Sahar bin Sidek, ketua delegasi yang antara lain telah bersetuju mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan kedua buah negara yang sedia ada.

JPJ Malaysia menyasarkan kenderaan perniagaan daripada Negara Brunei Darussalam dimestikan membawa Alat Kecemasan Pemantulan Tiga Segi (Emergency Triangle) bagi kegunaan semasa kenderaan rosak di tepi jalan.

Isu keluar masuk kenderaan persendirian dan perniagaan melalui 'check point' Negara Brunei Darussalam merupakan antara agenda perbincangan kedua-dua agensi penguatkuasa itu.

"Ini adalah bertujuan

Oleh Samle HJ

untuk memperbaiki pengangkutan barangan dan penumpang yang melalui batas sempadan supaya akan berjalan dengan lancar dan selamat di samping mengikuti peraturan-peraturan lalu lintas jalan raya bagi kedua buah negara," jelas Awang Haji Othman.

Jabatan Pengangkutan Darat juga memaklumkan bahawa Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Lurah dan Labu hanya menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa dan pemeriksaan kereta bertugas pada waktu pejabat sahaja.

Sementara itu, JPJ juga menyatakan akan sentiasa memberi kerjasama memantau pemandu atau kenderaan yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Mesyuarat berkenaan merupakan susulan mesyuarat mengenai perbincangan lintas sempadan di antara JPJ Sarawak-Sabah dan JPJ Negara Brunei Darussalam yang telah diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun lalu.

Ia juga merupakan lanjutan mesyuarat keempat bagi Joint Committee On Cross Border of Facilitation On Land Transportation yang berlangsung di sini pada bulan Februari lalu.

Timbalan Menteri Pertahanan, Pemerintah ABDB terima kunjungan hormat

BERAKAS, 20 Mei. - Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Yang Berbahgia Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh bersama rombongan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di pejabat Yang Amat Mulia di Kementerian Pertahanan, Perkhemahan Bolkiah.

Kunjungan hormat hampir 20 minit kemudiannya diteruskan dengan kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang

Oleh Abdullah Asgar

Dimulakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Md. Jaafar di pejabat Yang Dimulakan yang juga terletak di perkhemahan itu.

Republik Singapura mempunyai sebuah kem latihan tentera daratnya di Kem Lakiun, Temburong. Baru-baru ini mereka telah mengadakan latihan bersama dengan anggota-anggota dari Batalion Ketiga Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima kunjungan hormat Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Yang Berbahgia Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Pelan Bayar Ansur bagi pelanggan e-speed

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 14 Mei. - Kerajaan
Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam melalui Ja-
batan Telekom Brunei
(JTB) baru-baru ini telah
menandatangani per-
janjian Pelan Bayar Ansur
bagi pelanggan e-speed
dengan Bank Baiduri
Berhad.

Oleh
Ak. Jefferi PD

Majlis penandatanganan tersebut diadakan di Ibu Pejabat, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Menandatangani sebagai wakil pihak kerajaan ialah Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman dan Ketua Bahagian Perdagangan Global, Kor-

porat dan Internet, Awang Poh Eng Gee, sementara Bank Baiduri Berhad pula diwakili oleh Ti Eng Hui, Deputy General Manager Retail Banking dan Lee Ai Cheng, Pengurus Pusat Kad.

Pelan tersebut direka bagi pelanggan e-speed warganegara Brunei dan penduduk tetap di negara ini. Pada mulanya pelan tersebut hanyalah bagi pemegang kad kredit visa

dan Master Bank Baiduri dan akan dilaratkan kepada pemegang akaun Bank Baiduri Berhad lainnya.

Pelanggan-pelanggan hanya perlu memberi arahan tetap kepada bank untuk menolak pembayaran bulanan secara langsung melalui akaun kad kredit mereka. Kaedah pembayaran ini adalah dikhaskan untuk caj bayaran pertama bagi pelanggan persendirian sahaja.

Tiga pakej menarik yang ditawarkan termasuklah, value surf, super surf dan premium surf.

Pelanggan e-speed juga boleh memohon bagi kemudahan 'direct debit' di mana pembayaran bil dibuat melalui kad kredit. Bil bulanan akan ditolak secara automatik dan pelanggan tidak lagi perlu ke kaunter untuk membuat pembayaran. Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web di www.e-speed.com.bn atau 1800-2002.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Md. Jaafar menerima kunjungan hormat Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

'Carat Exercise 2002' antara ATLDB dan TLAS

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 6 Mei. - Latihan tahunan antara Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) dan Tentera Laut Amerika Syarikat (TLAS) telah dilancarkan di Berakas Garrison di sini.

Latihan bersama itu diberi nama 'Carat Exercise 2002' telah dilancarkan oleh Pemerintah ATLDB, Yang Dimulakan Pehin Datu Penglima Kolonel Haji Awang Abdul Jalil.

Pemangku Pengarah Latihan Jabatanarah Latihan dan Tugas Turus, Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel Haji Sharifuddin bin Dato Paduka Haji Mohamad antara lain berkata, latihan itu diadakan ialah untuk mewujudkan persefahaman selain mengeratkan lagi hubungan ketenteraan di antara kedua-dua angkatan dan seterusnya bergerak ke hadapan bagi mengadakan aktiviti latihan yang lebih besar.

Beliau menambah, latihan itu juga dapat mengukuhkan lagi keselamatan di rantau ini

yang mempunyai potensi yang besar dalam kegiatan ekonomi di seluruh rantau Pasifik yang mana kita perlu menjaganya daripada terjejas.

Selain itu jelasnya, latihan berkenaan juga memberi peluang keemasan kepada anggota tentera berinteraksi dan melakukan kerja-kerja amal.

Latihan selama seminggu itu melibatkan kira-kira 1,400 orang kelasi, marin dan pasukan pengawal pantai USN termasuk empat buah kapal perangannya.

Latihan bersama TLAS itu adalah yang pertama dikelolakan oleh TLAS untuk mengadakan latihan dua hala dengan rakan di Asia Tenggara, Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura, Thailand dan Republik Filipina.



PENGARAH Telekom, Awang Buntar bin Osman dan Ketua Bahagian Perdagangan Global, Korporat dan Internet, Awang Poh Eng Gee, sementara Bank Baiduri Berhad diwakili oleh Awang Lee Ai Cheng, Pengurus Pusat Kad Bank yang sama menandatangani Perjanjian Pelan Bayar Ansur bagi pelanggan e-speed dengan Bank Baiduri Berhad. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN (BAHAGIAN II)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pembahagian bahan-bahan kurikulum ke pusat-pusat pengagihan sekolah-sekolah rendah.	2 minggu
2.	Penyampaian maklumat mengenai orientasi kepada pegawai-pegawai dan guru-guru.	1 bulan sebelum orientasi
3.	Penilaian semula bahan-bahan kurikulum.	Seawal-awalnya 1 tahun setelah digunakan



PEMERINTAH Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimulakan Pehin Datu Penglima Kolonel Haji Awang Abdul Jalil bergambar kenangan bersama pasukan ATLDB dan Tentera Laut Amerika Syarikat sejourus perasmian 'Carat Exercise 2002'. - Gambar oleh Ramli Tengah.



KELIHATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah dari peserta dan orang ramai yang menyertai perhimpunan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



INSTITUSI-INSTITUSI pengajian tinggi, penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai bersama-sama memeriahkan Sambutan Maulud dengan menghadirkan diri masing-masing sejak awal pagi di Perhimpunan Maulud yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (gambar kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



Lebih 20 ribu perarakan Ma

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengi-

ran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba baginda dan kerabat-kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin

Liputan
Gam
jur

Jawatan L...
Dr. Ustar...
Pencen...
Kebesaran...
Jawatank...
Islam.

Atas...
bacaan...
Mufti K...
Dihormati...
Paduka...
Aziz bin...

Sejara...
aluan...
Pehin...
Utama...
yang...
punan...
syiar...
meng...

Denga...
akan...
punyi...
meng...
sesuai...
Bangsa...

Kebawa...
an...
pasukan...
ziarah...
perhimpun...

Sambun...
persembah...
institusi...
Bank...
Pembunga...
dan...
Taman...

Di...
Yang...
diraja...
negara...
Raja...

Perata...
20 ribu...
dari...
jabatan...
tinggi...
dah...
tubuhan...

rtai ud

Haji Ismail
bar oleh
abatan
gan

Dato Seri Utama
Mohd. Zain, selaku
Sambutan Hari-hari
Maulud Nabi
Kebesaran

bermula dengan
yang dipimpin oleh
Dimuliakan Lagi
Maharaja Dato
Awang Abdul

apan sembah alu-
Yang Berhormat
Raja Dato Seri
Mohd. Zain
bawah perhim-
meninggikan lagi
akidah dan
umat Islam.
umnya, umat Islam
tahan uji, mem-
bersiap sedia
dan tentangan
'Aqidah Kukuh

Ma Mulia kemudi-
pada pasukan-
menerima junjung
yang menyertai

diserikan dengan
dari tiga buah
yang terdiri dari
had (IBB); Bank
Berhad (IDBB)
Borneo (TAIB).

Kebawah Duli
kerabat-kerabat
mengelilingi ibu

oleh lebih dari
sukan yang terdiri
jabatan-
pengajian
menghantar dan ren-
pertubuhan-per-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda dan adinda baginda mengemulangi perarakan Maulud Nabi mengelilingi ibu kota Bandar Seri Begawan, sementara gambar bawah dan kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah dari para peserta.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik menerima junjung ziarah sejurus tiba di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, sementara gambar bawah juga berangkat ke Sambutan Maulud ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



MUFTI Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz membaca doa selamat, sementara gambar bawah kiri, persembahan Dikir Marhaban dipersembahkan oleh institusi-institusi kewangan Islam.



Sempena Majlis Penganugerahan Anak Kunci Rumah dan Lot Tanah

Penduduk mesti peka terhadap kebersihan, keharmonian kampung

JERUDONG, 20 Mei. - Jika penduduk sesebuah kampung itu kurang mengambil perhatian terhadap kebersihan alam sekitar dan suasana serta keharmonian kampung, maka ia tidak mempunyai taraf sebagai kampung yang aman dan sempurna.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Harun berkata demikian dalam sembah ucapan alu-aluan di Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah dan Lot-lot Tanah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong berlangsung di Sekolah Rendah Jerudong.

"Adalah dimaklumi oleh abiskita sekalian bahawa kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian sebuah kampung itu adalah bergantung kepada penduduknya," tegas Awang Haji Harun.

Ke arah itu katanya, adalah perlu bagi mereka mempunyai kesedaran untuk sentiasa menjaga kebersihan kampung masing-masing termasuk mengamalkan sifat-sifat bermuafakat, permuakarah, berjiran, berketua dan saling bantu-membantu sesuai dengan kehidupan orang Brunei yang sentiasa menghormati adat resam serta mempunyai budi bahasa dan pekerti yang tinggi.

Dalam majlis itu beliau juga menyeru agar penduduk kampung akan sentiasa memberikan kerja-

Liputan Abd. Karim HAB
dan Sahari Akim

sama kepada ketua kampung yang dilantik dan secara sukarela menjadi ahli kepada Majlis Perundingan Kampung untuk sama-sama memikirkan kebajikan dan kesejahteraan kampung.

Terdahulu Awang Haji Harun menyebarkan rasa kesyukuran dan menjunjung kasih atas limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenankan cadangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara bagi menguasai dan memantapkan pentadbiran Kampong Rimba kepada enam kawasan di mana setiap kawasan diketuai oleh seorang ketua kampung.

Kampung-kampung tersebut ialah Kampong Rimba, Kampong Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Rimba, Kampong Kawasan 1 Perumahan Negara Rimba, Kampong Kawasan 2 Perumahan Negara Rimba, Kampong Kawasan 3 Perumahan Negara Rimba dan Kampong Kawasan 4 Perumahan Negara Rimba.

Menyentuh keberangkatan Kebawah Duli Yang



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Harun menasihatkan penduduk sesebuah kampung supaya peka terhadap kebersihan alam sekitar dan menjaga keharmonian kampung.

Maha Mulia ke Kampong Jerudong dan Kampong Rimba, Pegawai Daerah menyifatkannya sebagai suatu yang sangat dinanti-nantikan dan akan dikenang sebagai satu detik sejarah, peluang keemasan serta penghormatan yang besar erinya kepada penduduk-penduduk berkenaan.

Mengenai penganugerahan anak-anak kunci dan lot-lot tanah, menurut Awang Haji Harun, ia menunjukkan bahawa hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melihat rakyat baginda memiliki sebidang tanah bagi setiap keluarga yang belum bertanah sudah terlaksana.

Kebawah DYMM berkenan lawat ITB

TUNGKU, 20 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melawat Institut Teknologi Brunei (ITB) yang merupakan sebahagian dari cara keberangkatan baginda sebaik saja menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong yang diadakan di Sekolah Rendah Jerudong.

Keberangkatan tiba baginda di institut itu dijunjung oleh Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusri bin Haji Abdul Halim dan beberapa orang pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

Sejurus disembahkan kepada para kakitangan pentadbiran dan akademik, baginda dijunjung melawat ke beberapa jabatan di institut itu termasuk Jabatan Perniagaan dan Pengurusan (DBM), Jabatan Pengkomputeran dan Sistem-sistem Maklumat (DCIS), Jabatan Elektrikal dan Kejuruteraan Komunikasi (DECE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (DME) dan Jabatan Kejuruteraan Awam (DCE).

Dalam lawatan itu, baginda berkesempatan menyaksikan lebih dekat pelbagai kemudahan yang terdapat di jabatan-jabatan itu sambil berinteraksi bersama para penuntut yang mengikuti kursus-kursus berkenaan.

Baginda juga dijunjung melawat perpustakaan sambil disembahkan taklimat oleh Ketua Perpustakaan ITB, Dayang Hajah Puspaini binti Haji Thani mengenai kemudahan-kemudahan di perpustakaan itu.

Selepas itu baginda berkenan pula melawat bahagian pentadbiran sambil beramah mesra bersama para pegawai dan kakitangan bahagian itu.

Sejurus sebelum berangkat mengakhiri lawatan, baginda berkenan menandatangani buku lawatan dan menerima junjung ziarah para pegawai dan kakitangan pentadbiran dan akademik serta para penuntut.

ITB ditubuhkan dalam tahun 1986 di kampus Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara dengan pembentukan Department of Business and Management, Department of Computer Studies dan Department of Electrical and Electronic Engineering. Institut itu kemudian berpindah ke kampus kekal (fasa 1) yang terletak bersebelahan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam tahun 1998 menubuhkan dua lagi jabatan iaitu Department of Civil Engineering dan Department of Mechanical Engineering.

Ketika ini, ITB menawarkan pelbagai kursus secara sepenuh masa (dua setengah tahun atau empat semester pengajian dan penempatan industri) dalam BTEC HND In Business and Finance; BTEC HND In Computing; BTEC HND In Information System; BDTVEC HND in Electrical Power & Building Services Engineering; BDTVEC In Communication & Computer System Engineering; BDTVEC HND In Civil Engineering dan BDTVEC HND In Mechanical Engineering.

Di samping kursus berkenaan, Department of Electrical and Communication Engineering juga mengendalikan komponen kejuruteraan bagi tahun pertama dan tahun kedua program Bachelor of Engineering yang ditawarkan bersama oleh UBD dan University of Glasgow, United Kingdom.

ITB juga merancang untuk menawarkan kursus Post HND bagi program B. Eng In Civil Engineering (program kembar dengan Queen University of Belfast).

Setakat ini, ITB telah mengeluarkan 1,214 orang graduan. 36 peratus daripada mereka telah berkhidmat di sektor kerajaan, 29 peratus di sektor swasta, 10 peratus melanjutkan pelajaran dan lima peratus menceburi bidang keusahawanan.

Menyentuh mengenai tenaga pengajar, ITB kini mempunyai 41 orang pensyarah anak tempatan dan 42 orang pensyarah luar negeri.

Beramah mesra bersama peserta Rancangan Perumahan Negara Kg. Rimba

RIMBA, 20 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli melawat rumah sembilan orang peserta yang menerima lot-lot tanah dan anak-anak kunci di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong sempena Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci dan Lot-lot Tanah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong yang berlangsung di Sekolah Rendah Jerudong.

Dalam keberangkatan lawatan itu, baginda yang diiringi oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin mula-mula berangkat bercemar duli ke rumah para penerima lot-lot tanah yang terletak di Jalan 35. Rumah pertama baginda kunjungi ialah rumah Dayang Rokayah binti Mohd. Noor diikuti rumah Pengiran Abdullah bin Pengiran Haji Damit.

Baginda juga berkenan berangkat melawat rumah Awang Mohammad bin Haji Kabon yang terletak berhampiran. Setelah itu, baginda pula berangkat ke rumah Awang Mohammad bin Ibrahim.

Kemudian baginda berkenan melawat ke rumah para peserta yang mene-

rima anak-anak kunci yang terletak di kawasan Jalan 60.

Mula-mula baginda berangkat ke rumah Awang Zalaini bin Salleh, diikuti rumah Pengiran Anak Noorsaadah binti Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Chuchu Besar. Baginda seterusnya berangkat ke rumah Awang Raya @ Mohd. Suhardi bin Idris, rumah Awang Md. Noor bin Taha dan rumah Awang Ali bin Jumat.

Di sepanjang keberangkatan baginda bercemar duli ke rumah-rumah para peserta, baginda meluangkan masa beramah mesra bersama ketua dan ahli-ahli keluarga di rumah-rumah berkenaan, di samping bergambar kenangan bersama mereka.

Dalam majlis penganugerahan kali ini, bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Untuk Orang Awam Peringkat Kedua, seramai 30 orang peserta rumah

jenis B, 35 orang menerima kelas C, 22 penerima jenis D dan 50 penerima rumah kelas E.

Manakala dalam RPN bagi Orang Awam Peringkat Ketiga Fasa 1 pula seramai 13 orang menerima rumah kelas jenis C, tujuh orang menerima rumah kelas D dan enam orang menerima rumah kelas E.

Sementara RPN bagi para Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Bahagian

III, IV dan V Peringkat Pertama Fasa 1, seramai 24 orang menerima rumah kelas B, 14 penerima rumah kelas C, enam orang penerima kelas D dan 17 orang menerima kelas E.

Dalam skim pembahagian lot-lot tanah bagi pegawai dan kakitangan kerajaan pula, seramai 76 peserta menerima lot-lot berkenaan yang masing-masing terletak di Jalan 32, Jalan 35, Jalan 38 dan Jalan 39.

Bersyukur memiliki rumah dan lot tanah

JERUDONG, 20 Mei. - Suasana kesyukuran dan kerianan jelas terbayang di setiap wajah anggota keluarga penerima anak-anak kunci dan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba Gadong kerana telah berjaya memiliki tanah dan rumah sendiri.

Bagi mereka memiliki tanah dan rumah sendiri merupakan satu keutamaan dalam kehidupan berkeluarga yang akan menjurus ke arah pembentukan keluarga yang sihat dan harmoni.

Dalam suasana riang itu mereka tidak lupa merakamkan syukur serta menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan dan kurnia yang sangat besar erinya itu.

Rata-rata mereka amat menghargai kemurahan hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memastikan bahawa kebajikan rakyat negara ini tidak terabai dan sentiasa hidup dalam suasana aman, sejahtera dan selesa.

Dayang Rokayah binti Haji Mohd. Noor, seorang penerima lot tanah yang sempat ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI antara lain melahirkan perasaan amat gembira kerana kini telah dapat membina dan mendiami rumah sendiri bersama suami dan tiga orang anak.

Beliau yang berkhidmat sebagai Pegawai Perpustakaan di Dewan Bahasa dan Pustaka sudah mendiami rumah tersebut sejak tahun 1999 lagi dan sebelum-

nya tinggal di flat dan rumah kerajaan.

Katanya, diam di rumah sendiri bersama keluarga sangat selesa apatah lagi dalam usaha mendidik anak-anak yang masih bersekolah dan sedang membesar agar mereka menjadi orang yang berguna kepada bangsa dan negara suatu hari nanti.

Seorang lagi penerima anak kunci rumah, Pengiran Anak Noorsaadah binti PKN Pengiran Anak Haji Chuchu Besar yang memilih rumah jenis 'B' juga amat menjunjung kasih dan menghargai kemurahan hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang membolehkannya memiliki rumah di bawah skim tersebut.

Beliau yang merupakan seorang peniaga mendiami rumah tersebut sejak lima tahun lepas bersama keluarga dan sebelum ini tinggal di rumah persinggahan Jabatan Kemajuan Perumahan yang disediakan bagi pemohon-pemohon yang sedang menunggu Skim Rancangan Perumahan Negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara berterusan giat melaksanakan pembinaan rumah-rumah dan pengurusan lot-lot tanah untuk memastikan pemohon-pemohon berkelayakan cepat memiliki rumah atau lot tanah.



DAYANG Rokayah binti Haji Mohd. Noor melahirkan perasaan amat gembira kerana membina dan mendiami rumah sendiri (atas).

PENGIRAN Anak Noorsaadah binti PKN Pengiran Anak Haji Chuchu Besar menjunjung kasih dan menghargai kemurahan hati Kerajaan Kebawah DYMM yang membolehkannya memiliki rumah (kanan).





MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika merasmikan Pusat Urusniaga Telekom Berakas. - Gambar oleh Masri Osman

Nombor baru mempunyai tujuh angka

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 18 Mei. - Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Telekom akan mengenalkan skim penomboran baru telefon di negara ini dari enam angka kepada tujuh angka bagi memenuhi perkhidmatan-perkhidmatan baru serta yang lebih efektif.

Perlaksanaan bagi skim penomboran baru bagi tujuh angka itu dijangka

akan mula digunakan pada penghujung tahun ini.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian Pusat

Urusniaga Telekom Berakas dan Pelancaran Perkhidmatan Bill On Line, yang berlangsung di Ibu Sawat Berakas.

Katanya, untuk memberi persediaan kepada pelanggan terutama kepada peniaga yang membuat pertukaran nombor tersebut, Jabatan Telekom Brunei akan memberikan tempoh peralihan yang mencukupi sebelum nombor baru itu digunakan sepenuhnya.

Skim penomboran baru itu tambahnya, dijangka akan lebih fleksibel dalam menyediakan rangkaian bagi perkhidmatan masa hadapan iaitu dalam erti kata lain pelanggan masih boleh terus menggunakan sesuatu nombor itu walaupun ia berpindah ke tempat atau daerah lain di negara ini.

Selain itu, tambahnya skim penomboran baru tersebut akan memberikan nombor yang unik yang dapat mengelakkan kekeliruan bagi nombor yang ada pada masa ini dan dengan perkhidmatan tersebut perkhidmatan CLI

akan dapat dipermudahkan di mana pelanggan hanya perlu menekan punat 'redial' bagi membuat panggilan balik.

Menyentuh mengenai Perkhidmatan Bill On Line yang baru dilancarkan itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa ianya merupakan suatu usaha inovatif untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat terus mengenai bil pembayaran bagi perkhidmatan telekomunikasi.

"Adalah menjadi hasrat dan matlamat kita agar dengan adanya pusat ini dan JTB Bill On Line, Jabatan Telekom Brunei akan dapat mendampingi pelanggan-pelanggannya dengan lebih senang bagi memberikan perkhidmatan-perkhidmatan telekom dengan lebih mudah, cepat dan efisien," jelas Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Selain itu apa yang lebih penting, Yang Berhormat mengingatkan Jabatan Telekom Brunei sebagai sebuah organisasi yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai haruslah memberikan keutamaan kepada kehendak dan keperluan pelanggan dengan perkhidmatan yang mesra dan bermutu tinggi.

Oleh itu, jelasnya, usaha-usaha dalam meningkatkan mutu perkhidmatan bagi memenuhi kehendak pelanggan dan pengutamaan dalam pemedulian pelanggan merupakan komponen atau tunggak utama dalam mempertahankan perniagaan dalam industri telekomunikasi dan infokomunikasi yang semakin berdaya saing lagi dinamik.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menerima penerangan ringkas dari Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman mengenai Perkhidmatan Bill On Line sejurus merasmikan dan melancarkan Pusat Urusniaga Telekom Berakas dan Pelancaran Perkhidmatan Bill On Line. - Gambar oleh Masri Osman.

Pengusaha, pemandu diseru elakkan kemalangan jalan raya

Oleh
Abdullah Asgar

GADONG, 21 Mei. - Pengusaha-pengusaha dan pemandu-pemandu bas pengangkutan awam Permit P and S terus diseru supaya sama-sama mengelak dan menghindarkan kemalangan jalan raya di negara ini yang terus meningkat membabitkan kenderaan berat.

Tahun lalu saja kejadian kemalangan dan melanggar Akta Lalulintas di kalangan kenderaan berat mencapai 300 kesalahan seperti cukai jalan mansuh, lesen memandu mansuh, tidak membawa lesen memandu, lebih muatan dan memandu laju.

Pengarah Pengangkutan Darat (JPD), Awang Haji Othman bin Haji Momin menyuarakan perkara ini ketika mengadakan dialog bersama pengusaha-pengusaha, pemandu-pemandu pengangkutan bas awam Permit S dan P di JPD.

Awang Haji Othman berkata, pihaknya melalui pegawai penguatkuasa sering mendapati kesalahan-

kesalahan lebih muatan, cukai jalan dan lesen memandu mansuh termasuk tidak membawa lesen memandu yang dilakukan oleh pemandu-pemandu kenderaan berat bagi Permit S dan P.

Katanya pihak JPD bersama Pasukan Polis Diraja Brunei akan terus mengadakan sekatan jalan raya bagi membanteras kesalahan-kesalahan tersebut dalam usaha memastikan kadar kemalangan dan kesalahan-kesalahan lain boleh dikurangkan.

Dialog bersama itu diteruskan dengan sesi soal jawab bersama mereka yang hadir di mana berbagai cadangan dan masalah diutarakan untuk sama-sama diambil maklum.

Mengikut pihak JPD tujuan utama mengadakan dialog bagi memberikan pengetahuan mengenai keselamatan mengangkut

barangan di jalan raya, mendedah Konsep 4E dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

Tahun lalu saja terdapat enam kesalahan utama yang dilakukan oleh pemandu-pemandu kenderaan berat dan pemandu-pemandu kenderaan biasa.



PENGARAH Pengangkutan Darat (JPD), Awang Haji Othman bin Haji Momin (dua dari kanan) ketika berucap di Majlis Dialog bersama pengusaha-pengusaha, pemandu-pemandu pengangkutan bas awam Permit S dan P pada 21 Mei lepas. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

Kes jenayah perlu ditangani mengikut undang-undang

Oleh Samle Haji Jait

GADONG, 18 Mei. - Anggota polis perlu mengikut undang-undang bukannya mengikut perasaan hati dan menyalahkan kuasa yang diberikan dalam mengendalikan kes-kes jenayah.

"Selaku penguatkuasa, para anggota juga mesti menghindari dari kes-kes jenayah termasuk penyalahgunaan dadah," jelas Timbalan Penguasa Polis Md. Faizal Al Sufri Haji Adinin, Pemangku Komandan Pusat Latihan Polis di Majlis Penutup Kursus Penyiasatan SPO Skwad 111/2000 dan Disiplin Mata-Mata Skwad IV, di Pusat Latihan Polis Diraja Brunei.

Seramai 25 pegawai termasuk tiga pegawai penguatkuasa dari Kementerian Hal Ehwal Ugama buat julung kalinya menyertai kursus yang berlangsung selama enam minggu itu.

Timbalan Penguasa Polis menjelaskan, Pusat Latihan Polis akan terus memberi kerjasama dengan jabatan-

jabatan yang berkaitan untuk mengendalikan sebarang kursus yang bersesuaian.

Katanya, kursus penyiasatan akan diadakan secara berterusan memandangkan kes-kes jenayah semakin berleluasa dan pasukan polis memang berperanan bagi membendung jenayah.

Kursus yang mendedahkan hal-ehwal penyiasatan yang bersistematik dan berkesan itu diharap akan dapat meningkatkan mutu dan prestasi kerja para pegawai.

Tetamu kehormat majlis, Pemangku Penguasa Polis Awang Rahim Mohd. Noor, Pemangku Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah telah menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta kursus.



TIMBALAN Penguasa Polis Md. Faizal Al Sufri Haji Adinin, Pemangku Komandan Pusat Latihan Polis menyampaikan sijil kepada seorang pegawai penguatkuasa dari Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menyertai Kursus Penyiasatan SPO Skwad 111/2000 dan Disiplin Mata-Mata Skwad IV, di Pusat Latihan Polis Diraja Brunei. - Gambar oleh Harun HR.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah para ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam di Majlis Penyampaian Hadiah dan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan mengurniakan sabda bagi merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PAPDA Ke-16. Majlis berlangsung di Centrepoin.

Berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Al-Quran

Oleh Hj. Ahmad HS

BERAKAS, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran anjuran Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam di sini.

Keberangkatan tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa telah dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang juga selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Pesuruhjaya Pandu Puteri Daerah Brunei-Muara, Pengiran Haklimah binti Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh yang juga selaku Pengerusi majlis dalam sembah alu-aluannya antara lain menyentuh mengenai tujuan pertandingan yang diadakan dua tahun sekali itu.

"Disembahkan bahawa Musabaqah Tilawatil Quran ini adalah salah satu aktiviti yang diadakan dua tahun sekali sebagai sumbangan positif Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam ke arah perpaduan melalui bidang keagamaan kerana Al-Quran adalah menyeru kepada keterlibatan manusia dalam memelihara keamanan dan menajaukan diri dari permusuhan," sembah beliau.

Seramai 21 orang ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam menyertai pertandingan tersebut yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu dewasa, pandu puteri dan tunas puteri.

Juara bahagian dewasa telah disandang oleh Dayang Khazanah binti Haji Ahmad Tafsir; tempat kedua, Dayangku Rabbiah binti Pengiran Salehudin dan ketiga ialah Dayang Hajah Norsiah binti Haji Mokhtar.

Manakala dalam Bahagian Pandu Puteri, juara telah disandang oleh Dayang Lia Nursaabah binti Haji Mirwan Batu Bara; kedua, Dayang Siti Nurbazilah binti Ghazali dan tempat ketiga, Dayang Halimatul Mardziah binti Ahmad.

Bahagian Tunas Puteri telah dijuarai oleh Dayang Nabillah binti Haji Abd. Rahman; tempat kedua, Dayang Wajihah binti Haji Lamit dan ketiga, Dayang Nurul Azizah binti Haji Abd. Aziz.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada para pemenang dan juga hakim-hakim pertandingan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berkenan mengurniakan sebuah piala pusingan bagi Bahagian Dewasa. Sementara itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri telah berkenan mengurniakan sebuah piala pusingan bagi Bahagian Pandu Puteri. Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah menerima junjung ziarah daripada mereka yang hadir.



PAPDA tidak terkecuali hadapi cabaran abad ke-21

Oleh Ak. Jefferi PD

GADONG, 24 Mei. - Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) tidak terkecuali dari menghadapi cabaran di abad ke-21 sebagaimana juga yang dihadapi oleh pertubuhan dan persatuan yang lain termasuk badan-badan dalam kerajaan dan sektor swasta.

"Dalam menempuh cabaran-cabaran tersebut dan juga untuk menggerakkan Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota maju ke hadapan, kunci utamanya ahli-ahli persatuan hendaklah sentiasa mengukuhkan semangat bersatu padu dan saling bekerjasama di antara satu dengan yang lain."

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam bersabda demikian semasa merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PAPDA Ke-16 yang berlangsung di Goldstones, Centrepoin di sini.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bolqiah.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengingatkan persatuan tersebut supaya membuat penilaian terhadap semua kegiatan dan perancangan yang telah pun dipersetujui di ta-

hun-tahun sebelumnya yang masih dalam pelaksanaan atau yang belum lagi terlaksana.

Dari penilaian itu nanti, sabda Duli Yang Teramat Mulia, tindakan susulan perlu dibuat ke arah memastikan tidak ada satu perancangan atau kegiatan yang diabaikan dan tertinggal tanpa dilaksanakan, kerana dikhuatiri perancangan-perancangan yang baik yang telah dirancang akan terbiar begitu sahaja dengan kemunculan perancangan dan strategi baru di tahun-tahun yang akan datang.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, bagi kecekmerlangan diri ahli-ahli menghadapi cabaran di abad ke-21, tumpuan hendaklah diberikan kepada latihan dan kemahiran di kalangan mereka kerana dengan adanya kemahiran dan pengetahuan akan dapat menjamin masa depan mereka.

Duli Yang Teramat Mulia juga bersabda, salah satu kejayaan yang perlu dibanggakan oleh ahli-ahli PAPDA, tertubuhnya pusat tersebut yang dibina di atas sekeping tanah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan pusat itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia bertujuan untuk menjalankan pelbagai kegiatan termasuk latihan kepada ahli-ahlinya untuk menarik perhatian anggota masyarakat dan badan-badan persatuan serta pihak swasta di negara ini dalam memberikan bantuan kepada pusat itu dan ahli-ahlinya serta dapat perhatian pelawat-pelawat yang terdiri orang-orang luar negeri.

Dalam pada itu, Duli Yang Teramat Mulia mengingatkan ahli-ahli PAPDA bahawa walaupun Persatuan PAPDA telah mendapat banyak perhatian daripada anggota masyarakat di negara ini mereka tidak seharusnya berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi setakat ini.

"Usaha-usaha yang berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan orang ramai dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam akan terus memberikan perhatian dan menyalurkan bantuan kepada Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota dan juga kepada Pusat Ehsan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, perlu disedari kesinambungan dan kemajuan persatuan berkait rapat dengan sokongan dan dukungan daripada orang ramai serta anggota masyarakat di negara ini secara berterusan.

Oleh itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap persatuan dan ahli-ahlinya supaya terus bekerja keras memberikan kesedaran kepada pihak-pihak dalam kerajaan dan luar kerajaan tentang perlunya mereka memberikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh persatuan khususnya mereka yang istimewa itu.

Bagi tujuan itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ahli-ahli jawatankuasa tadbir yang baru nanti harus bekerja keras mengadakan perhubungan dan rundingan dengan agensi-agensi berkenaan bagi keperluan menyediakan undang-undang yang sewajarnya dan juga bagi memastikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dapat disediakan bagi memudahkan mereka yang istimewa itu berurusan dengan mudah sebagaimana juga orang ramai dan anggota masyarakat yang lain di bangunan-bangunan awam dan swasta.

Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Abolfazl Mohammad Alikhani, Duta Besar Republik Islam Iran ke Negara

Brunei Darussalam. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar kiri).

Turut hadir di majlis itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berangkat tiba di Mesyuarat Agung Ke-10 Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) di Mes Pegawai Berakas Garison.

Berkenan rasmikan Mesyuarat Agung Ke-10 BAKTI

BERAKAS, 19 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat bagi merasmikan Mesyuarat Agung Ke-10 Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) yang berlangsung di Mes Pegawai Berakas Garison.

Juga berangkat Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung oleh Yang Dipertua BAKTI, Datin Hajah Salbiah binti Mohd. Yusoff dan Ahli-ahli Jawatankuasa BAKTI.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Ustazah Hajah Umayyati binti Mohd.

Noor diikuti kemudian sembah alu-aluan oleh Yang Dipertua BAKTI yang antara lain menyentuh mengenai perubahan perlembagaan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh BAKTI.

Di majlis itu Duli Yang Teramat Mulia selaku Penang telah berkenan bersabda dan menerima Agenda Perlembagaan BAKTI serta menyempurnakan penganugerahan sijil penghargaan kepada beberapa orang bekas Yang Dipertua BAKTI dan Yang Dipertua BAKTI yang baru.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang peraduan masakan yang dibahagikan kepada empat kategori, masakan ayam dan daging, masakan laut, acar dan jeruk dan masakan sayur dan salad.

Johan Kategori Masakan Ayam dan Daging, Pengiran Halimah binti Pengiran Mohiddin; naib johan, Dayang Sarimah binti Haji Ramlee dan tempat ketiga, Dayang Hajah Kasmawati binti Haji Ibrahim.

Johan Kategori Masakan Laut, johan, Dayang Mariam binti Adi; naib johan, Dayang Asrah binti Kunit dan tempat ketiga, Dayang Sarimah binti Haji Bakri sementara Kategori Acar dan Jeruk, johan Dayang Noreen binti Mohd. Noor; naib johan, Dayangku Rukiah dan tempat ketiga, Dayang Marzita.

Sementara Kategori Sayur dan Salad, johan, Dayang Serinah binti Samat; naib johan, Dayang Nursulaimah bte Samat dan tempat ketiga, Pengiran Hajah Halimah bte Pengiran Haji Kamaluddin.

pah bte Pengiran Haji Kamaluddin.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesembah daripada kelima-lima cawangan BAKTI dan berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa BAKTI sebelum berangkat menyaksikan Pameran Peraduan Masakan daripada ahli-ahli BAKTI.

Duli Yang Teramat Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat menyaksikan demonstrasi masakan oleh pakar masakan daripada Malaysia, Chef Wan dan berkenan santap hidangan yang dimasak.

Sebelum berangkat pulang, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menyempurnakan penganugerahan cenderamata kepada Chef Wan dan berkenan menerima cenderamata daripada pakar masakan itu serta berkenan menerima junjungan ziarah daripada ahli-ahli BAKTI.

Mesyuarat Agung BAKTI diadakan setiap dua tahun sekali dengan tujuan utamanya untuk melantik ahli-ahli jawatankuasa tadbir baru, membincangkan kedudukan kewangan dan laporan kegiatan-kegiatan serta aktiviti-aktiviti perkembangan yang telah dibuat dan dicapai.

Tahun ini Mesyuarat Agung BAKTI telah meluluskan perlembagaan yang telah diubahsuai dan dikemaskinikan terutama di bidang perniagaan dan keahliannya yang dibukakan kepada ahli penuh, ahli kehormat dan ahli biasa. Pada masa ini keramaian ahlinya lebih 300 orang.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang ahli Cawangan BAKTI yang memenangi Peraduan Masakan (atas kiri) dan kepada bekas Yang Dipertua BAKTI (atas kanan).



Oleh
Dayangku Hajah
Saidah PHOA
Gambar-gambar
oleh
Abdullah HAD
dan Masri Osman



DULI Yang Teramat Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa BAKTI yang baru dilantik (atas).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan Pameran Peraduan Masakan daripada ahli-ahli BAKTI (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima cenderamata daripada Chef Wan, pakar masakan dari Malaysia (kanan).



ARENA SUKAN

Golf Amal Baiduri: SUPAHAN DAN HAJI OSMAN MENJUARAI KEJOHANAN GOLF

MENTIRI, 19 Mei. - Awang Supahan Ismail dan Awang Haji Osman bin Haji Momin masing-masing muncul sebagai johan keseluruhan bagi acara lelaki gross dan nett di Perlawanan Golf Amal Kumpulan Bank Baiduri yang berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri.

Perlawanan yang berlangsung selama dua hari bermula 18 Mei itu telah disertai hampir 400 pemain termasuk dari Miri dan Labuan serta seorang dari Melaka.

Berangkat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi selaku tetamu kehormat di perlawanan

tersebut.

Pemenang dalam bahagian lelaki A gross telah di menangi oleh Mitchell Leong dan diikuti tempat kedua dan ketiga oleh Awang Ahmad Yani dan Awang Haji Arfian.

Dalam bahagian lelaki A nett Awang Johari Ahmad telah muncul sebagai johan dan disusuli tempat kedua dan ketiga oleh Awang Junaidi Latif dan Awang Chu Wai Ming.

Bagi acara gross dalam bahagian lelaki B johan disandang oleh Awang Su Meow Hing dan diikuti oleh Awang Ismail bin Haji Mohammad dan Awang Kheng Kim Fatt.

Johan bahagian lelaki B bagi acara nett disandang

Oleh Abu Bakar HAR

oleh Chieng Hock Hing dan diikuti rapat oleh Awang Chan Lek Wei dan Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad bagi tempat kedua dan ketiga.

Juga dipertandingkan dalam perlawanan amal itu termasuklah bahagian lelaki C dan D bagi acara nett.

Sebelum penyampaian hadiah bermula majlis disarikan dengan penyampaian alat-alat bantu bagi membantu kanak-kanak di Pusat Pembangunan Kanak-kanak khusus bagi yang kurang upaya telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi sem-

pena Perlawanan Golf Amal yang dikendalikan oleh Kumpulan Bank Baiduri.

Perlawanan Golf Amal Kumpulan Bank Baiduri telah bermula sejak tahun 1997 dan sering menyumbang kepada pusat berkenaan.

Antara yang disumbangkan itu termasuklah beberapa buah kereta sorong dan beberapa alat kegunaan harian termasuk alat-alat pembelajaran seperti buku dan alat permainan sambil disaksikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan.



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Awang Supahan Ismail yang menjadi johan keseluruhan bagi acara lelaki gross dan nett, Perlawanan Golf Amal Kumpulan Bank Baiduri. - Gambar oleh Mohd. Zul-izli.

B.E.A anjur Klinik Dressage dan Showjumping

Oleh Haji Ahmad HS

JERUDONG, 18 Mei. - Seramai 26 orang penunggang kuda dan ahli-ahli Jerudong Park Country menyertai Klinik Dressage dan showjumping selama lima hari yang mana telah bermula hari ini di Arena Tertutup Jerudong Park Country Club di sini.

Klinik tersebut adalah anjuran Persatuan Equine Brunei (B.E.A) dan dikendalikan oleh seorang pakar Klinik Dressage dan showjumping, Christopher Ladbroke dari New Zealand.

Sepanjang mengikuti klinik itu para peserta menjalani empat sesi iaitu sesi amali dressage, amali showjumping, ujian dressage dan showjumping yang berjalan pada 18 dan 19 Mei dan sesi teori dan penilaian.

Tujuan klinik diadakan ialah untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada penunggang-penunggang kuda mengenai disiplin menunggang kuda, penjagaan dan cara-cara mengenal perandai dan sifat-sifat kuda, mengenal pasti tahap keupayaan penunggang-penunggang kuda tempatan, meningkatkan keupayaan penunggang kuda khususnya dalam acara dressage dan showjumping, sebagai persediaan kepada penunggang kuda tempatan bagi menyertai kejohanan yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa dan persediaan bagi menganjurkan kejohanan equestrian dengan cara yang lebih teratur.

Pihak penganjur berharap para peserta yang menyertai klinik tersebut akan memperlihatkan peningkatan dari segi cara-cara dan disiplin semasa menunggang kuda, berkebolehan untuk menjaga kuda-

kuda mereka, mengenal pasti perandai dan sifat-sifat kuda untuk kepentingan mereka sendiri.

Juga diharapkan supaya lebih ramai penunggang kuda yang akan menyertai kejohanan-kejohanan dengan penuh keyakinan dan disiplin dan dapat menganjurkan kejohanan menunggang kuda dengan lebih teratur dan mengikut kriteria yang ditentukan.

Christopher Ladbroke yang berasal dari New Zealand mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang latihan dan menunggang kuda. Beliau menjadi jurulatih secara profesional bagi acara dressage dan showjumping selama 15 tahun di beberapa buah negara termasuk di negaranya, Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Asia Tenggara.

Beliau juga pernah menjadi ketua jurulatih di salah sebuah akademi menunggang kuda yang terbesar di New Zealand selama tiga tahun sebelum beliau menyertai Selangor Polo and Riding Club selama lima tahun dan pernah dilantik sebagai jurulatih bagi pasukan Malaysia di Asian Game dan juga SEA Game.

Buat masa ini beliau merupakan seorang jurulatih dan konsultan bebas. Cara latihan yang kemaskini telah banyak menghasilkan kejayaan di mana ramai penunggang-penunggang yang pernah menerima tunjuk ajar dari beliau telah berjaya di arena menunggang kuda dan mewakili negara masing-masing.



PERLUMBAAN sirikit lumba basikal acara lebuhraya anjuran Persekutuan Basikal Brunei Darussalam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Oleh Abdullah Asgar

Reduan mulakan langkah juara

REDUAN Yusop mungkin mempunyai kelebihan untuk muncul juara tahun 2002 di Perlumbaan Litaran Lumba Basikal Acara Lebuhraya anjuran Persekutuan Basikal Brunei Darussalam, namun andaian ini masih terlalu awal untuk ditentukan.

Pada 19 Mei lepas, buat kali kedua Reduan memenangi acara lebuhraya 140 kilometer beramai-ramai dengan mencatat masa 3 jam 40 minit 55.04 saat; kedua, Haji Hairman Haji Jumat 1 minit 06.18 saat kemudian dan ketiga, Mohd. Radzi Tamat 1.23 saat di belakang pemenang kedua.

Perlumbaan bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas yang disertai oleh 18 orang pelumba kategori Elit, 12 Junior dan 9 Veteran.

Walaupun pihak penganjur mengubah sedikit laluan perlumbaan dengan mendaki Bukit Telanai bertujuan memisahkan pelumba-pelumba namun strategi itu kurang berjaya kerana perlumbaan masih

berada dalam kelompok selepas pendakian.

Tidak lama selepas itu seorang pelumba (Md. Nordin Haji Lamit) membuat pecahan awal di persimpangan Gadong-Jangsak yang kemudiannya disusuli oleh empat pelumba lain.

Pimpinan lima pelumba itu pada kilometer ke 40 disusuli kemudiannya oleh Reduan bin Yusop memasuki Lebuhraya Muara Tutong hingga menghampiri Muara sebelum seorang demi seorang tertinggal di belakang kerana keletihan dan kekecehan otot.

Kelompok besar hanya berjaya mengejar 'leading group' setelah perlumbaan hanya berbaki 15 kilometer untuk ditamatkan, namun Reduan Yusop dan Mohd. Shahrul Zainal masih terus mendahului perlumbaan yang agak sukar dikejar kerana telah melimpasi kawasan bukit Mentiri yang meletihkan.

Reduan memang berkedudukan selesa kerana gagal dikejar oleh kelompok utama namun beliau hanya terpaksa membuat pecutan bersama Mohd. Shahrul yang menyertai Kategori Junior.

Keputusan lain bagi

Kategori Junior, pertama, Muhd. Shahrul Zainal; kedua, Mohd. Aizuddin Haji Sanip dan ketiga, Mohd. Noorazizul Awang, manakala bagi Kategori Veteran pertama, Haji Jaini Untong; kedua, Mahadi Latif dan ketiga, Berudin Haji Shukor.

Ekspedisi mendaki Bukit Batu Bujang Pahang



PARA peserta bersama ketua pasukan dan Ketua Kampong Menunggol merakamkan gambar kenangan sebelum memulakan ekspedisi.

KAMPONG MENUNGGOL, 19 Mei. - Hampir 200 belia dan penduduk qariah Masjid Kampong Putat menyertai Ekspedisi Mendaki Bukit Batu Bujang Pahang anjuran ahli jawatankuasa masjid berkenaan sebagai salah satu aktiviti bagi tahun 2002.

Ekspedisi yang diketuai oleh Imam Masjid Kampong Putat, Awang Haji Hambrin bin Haji Mangsor antara lain bertujuan sebagai salah satu riadah, mengeratkan silaturahim di kalangan para belia dan penduduk kampung, melatih ketahanan diri belia, memupuk semangat kerja berpasukan serta menjalin kemesraan antara ibu bapa dan anak-anak.

Para peserta mula berkumpul di kawasan Masjid Yayasan, Kampong Bolkiah 'A' pada awal pagi lagi, kemu-

diannya menaiki perahu menuju ke Berambang dan seterusnya menaiki bas menuju ke kaki Bukit Batu Bujang Pahang bagi memulakan ekspedisi.

Selesai pendakian para peserta melahirkan rasa puas hati menikmati keindahan panorama sepanjang laluan serta persekitaran puncak bukit tersebut dengan kicauan burung, deruan angin serta kecantikan flora dan fauna yang dapat menenangkan fikiran dalam suasana santai setelah penat menjalani aktiviti kehidupan harian.

Bukit Batu Bujang Pahang di Kampong Menunggol, Mukim Kota Batu merupakan salah satu tempat unik dan menarik yang sering dilawati oleh pengunjung dari dalam dan luar negeri.

ARENA SUKAN

Bola Sepak Piala Dunia 2002 RTB siarkan 60 perlawanan secara langsung

Oleh
Hj. Ahat HI

RADIO Televisyen Brunei (RTB) akan menyiarkan sejumlah 60 perlawanan secara langsung semasa Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2002 di Jepun dan Republik Korea yang bermula pada 31 Mei ini.

Dari jumlah itu, 54 perlawanan akan disiarkan secara langsung melalui saluran 10 dan 11 dan empat (4) siaran lagi akan disiarkan melalui saluran 5 dan 8. Selain dari itu, empat (4) siaran tertunda juga akan disiarkan di saluran 10 dan 11 selepas perlawanan.

Pengarah RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail ketika menyatakan perkara itu di Majlis Menandatangani Penajaan antara RTB dengan Penaja-penaja Utama Piala Dunia 2002 yang terdiri dari BSP, BLNG, BST, BSM dan DST.

Di samping 60 perlawanan siaran langsung,



MENJELANG PIALA DUNIA 2002 ... RTB dan penaja-penaja menandatangani perjanjian tajaan siaran langsung Bola Sepak Piala Dunia di Jepun dan Korea. - Mohd. Zul-izzi

katanya, RTB juga akan menyiarkan empat perlawanan tertunda, 64 perlawanan ulangan dan 38 perlawanan pilihan yang akan diulang tayang dalam beberapa saat.

Melalui siaran-siaran itu tambahnya, RTB akan dapat mendekatkan para

peminat dan penonton menyaksikan kesemua perlawanan-perlawanan sejajar dengan slogan RTB 'Sentiasa Bersama Bis-kita'.

Pada Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2002 ini, 32 negara akan berentap di 20 buah stadium di

Jepun dan Republik Korea. Pembukaan rasmi 31 Mei di Seoul, Republik Korea juara bertahan Perancis akan bertemu Senegal dan RTB akan memulakan siarannya pada jam 5.00 petang, manakala perlawanan akhir di Yokohama, Jepun pada 30 Jun pada jam 5.00 petang.



MILIK SIAPA PIALA INI ... Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain menerima Piala FA di Majlis Menandatangani Proton B-League. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Kejohanan B-sepak Proton B-League, Piala FA 2002

SEJUMLAH 16 buah pasukan dan kelab bola sepak tempatan telah disenaraikan untuk berentap menyertai Kejohanan Bola Sepak 'Proton B-League' yang akan memulakan sepak mula pada 6 Julai dan 32 pasukan akan menyertai Proton FA Cup yang akan bermula 26 Oktober depan.

Kejohanan yang ditaja oleh Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) dari Malaysia, Brunei Shell Marketing Co. Sdn. Bhd. (BSM) dan Sunlit Advertising Sdn. Bhd., akan merebut piala rebutan sumbangan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang juga selaku Presiden BAFA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Penandatanganan bagi penajaan dua kejohanan itu disaksikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di Kompleks Yayasan pada 24 Mei lepas.

Pada Kejohanan Bola Sepak Proton B-League dan Piala FA ini juga pihak penganjur memberikan peluang kepada pasukan-pasukan dan kelab-kelab bola sepak menyenaraikan dua pemain import.

Proton B-League akan dibahagikan kepada dua kumpulan dan setiap kumpulan mengandungi lapan pasukan yang akan bermain secara liga satu pusingan.

Empat pasukan teratas dari setiap pasukan akan layak ke pusingan kedua yang juga akan bermain secara liga satu pusingan dan tiga pasukan teratas di pusingan kedua ini akan diisytiharkan sebagai juara, naib juara dan pemenang ketiga Proton B-League.

Juara Proton B-League akan menerima piala rebutan, pingat dan wang tunai \$8 ribu, naib juara menerima wang tunai \$5 ribu berserta pingat dan ketiga menerima wang tunai \$3 ribu berserta pingat.

Bagi kejohanan Piala FA merebut piala sumbangan Pengarah Hal Ehwal Korporat Brunei Shell merangkap Pengarah Urusan BSM, Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussein, sejumlah 32 pasukan termasuk 16 pasukan yang menyertai Proton B-League akan berentap dalam format kalah mati.

Juara Piala FA akan menerima piala rebutan bersama wang tunai \$5 ribu dan pingat, manakala naib juara akan menerima wang tunai \$3 ribu berserta pingat.

Selain dari itu, penganjur Proton B-League juga menyediakan anugerah pemain terbaik, pemain muda terbaik, penjaga gol terbaik, penjaring terbanyak, jurulatih terbaik, pasukan terbaik dan pengadil terbaik.

Brunei raih satu pingat emas



BERJAYA ... Abdul Rahman Haji Omar merangkul pingat emas dan piala rebutan di Kejohanan Boling Padang Asia Ke-2 di Bandaraya Angeles, Republik Filipina.

BERBEKALKAN kegigihan dan semangat juang yang tinggi, skuad boling padang negara telah berjaya membawa pulang satu pingat emas, satu perak dan tiga gangsa di Kejohanan Boling Padang Asia Ke-2 yang berlangsung di Bandaraya Angeles, Republik Filipina baru-baru ini.

Sebutir pingat emas yang diperolehi di kejohanan yang berlangsung pada 6 hingga 12 Mei itu melalui acara perseorangan lelaki, Abdul Rahman Haji Omar; perak melalui keseluruhan berpasukan lelaki, manakala tiga gangsa pula dari berpasangan lelaki, Ahmad Haji Sanip/Haji Naim Haji Ibrahim, fours lelaki melalui Haji Rosli Haji Ibrahim, Sufri Haji Mohin, Ampuan Ahad Ampuan Kassim dan Lokman Haji Salleh dan fours wanita melalui

Norzainah Haji Ahmad, Hajah Fatimah Haji Ibrahim, Isah Haji Muntol dan Hajah Ajijah Haji Muntol.

Abdul Rahman ketika ditemui menyatakan beliau dan rakan-rakan bermain dengan bersemangat serta berpuas hati dengan pencapaian tersebut.

Beliau yang turun sebagai pemain perseorangan lelaki, hanya tewas tipis 20-21 kepada pemain Republik Rakyat China dan menewaskan Republik Korea 21-8, Malaysia 21-9, Republik Filipina 21-6, Republik Singapura 21-15, Thailand 21-17 dan perlawanan akhir menewaskan Adams Poyntun, peserta Hong Kong 21-20.

Dalam kejohanan itu juga tambahnya, beliau berjaya menewaskan kekalannya kepada peserta Malaysia,



BARISAN skuad boling padang lelaki dan wanita yang membawa pulang satu emas, satu perak dan tiga gangsa.

Syed Mohammad di Sukan SEA Kuala Lumpur tahun lalu dengan kemenangan mudah 21-9.

"Jadi kemenangan ini amat bermakna sekali pada diri saya. Pertama, menebus kekalahan di Sukan SEA yang lalu dan kedua, merampas semula pingat emas yang gagal saya capai semasa kejohanan kali pertama di Hong Kong tahun lalu," terangnya.

Menyentuh mengenai pertarungan merebut pingat emas dengan Adams Poyntun pula, pada pertarungan itu beliau sudah ketinggalan 11-20, kemudian terus mengejar dari ends 12 hingga ke ends 16 dan berjaya mengatasi satu mata.

"Pada awalnya Adams, sudah meninggalkan saya 11-20, namun saya terus bermain dan mengawal permainan dengan baik untuk

memungut mata demi mata hinggalah ke ends 16 dengan mengatasi 21-20," katanya.

Kejohanan selama seminggu itu disertai oleh lapan buah negara yang terdiri dari Republik Rakyat China, Hong Kong, Republik Korea, Malaysia, Republik Singapura, Thailand, Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina selaku tuan rumah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bekas Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Bill Clinton semasa mengadakan perjumpaan empat mata di Istana Nurul Izzah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Menjadi penggerak, pencetus kesedaran Bukan menjadi budaya kosong

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan penuh harapan agar budaya menyambut dan memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan setiap tahun di Negara Brunei Darussalam tidak akan menjadi budaya kosong semata-mata.

Akan tetapi, titah baginda ianya mestilah menjadi penggerak dan pencetus kesedaran berkorban untuk agama Islam dan masa depannya yang panjang.

"Beta berharap budaya menyambut dan memperingati hari keputeraan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam ini tidaklah akan menjadi budaya kosong begitu sahaja, tetapi mestilah menjadi penggerak dan pencetus kesedaran berkorban untuk Islam dan masa depannya yang panjang," titah

baginda Sempena Menyambut dan Memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio Televisyen Brunei (RTB).

Untuk itu, titah baginda, kita perlu mengingat semula pengalaman yang pernah ditempuh oleh Baginda Rasulullah betapa dengan payah jerih dan mengharungi pelbagai rintangan, namun Baginda telah dapat membuktikan keperkasannya yang luar biasa semata-mata untuk menegakkan Islam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjelaskan bahawa dalam memperjuangkan agama Islam, Baginda Rasulullah tidak pernah berfikir sama sekali untuk lari dari perjuangan tersebut sekalipun penindasan dan keganasan bertubi-tubi ditimpakan ke atas Baginda.

Selain daripada itu, titah baginda lagi, Rasulullah juga menanggungnya seorang diri, selepas itu barulah dikongsi oleh keluarga Baginda sendiri dan

beberapa orang sahabat Baginda kemudian.

Dari gambaran tersebut, titah baginda nyata pihak yang menyertai Baginda Rasulullah itu amatlah kecil jumlahnya, namun mereka tetap yakin Islam akan tersebar luas dan mendapat tempat di hati nurani umat manusia.

Dalam menghadapi isu-isu cabaran, Rasulullah, titah baginda, tidak pernah tunduk atau menyerah kalah kepada sebarang kebatilan, walaupun ada kalanya Baginda terpaksa menghadapinya seorang diri.

"Inilah peribadi yang diberkati oleh Allah, yang dimiliki oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia patutlah dilihat dan dijadikan suri teladan oleh umat Islam seluruhnya, khususnya oleh para pemimpin yang memegang amanah Allah supaya sama-sama mencontohinya, sebagaimana juga para sahabat telah melakukannya," titah baginda penuh harapan.

Kebawah DYMM, bekas Presiden AS adakan perjumpaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengadakan Majlis Santap Malam bagi merayakan bekas Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang

Dari muka 2

Sabda DYTMM, industri gas asli rantau ini sedang menghadapi cabaran yang bukan sahaja sekadar berkaitan isu keselamatan bekalan tetapi juga kepada isu seperti peningkatan persaingan dan keperluan kerjasama yang lebih kukuh.

Oleh itu cabaran tersebut, sabda DYTMM memerlukan persefahaman dan kerjasama yang lebih erat antara syarikat-syarikat dalam industri gas bagi kepentingan dan manfaat semua.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah persidangan tersebut buat pertama kali dan persidangan itu merupakan sidang ketujuh. Persidangan pertamanya telah diadakan di Tokyo 12 tahun lalu.

Kira-kira 700 perwakilan dari dalam dan luar negeri mendaftar bagi menghadiri persidangan tersebut di samping perwakilan dari 15 ahli ekonomi GASEX.

Persidangan akan membincangkan isu-isu berkaitan industri gas. 84 orang dijangka akan menyampaikan laporan sepanjang sidang tiga hari itu.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah berkata keberangkatan DYTMM bukan sahaja menandakan pentingnya persidangan tersebut tetapi juga menekankan betapa pentingnya sumbangan industri gas kepada pembangunan berterusan negara dan rantau ini.

GASEX 2002 memiliki kelebihan dan berlainan daripada persidangan sebelum ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengadakan Majlis Santap Malam bagi merayakan bekas Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Bill Clinton di Istana Nurul Izzah. Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. - Gambar oleh Harun HR.

Terutama Bill Clinton di Istana Nurul Izzah.

Terutama Bill Clinton di tempat yang sama.

jawatan Presiden Amerika Syarikat.

Sebelum Majlis Santap Malam baginda telah berkenan mengadakan perjumpaan empat mata bersama Tuan Yang

Tuan Yang Terutama sedang berada di negara ini dalam rangka lawatan peribadi selama dua hari. Lawatan kedua beliau ke negara ini dan yang pertama setelah meninggalkan

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan berangkat ke Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 28 Mei.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah disembahkan kepada para peserta yang menyertai GASEX 2002 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam.

AKIDAH KUKUH BANGSA PERKASA

دربیتکن اوله جباتن قراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)

Pusat Latihan ABDB lahirkan tentera terlatih dan berdisiplin

OLEH AWANGKU JEFFERI PD

PENUBUHAN Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PLABDB) adalah dihasratkan bagi memikul tanggungjawab serta menyediakan dan terusnya mengendalikan kursus-kursus yang diperlukan oleh setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pusat Latihan ini juga diamanahkan bagi menyediakan serta melatih semua bentuk latihan termasuk latihan asas rekrut sehingga menjadi ahli tentera yang terlatih dan berdisiplin dalam semua aspek ketenteraan di samping meningkatkan lagi taraf profesion ketenteraan yang sedia ada bagi semua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sebelum PLABDB mula ditubuhkan dengan rasminya pada 7 April 1969, pusat ini pada mulanya dikenali sebagai Depoh dan Cawangan Latihan, dan ditempatkan di Perumahan Bolkiah. Sekarang Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ditempatkan di Garison Penanjong, Tutong.

Kini Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei genap usia penubuhannya 33 tahun pada 7 April 2002 dan dalam jangka waktu antara tahun 1969 - 2002, sebanyak tujuh orang Pegawai Pemerintah dan enam orang Komandan telah dilantik untuk menerajui PLABDB selepas diterajui oleh Leftenan Kolonel Dato Haji Mohamad bin Haji Daud.

Sejak penubuhannya banyak perkembangan telah dicapai di mana seramai 11,593 orang rekrut telah berjaya dilatih. Manakala sejumlah 560 orang Askar Muda juga telah berjaya dilahirkan yang terdiri dari pengambilan pertama hingga pengambilan ke-21. Sementara itu, 84 orang lagi masih di dalam latihan yang terdiri daripada pengambilan ke-22, 23 dan 24 Kompeni Askar Muda.

Pada amnya sejak ditubuhkan pada tahun 1969, pusat ini adalah di bawah pentadbiran dan perintah Markas Pasukan dan kemudiannya Markas Angkatan Tentera sehinggalah pada Oktober 1991. Atas limpah perkenan dan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Menteri Pertahanan serta Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, baginda telah mengisytiharkan penyusunan semula Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada lima unit besar yang terdiri dari Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB), Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB), Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) dan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PLABDB).

Dalam penyusunan tersebut, PLABDB telah ditugaskan tarafnya sebagai salah satu unit yang bertanggungjawab terus kepada Pe-

merintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan dalam masa yang sama jawatan Pegawai Pemerintah PLABDB telah diubah kepada Komandan dan PLABDB dan satu jawatan baru telah diperkenalkan iaitu jawatan Timbalan Komandan PLABDB. Komandan Pusat Latihan yang pertama ialah Leftenan Kolonel Haji Ramli bin Haji Kampong, sementara jawatan Timbalan Komandan yang pertama pula dipegang oleh Mejar Haji Johari bin Haji Abdul Razak.

Di awal penubuhan PLABDB pada tahun 1969, ahli-ahli PLABDB amatlah kecil memandangkan kursus-kursus yang dikendalikan amat terhad. Tetapi kini, PLABDB telah mencapai umur yang cukup dewasa dan berkembang maju dengan mempunyai jurulatih-jurulatih yang berpengalaman serta berkelulusan. PLABDB juga mempunyai bangunan-bangunan serta kemudahan-kemudahan mengajar yang serba moden dan canggih jika dibandingkan pada tahun ia

mula ditubuhkan.

Pada ketika ini, PLABDB mempunyai lapan sub unit penting yang terdiri daripada:

- * Rekrut Kompeni
- * Kursus Kompeni (yang mentadbirkan tiga cawangan lain iaitu Cawangan Latihan Semboyan, Cawangan Latihan Kerani dan Cawangan Latihan Memandu)
- * Kadet Tentera
- * Sekolah Pengajian
- * Kompeni Askar Muda
- * Cawangan Perkembangan Pendidikan Pegawai
- * Kompeni Pentadbiran dan Kawalan Padang Tembak.

Sehingga sekarang PLABDB telah mengendalikan tidak kurang dari 43 kursus dalam setahun bagi semua peringkat. Dari segi kakitangan pula, PLABDB kini mempunyai tidak kurang dari 32 orang pegawai dan 394 peringkat rendah termasuk anggota-anggota 'ERE' yang bertanggung-

jawab untuk melaksanakan tugas-tugas melatih di pusat tersebut.

PLABDB juga telah berjaya mengendalikan kursus asas rekrut dan ketenteraan yang merangkumi kursus-kursus kecekapan senjata, kawad dan lain-lain kecekapan. Selain itu, kursus lain juga disediakan seperti kuruh 'Method of Instructions' bagi Pegawai Tidak Bertauliah (PTB) Kanan serta Pegawai Tidak Bertauliah (PTB) Rendah dan lain-lain peringkat.

Satu perkara yang menarik PLABDB ialah kemampuannya mengendalikan kursus-kursus yang berbentuk akademik di Sekolah Pengajian bagi Askar Muda sehingga ke peringkat 'O'. Kecemerlangan 100 peratus lulus bagi keputusan peperiksaan GCE Peringkat 'O' tahun 2001 memperlihatkan dan membuktikan bahawa PLABDB telah berjaya mengendalikan kursus akademik sekali gus telah meletakkan sekolah pengajian sebagai salah satu unit PLABDB yang setanding dengan

sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta di negara ini dengan menghasilkan pendidikan yang bermutu tinggi dan pembelajaran terbaik.

Melalui pasukan Kadet Tentera pula, sejak ianya ditubuhkan pada tahun 9 Januari 1971, pasukan tersebut telah berjaya menarik minat penuntut-penuntut sekolah di seluruh negara untuk menceburkan diri di dalam kegiatan-kegiatan ketenteraan. Salah satu projek terbesar yang pernah diunggakahkan ialah Perkampungan Kadet Tentera seluruh negara yang telah diadakan dengan jayanya di Daerah Temburong pada tahun 1993.

Pada tahun 1994 pula, pasukan ini sekali lagi berjaya melaksanakan satu projek yang mana telah melibatkan seluruh ahli-ahli Kadet Tentera untuk mengambil bahagian dalam satu peperiksaan olok-olok di Pulau Muara Besar dengan melibatkan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei. Sehingga ke saat ini, PLABDB dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah berjaya menubuhkan sebanyak 14 buah platoon kadet di sekolah-sekolah menengah kerajaan. Terdapat sebilangan daripada ahli-ahli Kadet Tentera telah pun menceburkan diri sebagai anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang di antaranya sekarang menyandang jawatan dan pangkat tinggi dan yang selebihnya menjadi anggota tentera biasa.

Bagi perkembangan karier pegawai-pegawai muda Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, sebuah unit yang dinamakan Cawangan Perkembangan Pendidikan Pegawai (CPPP) telah ditubuhkan. Ianya mengendalikan peperiksaan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai berpangkat leftenan dan kapten, di mana peperiksaan ini meliputi kedua-dua bentuk peperiksaan iaitu amali dan bertulis. Selain itu, de-

ngan kerjasama Jabatanarah Latihan dan Tugas-Tugas Turus/Doktrin, Kementerian Pertahanan, cawangan ini juga dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan seminar-seminar yang bertaraf antarabangsa bagi pegawai-pegawai berpangkat mejar sebelum menghadiri kursus Maktab Turus Tentera di seberang laut. Penyarahan-penyarahan undangan dari Universiti Brunei Darussalam, negara-negara ASEAN dan juga negara-negara Eropah juga dijemput bagi tujuan tersebut.

Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga memainkan peranan penting sebagai salah satu institusi tentera yang menjadi kunjungan rasmi pelawat-pelawat luar dan tempatan termasuk kunjungan keluarga-keluarga diraja dan pembesar-pembesar negara, selain lawatan-lawatan sambil belajar bagi penuntut-penuntut sekolah mahupun dari kementerian-kementerian kerajaan yang lain. Pusat ini juga sering menerima kunjungan dari pemimpin-pemimpin tentera dan juga rombongan pelawat-pelawat dari maktab-maktab tentera dari negara-negara jiran.

Dalam usianya ke-33 tahun, PLABDB telah banyak mencapai kejayaan yang dapat dibanggakan, baik dari segi memberikan latihan-latihan asas kepada rekrut-rekrut baru mahupun dalam menangani kehendak latihan lanjutan bagi anggota-anggota terlatih Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang meliputi hampir ke semua bidang ilmu ketenteraan dan akademik melalui unit-unit kecil yang terdapat di pusat ini. Dalam hubungan ini, peranan PLABDB terus dipertingkatkan lagi sejajar dengan arus perkembangan dunia ketenteraan dan akademik dengan tekad untuk melahirkan anggota-anggota yang terlatih dan penuh berdisiplin serta berpendidikan tinggi.

Pegawai-pegawai Pemerintah dan Komandan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejak 33 tahun ditubuhkan :

1. Yang Dimulikan Pehin Datu Indera Negara, Leftenan Kolonel Dato Paduka Ariffin bin Haji Abdul Wahab (Mei 1975 - Januari 1979).
2. Dato WJB Peat, memegang jawatan Pemangku Pegawai Pemerintah (April 1979 - Februari 1980).
3. Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Haji Abdul Aziz bin OKK Abdullah (Februari 1980 - Januari 1982).
4. Yang Dimulikan Pehin Datu Maharajalela Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Haji Musa bin Haji Yakub (Januari 1982 - April 1982).
5. Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Bijaya Leftenan Kolonel Dato Paduka Haji Hussin bin Haji Sulaiman (April 1982 - April 1984).
6. Yang Dimulikan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid (Mei 1984 - Mei 1986).
7. Leftenan Kolonel Haji Ibrahim bin Haji Jumahat (Mei 1986 - Jun 1989).
8. Leftenan Kolonel Haji Ramli bin Haji Kampong (Januari 1989 - Oktober 1991).
9. Leftenan Kolonel Haji Hashim bin Haji Zainal Abidin (Oktober 1991 - Julai 1993).
10. Leftenan Kolonel Ahmad bin Haji Yahya (Julai 1993 - Februari 1997).
11. Leftenan Kolonel Haji Abas bin Haji Bagol (Februari 1997 - Mei 2000).
12. Leftenan Kolonel Haji Abdul Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir (Januari 2001 - Mac 2002).
13. Leftenan Kolonel Haji Md. Ya'akub bin Bolhassan (2002 - hingga sekarang).



GAMBAR HIASAN ... Sejak penubuhannya Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berjaya melatih lebih 11,000 rekrut.

Sastera & Budaya

Kaedah-kaedah pengajaran bahasa

KAEDAH-KAEDAH pengajaran bahasa itu amat luas. Ia meliputi kaedah-kaedah pengajaran tatabahasa, bacaan, meringkaskan karangan, bahasa kedua, bahasa pertama dan sebagainya. Jadi dalam penulisan ini, penulis hanya akan menyentuh kaedah pengajaran tatabahasa dengan menggunakan pendekatan deduktif. Pendekatan deduktif selalunya digunakan oleh guru kerana kaedah ini merupakan satu cara yang senang untuk menyampaikan isi pelajaran.

Pengajaran tatabahasa mestilah menitikberatkan penggunaan. Jadi, tatabahasa perlu diajarkan secara terancang dalam konteks yang sesuai. Di antara matlamat pengajaran tatabahasa ialah supaya murid dapat mengetahui kelainan erti perkataan yang imbuhan berbeza-beza dan menggunakannya dengan betul, tepat dan gramatis dalam lisan dan penulisan, supaya murid dapat menggunakan pelbagai jenis kata dalam pelbagai konteks, supaya murid dapat menggunakan frasa yang betul, supaya murid dapat membina ayat dengan betul, tepat, dan gramatis dan supaya murid dapat membina pelbagai jenis dan bentuk ayat dalam pelbagai konteks dengan betul. Untuk mencapai matlamat ini, guru bahasa mestilah mempunyai satu pengetahuan yang luas mengenai tatabahasa tersebut selain dari boleh bercakap dengan fasih. Guru juga mesti tahu mengaplikasikan pengetahuan linguistiknya untuk pengajaran tatabahasa.

Pengajaran tatabahasa terbahagi kepada dua bahagian, iaitu pengajaran yang berhubung dengan bidang morfologi dan sintaksis. Pengajaran tatabahasa yang berhubung dengan bidang morfologi akan menyentuh mengenai proses pembentukan kata. Jadi, guru memainkan peranan penting untuk memberi kefahaman kepada para pelajar mengenai dengan golongan kata dan pembentukan kata yang melibatkan proses imbuhan, gandaan dan pemajmukan. Selain itu, guru juga memainkan peranan penting untuk memberi kefahaman kepada para pelajar mengenai jenis-jenis dan bentuk-bentuk ayat.

Kaedah yang digunakan untuk memberi kefahaman dalam pengajaran tatabahasa itu banyak tetapi kaedah pengajaran tatabahasa berdasarkan pendekatan deduktif adalah lebih mudah. Ianya juga sesuai untuk digunakan kerana guru memang patut memulakan satu pelajaran dengan memberi penjelasan kepada murid. Jadi berdasarkan kaedah deduktif, generalisasi mestilah didahulukan dan kemudiannya diikuti dengan contoh-contoh yang konkrit. Generalisasi yang akan disampaikan pada permulaan pelajaran mestilah dinyatakan dengan sejas-jelasnya dan mudah untuk difahami. Sebagai contoh; apabila seorang guru ingin mengajar mengenai golongan kata, guru tersebut mestilah menerangkan terlebih dahulu mengenai penggolongan kata yang dibagikan kepada beberapa bahagian dan menyentuh sedikit mengenai setiap golongan kata. Setelah itu guru boleh bertanya kembali kepada murid mengenai apa yang telah diajar. Ini mestilah dilakukan secara berperingkat-peringkat dan dilakukan dengan cara yang mudah untuk difahami. Kemudian, barulah guru menyentuh setiap golongan kata dengan lebih terperinci lagi. Setelah penerangan dilakukan secara keseluruhannya, guru boleh memberikan contoh-contoh yang bersesuaian. Guru boleh memberikan contoh-contoh yang konkrit dan berlaku di sekitar murid. Dengan itu, murid akan merasakan pelajaran itu lebih bermakna dan dengan itu akan menimbulkan minat mereka untuk belajar. Contoh-contoh yang dipilih dan digunakan mestilah sesuai dan mencukupi. Contoh-contoh tidak semestinya datang dari guru tetapi murid-murid juga boleh mengemukakan contoh-contoh. Selain itu, guru boleh menguji kefahaman murid-murid dengan menyuruh mereka mengemukakan contoh-contoh bagi apa yang mereka telah pelajari. Berhubung dengan ini, guru bahasa mestilah pandai mencetuskan pemikiran murid dengan menggunakan teknik-teknik penyoalan yang berkesan. Ini adalah kerana penggunaan soalan-soalan adalah perlu untuk membiasakan murid-murid agar bergiat aktif dalam pembelajaran.

Berdasarkan pendekatan deduktif, latihan-latihan ter-

OLEH NOR YAT

tentu juga perlu diberikan kepada murid-murid. Ini adalah kerana peranan guru yang menggunakan pendekatan deduktif adalah dianggap sebagai pemberi latihan berasaskan contoh. Latihan-latihan yang diberikan kepada murid-murid patutlah beraneka jenis dan dalam aneka konteks. Latihan bukan sahaja tertumpu kepada latihan bertulis tetapi juga latihan secara lisan. Ini termasuklah soal jawab antara guru dan murid. Guru harus memastikan bahawa murid-murid telah memahami apa yang telah diajar dan jawapan yang diberikan oleh murid-murid bukanlah semata-mata penghafalan. Dari latihan tersebut, guru dapat menilai sama ada murid-murid telah memahami apa yang telah diajar atau tidak. Walau bagaimanapun latihan yang diberikan seharusnya tidak memakan masa yang terlalu lama pada setiap kali sesi pengajaran. Misalnya, latihan mengenai dengan imbuhan seperti menyesuaikan imbuhan dengan kata dasar tertentu. Guru boleh mem-

berikan latihan di dalam bilik darjah dengan cara menulis beberapa perkataan yang mesti diberi imbuhan yang sesuai. Kemudian guru boleh menyuruh murid-murid memberi jawapan yang tepat sama ada dengan cara perseorangan atau dengan cara beramai. Dengan ini, segala kelemahan murid-murid akan dapat dikesan dan diperbetulkan. Dengan cara ini pengajaran akan menjadi lebih berkesan dan murid-murid boleh belajar melalui kesilapan yang mereka lakukan. Jadi, guru bahasa mestilah pandai mengadakan latihan yang sesuai untuk meneguhkan pembelajaran dan mengesan serta membetulkan kesalahan murid.

Satu perkara yang penting untuk menjadi pegangan bagi setiap guru ialah untuk memulakan pengajaran dari yang senang kepada yang lebih susah. Ini bererti guru yang menggunakan kaedah deduktif juga mesti mengamalkan cara ini. Ini adalah untuk memudahkan murid supaya lebih memahami dan menguasai apa yang dipelajarinya. Apabila pengajaran dimulakan dari yang senang, pengajaran

guru akan lebih bermakna dan berkesan berbanding dengan guru yang memulakan pengajaran secara tidak teratur. Misalnya, seorang guru memulakan pengajarannya dari yang senang kepada yang lebih susah. Walaupun pengajaran tersebut memakan masa yang lama tetapi ia adalah lebih baik daripada mengajar dengan cara yang tidak teratur. Ini adalah kerana dengan memulakan pengajaran dari yang lebih mudah, guru akan dapat memberi pengetahuan yang mantap dan kukuh di minda pelajar secara berperingkat-peringkat. Ini berbeza dengan guru yang tidak memulakan pengajarannya dari yang lebih mudah kerana guru seperti ini akan menghasilkan murid-murid yang pengetahuannya tidak setanding dengan murid yang menerima pengajaran dari yang senang kepada yang lebih susah.

Dalam pengajaran tatabahasa yang menggunakan kaedah deduktif, pengajaran hendaklah dimulakan dari yang senang kepada yang lebih susah. Misalnya, pengajaran tatabahasa boleh dimulakan dengan pengenalan kepada golongan kata.

Apabila murid sudah dapat menguasainya, barulah guru mengajar tajuk lain mengikut peringkat tertentu sehinggalah ke peringkat yang lebih susah, iaitu pengajaran mengenai bentuk-bentuk ayat. Untuk menyemai kemahiran dalam menggunakan tatabahasa secara lisan, guru juga perlu memulakan dari yang senang kepada yang lebih susah. Contohnya; di peringkat yang lebih susah, murid disuruh membaca satu ayat dengan intonasi yang sepatutnya digunakan untuk ayat tersebut. Misalnya, murid diarahkan supaya membaca ayat inversi. Seperti yang kita ketahui, ayat inversi ialah ayat yang unsur dari predikatnya (sama ada seluruh atau sebahagian) didahulukan dan unsur yang didahulukan itu ialah unsur yang ditegaskan. Jadi apabila pelajar membaca ayat inversi, guru boleh memperbetulkan bacaan pelajar sekiranya pelajar tersebut tidak menggunakan intonasi yang sepatutnya.

Walaupun bagaimanapun, guru juga seharusnya dapat menarik minat murid dalam pembelajaran. Untuk menarik minat murid, guru mestilah bersifat kreatif. Misalnya, guru boleh menyampaikan pelajaran tatabahasa dengan berkesan dan menarik minat murid dengan menggunakan alat-alat bantuan mengajar yang sesuai untuk digunakan. Apabila minat sudah tersemai, murid-murid akan dapat bergiat aktif dalam pembelajarannya. Jadi, segala latihan yang diberikan akan dijawab dengan bersemangat. Guru pula mestilah memberi maklum balas dengan serta-merta terhadap latihan-latihan yang dibuat oleh murid. Jika terdapat kesalahan yang dilakukan oleh murid, guru mestilah

memberikan bimbingan dan pembetulan dengan segera. Contohnya, murid melakukan kesalahan dalam latihan tatabahasa yang dijalankan di dalam kelas. Guru seharusnya dengan serta-merta memperbetulkan kesalahan yang dilakukan dengan memberikan alasan dan contoh yang konkrit. Dengan ini, murid tidak akan merasa takut kepada gurunya dan guru boleh menjadi teman yang baik kepada murid. Selain itu, guru mestilah menjadi contoh yang baik kepada murid-muridnya.

Sebagai kesimpulan, kaedah pengajaran tatabahasa dengan menggunakan pendekatan deduktif memang merupakan satu cara yang senang untuk menyampaikan apa yang hendak diajar. Tetapi kaedah ini juga ada kekurangannya. Jadi, apa yang penting ialah guru mestilah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang yang diajarnya. Guru juga perlu menguasai bidang pedagogi kerana ia amat berguna untuk pengajaran dan mempunyai hubung kait yang rapat dengan kaedah pengajaran bahasa.

KAEDAH yang digunakan untuk memberi kefahaman dalam pengajaran tatabahasa itu banyak tetapi kaedah pengajaran tatabahasa berdasarkan pendekatan deduktif adalah lebih mudah. Ianya juga sesuai untuk digunakan kerana guru memang patut memulakan satu pelajaran dengan memberi penjelasan kepada murid. Jadi berdasarkan kaedah deduktif, generalisasi mestilah didahulukan dan kemudiannya diikuti dengan contoh-contoh yang konkrit. Generalisasi yang akan disampaikan pada permulaan pelajaran mestilah dinyatakan dengan sejas-jelasnya dan mudah untuk difahami.

**DIHANTAR
DALAM
BENTUK
DISKET**

SUKACITA dimaklumkan para penulis untuk ruangan Sastera & Budaya, supaya menghantar karya mereka dalam bentuk disket ke Unit Produksi PELITA BRUNEI

MARILAH kita pertingkatkan ketakwaan kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong di dalam hamba-hamba-Nya yang beriman dan beramal salih.

Alhamdulillah, kita telah pun berada di bulan yang penuh bersejarah, bulan Rabiulawal, yang mana tiap-tiap tahun umat Islam sejagat dengan bangga dan gembira merayakan hari kebesaran mengingatkan akan keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Jelasnya pada 14 abad yang lalu, telah lahir seorang Nabi utusan Allah yang terakhir di dunia ini dengan membawa amanah yang khusus berupa suatu tuntutan yang amat bernilai iaitu suatu ajaran atau tuntutan yang hendak membawa keselamatan hidup dan kehidupan manusia dari kekeliruan dan kepercayaan yang mereka anuti, menuju keimanan tauhid yang sebenar.

Kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam adalah merupakan satu petanda datangnya rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wataala. Di dunia yang gelap kembali menemui cahaya yang terang-benderang, kesyirikan dan kekufuran diganti dengan ketauhidan dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wataala. Lenyapnya keganasan, tegaknya keadilan, masyarakat yang tidak tenang terumbang-ambing hidupnya berubah menjadi masyarakat tenteram penuh kedamaian dan keselamatan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anbiya ayat 107 yang tafsirannya:

"Dan tidaklah Kami utus engkau wahai Muhammad kecuali untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Justeru lahirlah Baginda di muka bumi ini telah menempatkan akan kebesarannya di sisi Allah Subhanahu Wataala. Kebersaran Nabi telah diakui oleh Fatimah Assyakafiah yang menyaksikan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam: "Aku hadir dan menyaksikan sendiri kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika itu aku melihat cahaya terang menyinari seisi rumah tempat Baginda dilahirkan, selain itu aku pun melihat beberapa bintang bersinar turun mendekat hingga aku merasa seolah-olah bintang-bintang itu hendak menjatuhiku." Selain dikhabarkan oleh Fatimah, ada juga yang meriwayatkan akan tanda-tanda luar biasa pada malam kelahiran Baginda seperti bumi bergoncang dilanda gempa hingga berhalo di sekitar Kaabah bergelimpangan, beberapa gereja dan biara runtuh serta balairong Istana Kaisar di Parsi retak dan roboh serta padamnya api sembah kaum Majusi di negeri itu yang menyebabkan mereka sedih dan cemas. Kebersaran Nabi turut diakui oleh ibu susuannya, Halimah binti Abu Zubaid, ketika pulang bersama rombongan membawa Nabi menunggang keldai yang kurus kering. Masya Allah! Di luar dugaan keldai itu berjalan cepat mendahului keldai lain meninggalkan teman-temannya. Sehingga mereka berkata: "Hai Halimah, pasti ada luar



biasa pada keldaimu itu?" Lebih memeranjatkan Halimah ialah waktu kepulangannya telah melihat kambingnya menjadi gemuk dan tetejanya dipenuhi air susu sedangkan sewaktu ia meninggalkan kambing itu ianya di dalam keadaan yang kurus kering kerana kelparan.

Perjuangan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan ilmu Allah di muka bumi ini penuh dengan peristiwa pahit dan getir menempuh pelbagai ancaman dan halangan, menghadapi bermacam-macam kesengsaraan, penderitaan, penindasan dan sebagainya. Genap usia Baginda 40 tahun, Baginda diutus menjadi Rasul, Baginda terus menyebarkan dakwah, mengajak umatnya ke jalan yang lurus dengan memeluk agama Islam. Akhirnya Baginda berhasil membawa mereka ke jalan yang benar yang diiredai Allah Subhanahu Wataala. Selama 23 tahun lamanya, meskipun di tengah-tengah perjuangan Baginda menghadapi rintangan, tentangan dan bahaya yang mengancam

jiwa Baginda. Namun berkat jiwa yang sabar, ketaatan yang teguh, kepercayaan yang mantap bahkan sifat-sifat yang terpuji dimiliki oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam semua rintangan tersebut mampu diatasi dengan baik dan bijaksana. Keperibadian Baginda sebeginilah harus kita contoh sebagai umat Islam. Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai akhlak yang mulia sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang tafsirannya:

"Demi sesungguhnya adalah bagi kamu diri Rasulullah itu contoh ikut-an yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa meng-

harapkan keredaan Allah dan balasan baik Hari Akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak dalam masa susah dan senang."

Adalah wajar kita menyebut dan merayakan tarikh Maulud Rasul itu, merenung kembali jasa-jasa Baginda yang amat bernilai, pengorbanan Baginda yang sangat besar dan mengenali Baginda secara yang lebih mendalam dengan mempelajari dan mengetahui sifat-sifat dan keperibadian Baginda yang luhur murni. Semua ini adalah tanda kesyukuran dan kasih sayang kita umat Islam kepada pemimpin kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, penyelamat yang menyelamatkan bukan ribuan malahan jutaan penghuni dunia dari jauh terpesong mengikuti fahaman akidah yang rosak lagi sesat.

Menghidupkan malam-malam Rabiulawal melalui pembacaan dikir-dikir pujian kepada Baginda hendaklah tidak dilihat dari segi zahirnya sahaja yang merupakan sebagai suatu perayaan semata-mata. Bahkan hendaklah kita lihat bahawa dengan melaungkan pujian dan selawat kepada Baginda secara tidak langsung akan mencetuskan rasa kasih sayang yang tidak terhingga kepada Baginda, membersihkan akidah manusia melalui

konsep tauhid yang dengannya akan terhapuslah kepercayaan dan pegangan menyekutukan Allah Subhanahu Wataala. Begitu juga memberikan pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat kita terutama sekali generasi muda yang kian berada di ambang godaan dan ancaman akidah songsang lagi menyesatkan.

Kewafatan Baginda di bulan Rabiulawal setelah 23 tahun menjalankan tugas sebagai utusan Allah merupakan sebagai suatu peristiwa sedih dan menyayat hati kepada seluruh umat Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak meninggalkan apa-apa untuk dipusakai, tidak meninggalkan harta benda, tidak meninggalkan rumah, gedung, kenderaan dan sebagainya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hanya meninggalkan dua pusaka yang amat bernilai iaitu Al-Quran dan Al-Hadis.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Hakim dan Malik yang bermaksud:

"Benar-benar aku telah meninggalkan untuk kamu dua pusaka, yang kamu tidak akan sesat sama sekali selama mana kamu berpegang kepadanya, iaitu Al-Quran dan Al-Hadis."

Selagi kita berpegang teguh kepada keduanya selama itulah kita selamat, selamatlah keluarga kita, selamatlah kita dan selamat pulalah manusia di muka bumi ini seluruhnya.

Akhirnya dengan apa yang kita perolehi melalui peninggalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperingati Maulud Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam, marilah kita sama-sama mengikut jejak langkah hebat Nabi mengharungi daya tarikan duniawi. Melaksanakan selawat kepada Baginda semoga kita akan tergo-long di antara orang yang mendapat syafaat Baginda di akhirat dan akan di masukkan ke Syurga sesuai janji Allah Subhanahu Wataala kepada hamba-hamba-Nya yang beriman dan beramal salih.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Fat-h ayat 28 yang tafsirannya:

"Allah yang menyangkal kebenaran itu Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam) supaya Dia menangkannya dan meninggikannya atas segala bawaan agama yang lain, dan cukuplah Allah menjadi saksi tentang kebenaran apa yang dibawa oleh Rasul-Nya itu."

وقت سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت 2 سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي باگمي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 16 ربيع الاول، 1423 برسمان 29 مي، 2002 هيغ كپاري ثلاث، 22 ربيع الاول، 1423 برسمان 4 جون، 2002 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
ربيع الاول									
16	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	29
17	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	30
18	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	31
19	12.19	3.44	6.30	7.45	4.33	4.43	6.05	6.30	1
20	12.19	3.44	6.30	7.45	4.33	4.43	6.05	6.31	2
21	12.19	3.44	6.30	7.45	4.33	4.43	6.05	6.31	3
22	12.20	3.45	6.30	7.46	4.33	4.43	6.05	6.31	4

وقت 2 سبهيغ باگمي دائره توتوغ دمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دمبه تيگ مينيت، سبهيغ فرض جعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام مولاي دري فوكل 12.45 نغاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

S UNAT bagi orang yang melaungkan azan itu tinggi suaranya, sebagaimana hadis daripada 'Abdullah bin Zaid katanya:

Maksudnya: "Setelah pagi esoknya, kami datang mengadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk mengkhabarkan tentang mimpi itu. Baginda bersabda: "Sesungguhnya mimpimu itu adalah benar, berdirilah engkau bersama Bilal. Sesungguhnya suara (Bilal) itu bagus dan tinggi daripada engkau, maka ajarkanlah padanya apa yang telah dikatakan kepadamu (mimpi) dan (Bilal) pun menyerukan dengan itu (yang diajarkan)." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Demikian juga, sunat bagi orang yang azan itu elok suaranya supaya dapat menambat hati pendengar dan condong untuk menjawabnya. (Mughni Al-Muhtaj: 1/193) Sebagaimana hadis daripada Abu Mahzurah yang maksudnya: "Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh kira-kira dua puluh orang lelaki. Lalu mereka pun azan, maka Baginda takjub dengan suara Abu Mahzurah. Lantas Baginda mengajarkannya azan." (Hadis riwayat ad-Darimi).

11. Menjawab azan dan iqamah. Orang yang mendengar azan dan iqamah sama ada azan bagi sembahyang atau yang lainnya seperti azan di telinga kanak-kanak yang baru lahir dan orang yang musafir, sunat menjawabnya seperti mana kalimah-kalimah atau ungkapan yang dilaungkan oleh orang yang azan dan iqamah itu, melainkan pada kalimah haiya'alatan (حي على الصلاة) dan tatswib (الصلاة خير من النوم).

Jawapan bagi setiap haiya'alatan itu adalah hawqalah (لا حول ولا قوة إلا بالله) "Tidak ada daya dan tidak ada kekuatan melainkan dengan Allah."

Jawapan bagi tatswib ketika azan subuh pula ialah (صَلَّاتٌ وَتَزَوُّتٌ) "Benarlah engkau dan jadilah engkau mempunyai kebajikan yang banyak."

Sementara jawapan bagi kalimah (فَدَا قَمَتٌ لَصَلَاةٍ) "Sesungguhnya telah didirikan sembahyang" ialah (أَقَامَهَا اللَّهُ وَأَدَامَهَا وَجَعَلَنِي مِنْ صَالِحِي أُمَّلِهَا)

"Allah menetapkan dan mengekalkan sembahyang itu dan Allah menjadikan aku daripada orang yang salih lagi ahli sembahyang."

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa tidak sunat dijawab azan itu melainkan azan bagi sembahyang sahaja. (Tanah Ath-Thalibin: 1/384).

Sunat menjawab azan dan iqamah itu walaupun dalam keadaan berhadapan, junub, haid atau nifas kerana ianya adalah zikir, melainkan ketika dalam sembahyang fardu atau sunat, bersetubuh dan qada hajat (buang air kecil atau besar), sunat dijawab kemudian jika tidak lama jaraknya. Makruh menjawab bagi orang yang ada najis di mulutnya.

Jika seseorang itu mendengar azan atau iqamah ketika dia sedang membaca Al-Quran, berzikir, menuntut ilmu atau berdoa sunat dia berhenti sekejap untuk

AZAN DAN IQAMAH: HUKUM DAN KELEBIHANNYA

Bilangan 136
Bahagian Keempat

menjawab azan dan iqamah tersebut. (Tanah Ath-Thalibin: 1/386-387 dan Al-Majmu': 3/124-125).

Jika terdengar sebahagian azan, sama ada pada bahagian yang awal ataupun yang akhir adalah sunat dijawab kedua-dua bahagian itu, walaupun dia tidak mendengar sebahagian azan yang awal itu. Adapun jika dia terdengar azan yang dilaungkan oleh beberapa orang seperti dia terdengar azan di kampungnya dan azan di kampung yang lain, maka sunat dia menjawab kedua-duanya. Berlainan halnya jika azan itu dikumandangkan dengan serentak, maka memadai dengan sekali jawab. (Tanah Ath-Thalibin: 1/386)

12. Sunat ke atas orang yang azan dan iqamah serta orang-orang yang mendengarnya berselawat dan mengucapkan salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sesudah selesai daripada azan dan iqamah tersebut, jika jarak masa antara azan dan iqamah adalah lama, akan tetapi jika tidak lama masa selang azan dan iqamah itu, memadai dengan berselawat dan salam sekali sahaja selepas iqamah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Apabila kamu mendengar orang yang azan, maka kamu ucapkan seperti mana orang yang azan itu ucapkan. Kemudian berselawatlah ke atasku, kerana barangsiapa berselawat ke atasku satu selawat nescaya Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh selawat. Kemudian berdoa kepada Allah bagiku "wasilah", kerana "wasilah" itu suatu tempat di syurga yang tidak layak bagi seseorang melainkan bagi seorang hamba daripada hamba-hamba Allah. Aku berharap, akulah hamba itu. Barangsiapa memohon "wasilah" untukku, wajib baginya syafaat." (Hadis riwayat Muslim, Abu Daud, At-Tirmidzi dan Ahmad).

Menurut Imam An-Nawawi disunatkan berselawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum

iqamah. Adapun menurut Syeikh Al-Kabir Al-Bakri, disunatkan berselawat itu sebelum azan dan iqamah.

Selepas selesai azan dan iqamah, sunat ke atas orang yang azan dan iqamah serta orang yang mendengarnya itu memohon kepada Allah Subhanahu Wataala doa Al-wasilah dengan menadah kedua tangan, kerana sesiapa yang memohon doa Al-wasilah itu akan beroleh syafaat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu:

Ertinya: "Ya Allah, Tuhan kepada seruan yang sempurna ini dan sembahyang yang didirikan, anugerahkan oleh-Mu ke atas Nabi Muhammad wasilah (suatu tempat di dalam Syurga) dan kelebihan dan bangkitkan oleh-Mu akan Baginda di tempat yang terpuji yang telah Engkau janjikan. Sesungguhnya Engkau tidak memungkir janji."

Kemudian disunatkan berdoa di antara azan dan iqamah, seperti memohon selamat daripada musibah dan penyakit. Inilah di antara saat-saat mustajab di mana doa diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wataala. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Tidak ditolak doa antara azan dan iqamah." (Hadis riwayat Abu Daud dan At-Tirmidzi).

Sabda Baginda lagi yang maksudnya: "Doa tidak ditolak antara azan dan iqamah. Mereka berkata: "Apakah yang kami katakan wahai Rasulullah?" Baginda bersabda: "Kamu mohon kepada Allah 'afiah (keselamatan) di dunia dan akhirat." (Hadis riwayat At-Tirmidzi)

Adapun selepas azan Maghrib disunatkan berdoa seperti mana yang diajarkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kepada Ummu Salamah maksudnya: "Ya Allah, inilah saat menghadapi malam (ciptaannya-Mu), akhir siang (ciptaannya-Mu) dan suara-suara para pemanggil (nama-Mu), maka ampunilah daku." (Hadis riwayat Abu Daud).

Sesudah azan Subuh pula disunatkan berdoa seperti berikut yang ertinya: "Ya Allah, inilah saat menghadapi siang (ciptaannya-Mu), akhir malam (ciptaannya-Mu) dan suara-suara para pemanggil (nama-Mu), maka ampunilah daku."

إِشْرَافُ حُلُومِ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Dikhususkan kedua-dua doa tersebut dibaca ketika selepas azan Maghrib dan Subuh, kerana Maghrib itu merupakan penyudah bagi amalan di siang hari, manakala Subuh pula penyudah bagi amalan waktu malam dan permulaan bagi amalan di siang hari. (Tanah Ath-Thalibin: 1/387-389).

Menurut Ar-Ruyani sunat membaca ayat Al-Kursi di antara azan dan iqamah.

13. Sunat duduk dan diam seketika atau sebagainya di antara azan dan iqamah bagi menunggu jemaz berkumpul, melainkan pada sembahyang Maghrib kerana kesuntukan masanya. (Al-Majmu': 3/127).

14. Sunat berpindah daripada tempat melaungkan azan ke tempat lain ketika menyerukan iqamah. Sebagaimana 'Abdullah bin Zaid diajarkan oleh seseorang di dalam mimpinya yang maksudnya: "Kemudian dia berundur daripadaku ke belakang sedikit." (Hadis riwayat Abu Daud).

Disunatkan orang yang menyerukan iqamah itu terdidi daripada orang yang sama yang melaungkan azan. Sebagaimana disebutkan dalam hadis daripada Ziyad bin Al-Haris Ash-Shudaiy katanya:

Maksudnya: "Aku bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam pelayaran. Baginda menyuruhku (azan), maka aku pun azan. Lalu Bilal ingin menyerukan iqamah, lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Sesungguhnya saudara (Ziyad bin Al-Haris) Ash-Shudaiy telah pun azan, dan barang siapa yang azan maka dialah yang iqamah." (Hadis riwayat At-Tirmidzi, Abu Daud dan Ibnu Majah).

Bersambung

Dua anggota tentera darat peluk agama Islam



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar menyampaikan cenderamata kepada Soldadu 10171 Muhammad Yushri. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

PERKHEMAHAN TUTONG, 15 Mei. - Dua orang anggota Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB) telah memeluk agama Islam di Surau Pengiran Ratna Indera, Perkhemaan Tutong.

Soldadu 10171 Yushri bin Duin memilih nama Islam sebagai Muhammad Yushri bin Abdullah Duin, manakala Soldadu 11145 Zeck Ros bin Suawat pula memilih nama Islam sebagai Muhammad Zakwan bin Abdullah Suawat.

Hadir di Majlis Pengislaman tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz dan Pemerintah ATDDDB,

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Kolonel Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof.



SOLDADU 11145 Muhammad Zakwan bin Abdullah Suawat melafazkan ikrar pengislamannya. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

Perkhemahan Berakas pemenang Pertandingan Kecantikan, Kebersihan

BERAKAS, 16 Mei. - Perkhemahan Berakas telah dipilih sebagai pemenang Pertandingan Kecantikan dan Kebersihan Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Pemenang kedua, Perkhemahan Muara selaku juara Pertahan dan Perkhemahan Tutong di tempat ketiga.

Bagi Anugerah Cemerlang Pegawai dan Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan yang dikategori kepada tiga bahagian disandang oleh Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Idris, Bahagian Pentadbiran sementara Bahagian Teknikal pula Awang Haji Ismail bin Haji Amba dan Bahagian Perburuan, Awang Muhd. Yusof bin Haji Untong.

Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Kewangan dan Pembangunan), Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman

Oleh Abdullah Asgar

bin Abdul Kani selaku tetamu kehormat telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang yang diadakan di Dewan Pahlawan Berakas Garison.

Pertandingan Kecantikan dan Kebersihan Perkhemahan ABDB disertai oleh enam perkhemahan termasuk Perkhemahan Temburong.

Ini diambil kira dari kebersihan seluruh kawasan termasuk dalam dan luar bangunan, landskap, longkang, bilik tandas dan pejabat.

Manakala anugerah cemerlang pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan menyenaraikan lebih 150 orang yang dinilai dari kecekapan kerja, ketepatan waktu pejabat, mutu kerja dan disiplin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan (Kewangan dan Pembangunan), Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Kecantikan dan Kebersihan Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Laman Web Forum Kesenian dilancarkan



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol ketika melancarkan Laman Web Forum Kesenian Bagi Asia Pasifik. - Gambar oleh Masri Osman.

BERAKAS, 14 Mei. - Forum Kesenian Bagi Asia Pasifik yang diadakan di negara sejak 2 April berakhir dengan Majlis Pelancaran Laman Webnya oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol.

Majlis yang berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diserikan lagi dengan persembahkan kebudayaan dari negara ini.

Dalam ucapan Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Haji Matassim bin Haji Jibah bagi pihak jawatankuasa kerja forum tersebut menjelaskan bahawa projek tersebut meru-

Oleh
Abu Bakar HAR

pakan susulan kepada kegiatan ahli-ahli ekonomi APEC dalam bidang applied arts.

Dalam pelaksanaan projek itu kata Awang Haji Matassim, Negara Brunei Darussalam telah dibantu oleh Suruhanjaya Tinggi Kanada di negara ini dengan mendatangkan seorang sumber tenaga dari Emily School of Art Canada iaitu Profesor Sam Carter dengan dibantu oleh dua orang penuntut beliau iaitu Zahra dan Donald.

Sepanjang projek itu berjalan, Profesor Carter bersama dua

orang penuntutnya telah mengadakan beberapa siri ceramah dan bengkel kepada artis, guru serta kepada pihak yang berkenaan mengenai applied art.

Menyentuh mengenai laman web yang baru dilancarkan malam itu, Pengarah Muzium-Muzium menerangkan bahawa ianya hanya akan dapat dilayari pada awal Jun nanti memandangkan pada masa ini mereka sedang membuat persiapannya di Kanada.

Majlis malam itu juga telah disaksikan oleh peserta belia dari Komanwel yang datang ke negara ini bagi menghadiri Bengkel Belia yang diselenggarakan oleh Jabatan Belia dan Sukan.

Perihal makan dan minum

Sallallahu Alaihi Wasallam.

Rasulullah Sallallahu Wasallam telah mengingatkan dan mengajar kita umatnya mengenai tatacara makan dan minum. Lazimnya menurut perlakuan Baginda sendiri, Baginda tidak lupa mengawali (mendahului) makan dan minum dengan membaca basmallah (Bismillah) dan menyudahinya dengan bacaan alhamdulillah. Dalam hal ini juga Baginda pernah mengajar para sahabat membaca Basmilahi pada setiap kali bila mereka hendak makan dan diucapkan secara lemah lembut. Kenyataan ini terus ditekan oleh Rasulullah Sallallahu Wasallam dalam sebuah hadis Baginda yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dan Abu Dawud melalui cerita Aisyah Radiallahuanha yang bermaksud:

"Apabila salah seorang di antara kalian makan, maka hendaklah dia membaca basmilah pada permulaannya. Dan apabila dia lupa membacanya, maka hendaklah dia membaca 'Bismillahi 'Alaa Awwalihu Wa Akhirihu' (Dengan menyebut nama Allah pada awal dan akhirnya)."

Waktu makan dan minum pula perlu bagi kita menggunakan tangan kanan sebab penggunaan tangan kanan merupakan kesukaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di sebalik itu beliau melarang untuk menggunakan tangan kiri. Dari Ibnu Umar Radiallahuanhu, dia mengatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Apabila salah seorang di antara kalian

makan, hendaklah dia makan dengan tangan kanannya, dan apabila minum hendaklah dia minum dengan tangan kanannya, kerana syaitan itu makan dan minum dengan tangan kirinya."

Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Jabir, dia menceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya syaitan itu datang kepada setiap orang dari kalian dalam segala kesibukannya, sampai syaitan pun datang pada saat seseorang makan. Kerana itu, apabila suapan seseorang di antara kalian jatuh, maka hendaklah dia membuang kotoran yang melekat pada makanan itu, kemudian memakannya, dan jangan sampai meninggalkannya untuk syaitan. Apabila telah selesai makan, hendaklah dia menjilat jari-jarinya. Kerana, dia tidak tahu di dalam makanan yang mana terdapat berkat."

Mengenai dengan jenis makanan dan minuman, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai kegemaran tersendiri, iaitu antaranya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyukai kurma dan susu sebagai makanan dan minumannya di samping juga menyukai kuih gula-gula dan madu. Perkara ini ada disebutkan dalam dua buah hadisnya yang diriwayatkan oleh Al-Hakim, dari Aisyah Radiallahuanha, dia menceritakan:

"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyebut kurma dan susu sebagai athyabani (dua hal

yang paling baik)."

Dan di lain hadisnya yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Tirmidzi, Nasai, Ibnu Majah dan Baihaqi dari Aisyah Radiallahuanha dia mengatakan:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyukai kuih gula-gula dan madu."

Ternyata dengan kenyataan-kenyataan di atas, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amat menyayangi umatnya. Dari sebab itulah makanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam benar-benar memberi pengajaran, bimbingan dan meninggalkan wasiat (pesanannya) khas untuk umatnya agar dapat dijadikan pedoman hidup di dunia dan juga untuk kebahagiaan di akhirat kelak. Jadi kita sebagai umatnya mestilah dengan sedaya yang boleh membalas kasih sayang Baginda ini dengan meyakini sepenuhnya bahawa Baginda ini adalah contoh yang paling unggul yang mesti diteladani dan segala petunjuknya diikuti sebaik-baiknya sebagai pedoman hidup di dunia dan di akhirat seperti yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

MAKAN dan minum adalah keperluan yang penting kepada setiap kejadian yang bernyawa untuk kehidupan setiap hari. Bagi kita manusia, kedua-dua perkara ini adalah sama tuntutannya sebagaimana kepentingan kita terhadap perkara-perkara lain seperti keperluan membersihkan diri, berpakaian, beriadah, bekerja dan seumpamanya yang masing-masing dengan fungsinya. Pengambilan makanan dan minuman yang kita lakukan setiap hari berfungsi untuk memberi tenaga dan kesihatan kepada tubuh badan. Tegasnya kita makan dan minum adalah untuk hidup dan dapat melakukan keperluan kehidupan setiap hari.

Dalam perkara makan dan minum bagi kita umat Islam hendaklah memastikan dengan teliti supaya setiap apa juga makanan dan minuman mestilah keseluruhannya halal dan bersih. Selain itu, adalah mustahak pula bagi kita prihatin terhadap akhlak dan tata tertib dalam makan dan minum kerana semua ini telah dititikberatkan dalam Islam. Ini terbukti dan dapat diperjelaskan melalui perlakuan yang dijelaskan oleh Baginda sendiri melalui pengajaran Baginda kepada para sahabat dan yang lebih tegas melalui hadis-hadis Baginda. Oleh itu demi untuk kebaikan, kesempurnaan dan keberkatan hidup kita, marilah sama-sama kita menghayati antara beberapa pengajaran dan contoh yang boleh didapati daripada Rasulullah

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Peranan Angkatan Tentera Semakin Mencabar. Bincangkan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Angkatan tentera tulang belakang pertahanan negara

SYUKUR alhamdulillah dengan perlindungan Allah Subhanahu Wataala, kita di Negara Brunei Darussalam telah dikurniakan keselamatan serta suasana aman dan tenteram yang membolehkan kita untuk meneruskan pelbagai tugas serta tanggungjawab bagi kemajuan bangsa, agama serta negara dengan senang serta sempurna. Ini semua berkat keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat serta mengingati apa jua rintihan dan kesusahan mereka. Tiada yang lebih mulia dan agung bagi sesebuah kerajaan atau negara dari sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan-keperluan asasi rakyatnya.

Namun begitu, dalam kita menikmati keamanan dan kesejahteraan itu, angkatan tentera juga merupakan tulang belakang kerajaan dalam memastikan tanggungjawabnya terhadap Negara Brunei Darussalam. Walaupun angkatan tentera memainkan peranan utama, seseorang tentera perlu ada kewaspadaan dalam menghadapi cabaran dan menjalankan tugas dengan penuh keyakinan. Ini tidak mustahil, perubahan zaman dan kecanggihan kemudahan tidak semestinya kita jadikan alasan mengapa kita tidak mengubah kehendak nilai-nilai disiplin, justeru ancaman dari perubahan inilah, seharusnya lebih waspada dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang mana hanya dapat dicapai dengan jayanya mengikut sukat-sukat tatacara dan tatatertib.

Perkara ini jelas apabila gejala-gejala yang semakin merebak dewasa ini bukan hanya dalam bentuk fizikal tetapi kita juga semakin diduga oleh pencemaran moral yang berpunca daripada kurangnya keyakinan kepada semangat berpasukan dan runtuhnya semangat setia kawan kerana sikap negatif dalam berlumba-lumba mengejar kepentingan diri sendiri, ini

juga menyebabkan kita jadi lupa, leka dan alpa bahawa persepaduan dan kesatuan adalah formula keteguhan. Warga angkatan tentera janganlah mempunyai sikap nafsu-nafsi, mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan risiko-risikonya kepada diri sendiri, orang lain dan negara di masa depan. Bersikap ingatkan-mengingat dan bantu-membantu hendaklah dijadikan budaya agar setiap warga tentera dapat meraih hasilnya tanpa menunggu perubahan abad untuk mencipta tekad baru, sebaliknya hendaklah sentiasa siap sedia dan waspada demi mendukung hasrat negara yang dicintai. Perkara ini hanya dapat dicapai jayanya melalui sikap mementingkan semangat berpasukan, setia kawan, ketaatsetiaan, keluhuran jiwa dalam menjalankan tanggungjawab dan semangat kepahlawanan. Melalui ciri-ciri inilah setiap individu tentera mampu bersatu padu dan memelihara kepercayaan yang telah diberikan kepada mereka untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara.

Dalam usaha kita untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan di negara ini serta membentuk sebuah kerajaan yang benar-benar efisien, mengambil berat di atas kesejahteraan serta kemakmuran rakyat dan penduduk di dalamnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala supaya sentiasa mengurniakan suasana aman dan tenteram kepada negara yang kita cintai ini bagi membolehkan kita terus melaksanakan kegiatan-kegiatan dan usaha-usaha yang berkecambah bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk sambil kita juga mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara dan bangsa serta kesucian agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

**Norlila binti Haji Ahmad,
No. 12, Simpang 32-21,
Kampung Kiarong,
Jalan Kiarong, BE1318.**

Semangat patriotik tinggi penting

KESTABILAN sesebuah negara dilihat melalui aspek ketenteraan. Kestabilan yang diwujudkan daripada kekukuhan pertahanan menggambarkan senario yang kondusif untuk perkembangan sosioekonomi, sosiopolitik serta sosiobudaya sesebuah negara.

Di dalam era teknologi yang serba canggih ini sudah tentunya evolusi bukan sahaja berlaku terhadap cara hidup serta cara manusia berfikir tetapi sebenarnya fenomena tersebut dimulakan dengan perubahan terhadap alat kehidupan tidak terkecuali peralatan ketenteraan yang digunakan. Perubahan ini dengan sendirinya merubah perspektif pemilihan tentera daripada semata-mata bergantung kepada ketahanan diri kepada ketahanan fizikal semata-mata untuk survival malahan juga pada aspek keintelektualan. Penggunaan tekno-

logi ketenteraan yang canggih bermakna anggota tentera hendaklah mempersiapkan diri dengan teknik-teknik ketenteraan dan juga teknologi ketenteraan yang ada tetapi seharusnya dapat mengaplikasikan latihan serta mampu melakukan pembaikan pulih peralatan semasa situasi mendesak.

Ketenteraan pada masa ini seharusnya mempunyai inovasi yang tersendiri dan dengan sendirinya mampu berdaya tanpa memerlukan kepakaran daripada luar. Keintelektualan serta inovasi yang diaplikasikan bermakna negara tidak bergantung sepenuhnya kepada teknologi ketenteraan luar berkecukupan sebagai pengeluaran alat ketenteraan.

Dewasa ini, kita dikejutkan dengan pelbagai peristiwa berdarah peringkat global. Anasir-anasir penganas serta

logi ketenteraan yang canggih bermakna anggota tentera hendaklah mempersiapkan diri dengan teknik-teknik ketenteraan dan juga teknologi ketenteraan yang ada tetapi seharusnya dapat mengaplikasikan latihan serta mampu melakukan pembaikan pulih peralatan semasa situasi mendesak.

Ketenteraan pada masa ini seharusnya mempunyai inovasi yang tersendiri dan dengan sendirinya mampu berdaya tanpa memerlukan kepakaran daripada luar. Keintelektualan serta inovasi yang diaplikasikan bermakna negara tidak bergantung sepenuhnya kepada teknologi ketenteraan luar berkecukupan sebagai pengeluaran alat ketenteraan.

Dewasa ini, kita dikejutkan dengan pelbagai peristiwa berdarah peringkat global. Anasir-anasir penganas serta

militan semakin berleluasa sehinggalah wujudnya rangkaian-rangkaian di seluruh dunia dan tersebar secara global. Angkatan tentera pada masa ini bukan sahaja menumpukan kepada kecanggihan teknologi serta saiz ketenteraan yang dimiliki, malahan juga seharusnya memiliki strategi-strategi ketenteraan untuk menghadapi anasir-anasir tersebut. Ketenteraan pada era globalisasi dilihat bukan sahaja mempertahankan negara sendiri malahan berkepentingan di peringkat antarabangsa. Keterlibatan ketenteraan dilihat pada dewasa ini sebagai katalis kestabilan negara pada peringkat antarabangsa. Mereka berperanan sebagai orang tengah di dalam menyalurkan misi perdamaian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti yang berlaku di Somalia dan Sarajevo yang mana tentera asing diperlukan sebagai pentadbir keselamatan ne-

gara tersebut sehingga penubuhan kerajaan yang stabil bagi sesebuah negara tersebut.

Kerjaya sebagai seorang tentera bukan sahaja memerlukan keintelektualan serta ketahanan fizikal dan mental malahan seharusnya mempunyai pengetahuan agama, kewibawaan diri serta semangat patriotik yang tinggi untuk dapat menjalankan tugas dengan baik. Menjadi seorang tentera memikul tanggungjawab yang besar demi keselamatan negara khususnya terletak di bahu mereka. Kerjaya sebagai seorang tentera seharusnya tidak diremehkan malahan seharusnya menjadi satu kebanggaan kerana perjuangan mereka atas dasar agama, bangsa dan negara.

**Suwardi bin Japri
No.7, Simpang 62,
Jalan Kapok Kiri,
Jalan Muara BT 2328.
No k/p: 262352**

Peranan angkatan bersenjata mencabar

ANGKATAN bersenjata merupakan salah sebuah benteng pertahanan yang perlu ada bagi sesebuah negara. Perannya yang meliputi menjaga keamanan, keselamatan dan kedaulatan negara telah menempatkan dan meningkatkan imejnya yang terbaik dalam masyarakat dan kepada negara. Dengan peranan dan tanggungjawab yang amat besar itu, angkatan bersenjata sememangnya menghadapi pelbagai cabaran terutama dalam mencapai matlamat bagi mewujudkan sebuah angkatan bersenjata yang berkaliber, selain mengharungi perubahan dari aspek fizikal, strategi, peredaran masa serta kesan dari perkembangan semasa dunia antarabangsa.

Dengan kemajuan yang dicapai oleh dunia hari ini, angkatan bersenjata perlu menyediakan strategi tertentu dalam melengkapkan diri dengan kemudahan-kemudahan teknologi dan maklumat terkini. Keperluan memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam ketenteraan, pertahanan dan keselamatan dapat membantu meningkatkan kekuatan dan kemampuan sebuah angkatan bersenjata yang serba berkebolehan, di samping dapat memenuhi tuntutan dan keperluan negara. Ini

sudah tentunya juga bertujuan bagi mempersiapkan diri dari sebarang bentuk pencerobohan, menangkis musuh-musuh dan anasir-anasir jahat yang ingin mengganggu gugat kestabilan negara.

Dengan pelbagai aspek tugas dan cabang perkhidmatan yang meliputi tentera darat, tentera laut dan tentera udara, angkatan bersenjata berhadapan dengan cabaran untuk menambah keanggotaannya, sekali gus berusaha pula untuk melahirkan anggota tentera yang berkualiti, berkemahiran dan berdisiplin. Dengan sumbangan dan khidmat tertentu kepada masyarakat, khidmat sebagai anggota tentera dapat menjadi contoh terbaik dari aspek disiplin, ketegasan dan kepatuhan terhadap peraturan, di samping ianya merupakan kerjaya yang penting mencabar dan mulia di sisi agama, masyarakat dan negara.

Dalam usia yang sudah mencapai 41 tahun, angkatan bersenjata perlu bertindak bagi meningkatkan kemajuan dan pencapaiannya dari pelbagai sudut. Keperluan mewujudkan kerjasama dan hubungan ketenteraan dengan angkatan-angkatan bersenjata dari negara-negara jiran dan sahabat perlu diadakan untuk meningkatkan ke-

upaya dan kecukupan setiap cabang angkatan bersenjata. Ini dapat dilaksanakan melalui latihan-latihan secara bersama dan bersepadu, di samping pertukaran maklumat, kemahiran dan pengalaman. Keupayaan memiliki senjata-senjata yang serba canggih juga perlu untuk mengemaskinikan kekuatan dan ketrampilan dari aspek fizikal dan strategi pertahanan.

Sebagai nadi dan tulang belakang negara, angkatan bersenjata juga perlu melihat kepentingan menyemai semangat patriotisme di kalangan anggotanya. Ini kerana perkembangan semasa yang berlaku di arena antarabangsa seperti pergolakan politik, isu-isu keselamatan dan keganasan, telah banyak mencabar keupayaan dan kecukupan sebarang pasukan pertahanan dan keselamatan. Cabaran ini hanya akan teruji dan terserlah bila mana khidmat dan pengorbanan anggota tentera benar-benar diperlukan untuk menyaht seruan bagi mempertahankan agama, bangsa, raja dan negara.

Kewujudan sebuah angkatan bersenjata yang serba lengkap dan canggih memang diperlukan sebagai tulang utama pertahanan negara. Perannya

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bersama Membanteras Anasir-anasir Yang Cuba Gugat Kestabilan Negara'. Tarikh tutup 2 Jun 2002.
2. 'Amalkan Pemakanan Sihat dan Seimbang. Bincangkan'. Tarikh tutup 8 Jun 2002.
3. 'Penyalahgunaan Dadah - Tangani Secara Bijaksana. Bincangkan' Tarikh tutup 15 Jun 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunei.bn

semakin mencabar kerana perubahan masa, di samping matlamat, strategi dan perancangan yang perlu dicapai dan dilaksanakan. Hanya sanjungan dan pujian yang dapat diucapkan bagi mengenang jasa, pengorbanan dan khidmat mereka, dan kita sama-sama merayakan dan memeriahkan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei yang diadakan setiap 31 Mei dan menjadikannya sebagai mercu tanda kejayaan sebuah negara yang aman, bahagia dan sejahtera.

**Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G, Kampong Burong Pingai Ayer,
BM 1126.
No. k/p: 058132**

Rencana ...

PGGMB TERUS MENUJU KE ARAH KECEMERLANGAN

PERSEKUTUAN Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) kini genap usianya 63 tahun dan dalam usianya yang mencapai enam abad itu, persekutuan berkenaan telah banyak memberikan sumbangan bukan hanya di bidang pendidikan malahan juga perkembangan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam.

PGGMB bukan hanya salah satu persatuan guru-guru yang tertua di rantau ini malah persekutuan berkenaan merupakan persatuan orang Melayu bukan kerajaan yang pertama ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1937 dan didaftarkan dengan rasminya dua tahun kemudian.

Atas kesedaran pemimpin-pemimpinnya pada masa itu tentang kewujudan Persekutuan Guru-Guru Melayu yang telah bertapak awal di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia Barat), mereka telah berusaha menubuhkan PGGMB di negara ini.

Penubuhan PGGMB di negara ini dihasratkan bagi menyatukan guru-guru Melayu dengan jumlah ahlinya pada waktu itu sekitar 18 orang sahaja bersesuaian dengan keramaian guru-guru Melayu Brunei yang berkhidmat di beberapa buah sekolah Melayu di bawah pentadbiran Residen British.

Matlamat penubuhan persekutuan itu untuk mengumpul keseluruhan guru-guru Melayu Brunei di bawah satu bumbung bagi mencapai kata sepakat dan membuat keputusan bersama agar lebih dinamik.

Di samping itu ianya juga meningkatkan tahap sosial dan ekonomi ahli-ahli serta meningkatkan tahap pendidikan masyarakat negara ini khususnya ahli dan anak-anak ahlinya.

Sebagai sebuah persatuan yang mengelolakan kegiatan-kegiatan kebajikan, ianya pada awalnya telah membuka sebuah kedai runcit bagi kemudahan dan keperluan ahli-ahlinya. Bagaimanapun apabila melulus Perang Dunia Kedua sewaktu pemerintahan Jepun di Brunei, segala kegiatan kebajikan persekutuan berkenaan terhenti kecuali kutipan yuran bulanan di kalangan ahli diteruskan hingga ke hari ini dan persekutuan tersebut bergiat aktif semula setelah perang berkenaan berakhir.

Sememangnya sebelum perang tersebut, PGGMB telah mengharungi arus perubahan dan peringkat kemodenan sehinggalah ke era selepas merdeka. Perubahan-perubahan ini telah dilalui secara berperingkat-peringkat dan telah menyaksikan pelbagai dimensi pembangunan sama ada dalam pembangunan ekonomi mahupun pembangunan frasarana pendidikan.

Perubahan pesat yang dialami oleh persekutuan itu adalah hasil daripada kesinambungan tokoh kepimpinan terdahulu hingga sekarang dan komitmen ahli-ahlinya yang tidak berbelah bahagi bagi memastikan matlamat asal penubuhannya tercapai.

Perancangan-perancangan terdahulu telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang dan hasilnya dapat dilihat masa ini melalui penubuhan beberapa bahagian antaranya Syarikat Kerjasama Jimat Cermat dan Bantu Membantu, Syarikat Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei, Syarikat Pemodalan dan Pelaburan PGGMB, Wisma Puri, Wisma Jaya, Kegiatan Pendidikan PGGMB seperti Sekolah PGGMB, Sekolah Tunas Jaya dan Yayasan Pendidikan dan Biasiswa dan Badan Kebajikan PGGMB.

Selain itu sebanyak 17 projek kegiatan pembangunan ekonomi, pembelian harta dan pembangunan sekolah dan pelaburan dalam tempoh 18 tahun telah dapat dilaksanakan oleh persekutuan itu sama ada di dalam dan luar negeri.

Antara projek yang dilaksanakan itu seperti pembelian rumah, pelaburan ASEAN Nestle, pembelian rumah kedai, IBB-Nikko Investment, pelaburan di Baiduri Finance, pembelian Churiah PGGMB Travel Service, pelaburan Australian Technology Park di Sydney, Australia dan penubuhan sekolah menengah.

Kini persekutuan tersebut telah berjaya mengumpulkan guru-guru di bawah satu bumbung dengan jumlah ahlinya melebihi 2,500 orang yang terdiri daripada guru-guru dan pegawai-pegawai pendidikan.

OLEH DK. HJH. SAIDAH PHOA

Antara puncak kemasyhuran PGGMB ialah terbinanya Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei. Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei letaknya di Tebing Sungai Kianggeh, di ibu negara pada tahun 1963. Ianya hasil ilham Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang memang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan pendidikan di negara ini.

Bangunan setinggi enam tingkat itu dibina di atas tapak 17,177 kaki persegi telah dirasmikan oleh Al-Marhum sendiri pada 26 Februari 1965 merupakan bangunan yang tertinggi dan canggih dalam dekad tersebut kerana ianya merupakan bangunan pertama yang dilengkapi dengan kemudahan lif dan menjadi mercu tanda kepada Bandar Brunei.

Sungguhpun keramaian ahlinya pada waktu itu tidak lebih daripada 1,000 orang namun mereka telah berjaya menyatukan



BANGUNAN baru Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei diilhamkan menjadi pusat membeli belah, pusat hiburan keluarga dan pusat persidangan antarabangsa pada alaf baru ini.

tenaga dan buah fikiran sehingga mampu mendirikan bangunan tersebut.

Bagaimanapun disebabkan bangunan tersebut tidak sesuai dengan keadaan dan keperluan masa ini, pemimpin-pemimpin persekutuan itu pada ketika ini telah membina semula bangunan baru di tapak bangunan yang sama sebagai mengenang jasa Al-Marhum yang menjadi sumber aspirasi perjuangan warga PGGMB bagi memantapkan keutuhan bangsa Melayu dalam hal-ehwal pendidikan dan per-ekonomian.

Pembinaan bangunan baru itu pada awalnya dirancang setinggi 15 tingkat bagaimanapun telah diubahsuai kepada 17 tingkat dengan dilengkapi peralatan teknologi terkini termasuklah keperluan IT dan ICT, beberapa unit tempat tinggal, ruang tempat kereta yang boleh memuatkan lebih 300 buah kenderaan pada satu masa dan kelengkapan untuk riadah bukan sahaja bagi keperluan ahli-ahlinya tetapi juga untuk warga kota.

Selain itu bangunan tersebut juga di-

hasratkan menjadi bangunan rangkaian Pusat Pendidikan IT dan ICT, pendidikan guru dan pendidikan kokurikulum semata-mata untuk mendukung aspirasi dan cita-cita negara untuk menuju ke arah negara maju.

Kos pembinaan bangunan itu menghampiri \$25 juta diilhamkan untuk dijadikan pusat membeli-belah, pusat hiburan keluarga dan pusat persidangan antarabangsa pada alaf baru.

Di samping itu persekitarannya dilengkapi dengan 'pedestrian mall' dengan harapan akan wujudnya sebuah 'taman dalam bandar' dengan keindahan landskap yang mempunyai reka bentuk kesenian Brunei asli dan 'medan selera antarabangsa' serta sebagai tempat beristirahat, berekreasi dan menjamu selera bagi warga kota dan pelancong dalam dan luar negeri.

Pada 14 Mei lalu merupakan detik bersejarah yang tidak akan dilupakan kerana pada tarikh tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan bangunan baru itu.

Dengan adanya perkembangan sehingga kini, tidaklah mustahil bagi persekutuan itu akan mencapai matlamatnya seperti yang dicita-citakan. Misalnya dalam bidang ekonomi, persekutuan itu berhasrat melibatkan diri di dalam bidang perniagaan konvensional termasuklah industri pelancongan, industri kewangan dan perbankan.

Manakala di bidang pendidikan, persekutuan itu akan terus mempergiatkan penubuhan sekolah-sekolah bagi memasuki era pengajian sekolah menengah dan menceburi industri pendidikan seperti penubuhan kolej swasta dan institusi pengajian tinggi melalui kerjasama dengan institusi atau agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negara.

Walaupun berlaku ledakan perkembangan pendidikan yang agak cemerlang di seluruh pelusuk Negara Brunei Darussalam namun pendidikan moral dan kerohanian yang murni tidak seharusnya diabaikan.

Kedua-dua unsur pendidikan ini penting bagi memastikan bukan sahaja PGGMB bercita-cita berjaya menghasilkan masyarakat yang berilmu bahkan persekutuan itu berhasrat mewujudkan masyarakat penyayang, prihatin dan berbudaya madani.

Dengan berbekalkan usaha dan pemikiran yang dikongsi secara kolektif serta semangat yang kental seharusnya wawasan tersebut akan dapat dikecapi oleh persekutuan berkenaan.



BANGUNAN lama Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei yang dibina pada tahun 1963 mempunyai nilai sentimental bagi ahli veteran dan ahli baru PGGMB kerana ianya salah satu agenda perjuangan PGGMB.

Islam menolak keganasan, kekasaran

BERAKAS, 9 Mei. - Islam menolak keganasan dan kekasaran malah menghukum kepada sesiapa yang melakukan sedemikian.

Penyataan tersebut merupakan salah satu penyataan Kuala Lumpur yang terkandung di dalam dua kertas utama yang dibacakan sewaktu hari terakhir Muktamar Menteri-menteri Wakaf dan Hal-Ehwal Islam Ke-7 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyataan tersebut juga menolak perhubungan antara keganasan dengan Islam dan orang-orang Islam kerana keadilan dan dasar sebenar Islam adalah moral yang tinggi seperti damai, toleransi, lemah lembut dan sederhana.

Penyataan Kuala Lumpur itu juga telah menyatakan bahawa muktamar menyuarakan untuk tidak bersetuju dengan campur tangan asing kepada hal-ehwal orang-orang Islam dalam negara-negara yang orang Islam adalah golongan minoriti dan meminta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa untuk memberikan perhatian yang khusus mengenai nasib golongan minoriti ini.

Hadir mewakili negara ke muktamar tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bersama tiga orang pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

Yang Berhormat di sesi muktamar tersebut menyampaikan ucapan bagi mewakili negara-negara kawasan Asia telah menyentuh mengenai pentingnya meningkatkan perpaduan dan kerjasama di kalangan negara-negara Islam bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan.

Muktamar yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia itu diadakan sekali dalam masa tiga tahun dan telah dibuka rasmi oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri

Oleh Abu Bakar HAR

Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 6 Mei lalu dan dihadiri oleh Menteri-menteri Wakaf dan menteri-menteri yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal Islam dari negara-negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan agensi-agensi yang berkaitan.

Antara lain tujuan utama muktamar diadakan ialah untuk menyelaras aktiviti dakwah, penerbitan bahan-bahan penerangan berkaitan Islam dan pertukaran pendapat mengenai pembahagian kutipan zakat.

Untuk mencapai matlamat itu, sebanyak lapan kertas kerja telah dibentangkan bagi membuat resolusi di akhir muktamar.

Antara tajuk-tajuk kertas kerja yang dibincangkan termasuklah pelan tindakan bagi persediaan para pendakwah dalam lingkungan dunia yang sentiasa berubah dan kawalan batas sempadan terhadap penerbitan laman internet Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam.

Sebagai memberi tindak balas kepada tajuk-tajuk dakwah dan pengkalan warisan Islam yang dibincangkan dalam muktamar tersebut, Negara Brunei Darussalam telah menyediakan dua penerbitan khusus yang dibuat dalam dua bahasa iaitu bahasa Arab dan Inggeris yang bertajuk 'Da'wah Activities and Management of Convert - Brunei Darussalam Experience' dan 'Preservation and Development of The Art of Jawi Writing or Calligraphy in Brunei Darussalam.'

Penerbitan tersebut telah diedarkan kepada ahli-ahli persidangan untuk memberi maklumat mengenai aktiviti dakwah dan pengalaman Negara Brunei Darussalam dalam mengekalkan dan menyebarkan seni warisan Islam.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama ketika bersalaman bersama Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah, Awang Haji Adam sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 9 Mei lalu setelah menghadiri Muktamar Menteri-menteri Wakaf dan Hal-Ehwal Islam Ke-7 di Kuala Lumpur, Malaysia.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Rawi. - Gambar oleh Hamadi HM.

Membersihkan tanah perkuburan Islam di Mukim Rambai

TUTONG, 10 Mei. - Para penduduk di sekitar Mukim Rambai telah menjalankan kerja pembersihan kawasan tapak baru perkuburan bagi orang-orang Islam di kawasan berkenaan di sini.

Seluas 4.5 ekar telah disediakan bagi kawasan tapak baru perkuburan bagi orang-orang Islam di Mukim Rambai dan kampung-kampung yang berdekatan dengannya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim mengetuai kerja-kerja pembersihan kawasan tapak perkuburan baru di Rumpau di mukim berkenaan.

Rawi penyeri Majlis Berdikir

Oleh Ak. Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Mei. - Seramai 10 peserta menerima sijil masing-masing di Majlis Penutup Bengkel Rawi bagi pegawai-pegawai masjid seluruh negara.

Bengkel tersebut bertujuan memberikan peluang kepada pegawai-pegawai masjid terdiri dari imam-imam dan bilal-bilal masjid di Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong dalam mengahului lagi pembacaan Rawi dengan betul.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Bengkel Rawi di Masjid Kampong Bunut pada 6 Mei lepas ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula.

Pegawai Hal Ehwal Masjid Brunei dan Muara, Awang Haji Abdul Razak bin Haji Tahir yang juga selaku Pengerusi bersama dalam ucapannya menerangkan bahawa bengkel itu bertujuan untuk mendedahkan imam-imam dan bilal-bilal kepada pembacaan Rawi yang betul di samping menam-

bahkan lagi pengetahuan yang sedia ada agar mereka dapat menjadi tenaga pengajar kepada para jemaahnya, selain sebagai langkah dalam sama-sama menjadikan pembacaan Rawi tidak pupus begitu sahaja.

"Yang paling penting Rawi ini akan dimasukkan pada malam-malam Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1423 Hijrah ini, sama ada pada awal majlis pembukaan atau penutup Majlis Berzikir Mauludin Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di samping Dikir Syarafil Anam," tambah beliau.

Beliau menambah, Rawi merupakan penyeri Majlis Berdikir selama 12 malam di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat didahului oleh imam-imam dan bilal-bilal. Walau bagaimanapun jemaah yang berkebolehan juga dialu-alukan untuk menyumbangkan bacaan Rawi.

Bengkel selama tiga hari bermula 2 hingga 6 Mei 2002 dihasratkan untuk membolehkan imam-imam terutama yang baru berkhidmat mempelajari asas Rawi, di samping mengingatkan atau mengimbas kembali lagu-lagu Rawi bagi mereka yang pernah mengikutinya.

Bengkel anjuran bersama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut Brunei IIA di kendalikan oleh Ustaz Dr. Haji Mirwan bin Haji Md. Nooh Batubara sementara rumusan bengkel dipengerusikan oleh Imam Haji Md. Daud bin Haji Abdul Kadir.

Sebagai langkah awal Pejabat Hal Ehwal Masjid Brunei dan Muara akan mengusahakan rakaman Rawi yang disumbangkan oleh Imam Haji Md. Daud dan Ustaz Dr. Haji Mirwan untuk dibekalkan ke setiap masjid sebagai rujukan.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya mengetuai kerja-kerja pembersihan kawasan tapak perkuburan baru di Rumpau, Mukim Rambai. - Gambar ihsan Pusat Da'wah Islamiyah.



ممبركاس كبركسنن قرتاهنن نكارا

Memperkasa Keberkesanan Pertahanan Negara

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN ABDB KE 41 TAHUN

PADA 31 MEI 2002



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

JADUAL SIARAN RTB PIALA DUNIA 2002

31 MEI 2002 - JUMAAT

SIARAN LANGSUNG	- 09.00	WORLD CUP DOCUMENTARIES
	- 15.00	WORLD CUP DOCUMENTARIES
	- 17.00	RTB STUDIO PRESENTATION
	- 18.30	PEMBUKAAN RASMI
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	FRANCE VS SENEGAL

01 JUN 2002 - SABTU

ULANGAN	- 08.30	PEMBUKAAN RASMI
ULANGAN	- 10.30	FRANCE VS SENEGAL
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	REPUBLIC OF IRELAND VS CAMEROON
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	URUGUAY VS DENMARK
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	GERMANY VS SAUDI ARABIA
ULANGAN	- 21.30	REPUBLIC OF IRELAND VS CAMEROON

02 JUN 2002 - AHAD

ULANGAN	- 08.30	URUGUAY VS DENMARK
ULANGAN	- 10.30	GERMANY VS SAUDI ARABIA
SIARAN LANGSUNG	- 13.30	ARGENTINA VS NIGERIA
SIARAN LANGSUNG	- 15.30	PARAGUAY VS SOUTH AFRICA
SIARAN LANGSUNG	- 17.30	ENGLAND VS SWEDEN
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	SPAIN VS SLOVENIA
ULANGAN	- 21.30	ARGENTINA VS NIGERIA

03 JUN 2002 - ISNIN

ULANGAN	- 08.30	PARAGUAY VS SOUTH AFRICA
ULANGAN	- 10.30	ENGLAND VS SWEDEN
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	CROATIA VS SWEDEN
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	BRAZIL VS TURKEY
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	ITALY VS ECUADOR
ULANGAN	- 21.30	CROATIA VS MEXICO

04 JUN 2002 - SELASA

ULANGAN	- 08.30	BRAZIL VS TURKEY
ULANGAN	- 10.30	ITALY VS ECUADOR
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	PREPUBLIC OF CHINA VS COSTA RICA
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	JAPAN VS BELGIUM
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	KOREA VS POLAND
ULANGAN	- 21.30	REPUBLIC OF CHINA VS COSTA RICA

05 JUN 2002 - RABU

ULANGAN	- 08.30	JAPAN VS BELGIUM
ULANGAN	- 10.30	KOREA REPUBLIC VS POLAND
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	RUSSIA VS TUNISIA
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	U.S.A VS PORTUGAL
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	GERMANY VS REPUBLIC OF IRELAND
ULANGAN	- 21.30	RUSSIA VS TUNISIA

06 JUN 2002 - KHAMIS

ULANGAN	- 08.30	U.S.A VS PORTUGAL
ULANGAN	- 10.30	GERMANY VS REPUBLIC OF IRELAND
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	DENMARK VS SENEGAL
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	CAMEROON VS SAUDI ARABIA
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	FRANCE VS URUGUAY
ULANGAN	- 21.30	DENMARK VS SENEGAL

07 JUN 2002 - JUMAAT

ULANGAN	- 08.30	CAMEROON VS SAUDI ARABIA
ULANGAN	- 10.30	FRANCE VS URUGUAY
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	SWEDEN VS NIGERIA
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	SPAIN VS PARAGUAY
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	ARGENTINA VS ENGLAND
ULANGAN	- 21.30	SWEDEN VS NIGERIA

08 JUN 2002 - SABTU

ULANGAN	- 08.30	CAMEROON VS SAUDI ARABIA
ULANGAN	- 10.30	FRANCE VS URUGUAY
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	SWEDEN VS NIGERIA
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	SPAIN VS PARAGUAY
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	ARGENTINA VS ENGLAND
ULANGAN	- 21.30	SWEDEN VS NIGERIA

09 JUN 2002 - AHAD

ULANGAN	- 08.30	ITALY VS CROATIA
ULANGAN	- 10.30	BRAZIL VS PREPUBLIC OF CHINA
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	MEXICO VS ECUADOR
SIARAN LANGSUNG	- 17.00	COSTA RICA VS TURKEY
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	JAPAN VS RUSSIA
ULANGAN	- 21.30	MEXICO VS ECUADOR

10 JUN 2002 - ISNIN

ULANGAN	- 08.30	COSTA RICA VS TURKEY
ULANGAN	- 10.30	JAPAN VS RUSSIA
SIARAN LANGSUNG	- 16.30	KOREA VS U.S.A
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	TUNISIA VS BELGIUM
SIARAN LANGSUNG	- 21.30	PORTUGAL VS POLAND
ULANGAN	- 10.30	KOREA VS U.S.A

RTB BAWA PEMINAT SAKSI KEHEBATAN PIALA DUNIA



SEMPENA berlangsungnya Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2002 di Jepun dan Republik Korea, Radio Televisyen Brunei (RTB) akan menyiarkan sejumlah 60 perlawanan secara langsung, empat perlawanan bagi siaran tertunda, 64 perlawanan ulangan dan 38 perlawanan pilihan, disiarkan secara ulangan beberapa saat.

RTB akan memulakan siaran ini bermula jam 8.00 pagi melalui saluran khas 10 dan 11, manakala di saluran 5 dan 8 pula RTB akan menyiarkan empat perlawanan secara langsung dari 31 Mei hingga 30 Jun.

Semasa siaran ini ke udara para penonton juga akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah melalui kuiz telefon dan juga kuiz yang dijawab oleh penonton melalui borang-borang yang disediakan oleh penaja.



11 JUN 2002 - SELASA

ULANGAN	- 08.30	TUNISIA VS BELGIUM
ULANGAN	- 10.30	PORTUGAL VS POLAND
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	DENMARK VS FRANCE
ULANGAN	- 17.00	SENEGAL VS URUGUAY
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	CAMEROON VS GERMANY
SIARAN TERTUNDA	- 21.45	SAUDI ARABIA VS REPUBLIC OF IRELAND

Nota: Senegal vs Uruguay siaran langsung di saluran 5 & 8 jam 14.30

12 JUN 2002 - RABU

ULANGAN	- 08.30	DENMARK VS FRANCE
ULANGAN	- 10.30	CAMEROON VS GERMANY
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	NIGERIA VS ENGLAND
ULANGAN	- 17.00	SWEDEN VS ARGENTINA
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	SOUTH AFRICA VS SPAIN
SIARAN TERTUNDA	- 21.30	SLOVENIA VS PARAGUAY

Nota: Sweden vs Argentina siaran langsung di saluran 5 & 8 jam 14.30

13 JUN 2002 - KHAMIS

ULANGAN	- 08.30	NIGERIA VS ENGLAND
ULANGAN	- 10.30	SOUTH AFRICA VS SPAIN
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	COSTA RICA VS BRAZIL
ULANGAN	- 17.00	TURKEY VS PREPUBLIC OF CHINA
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	MEXICO VS ITALY
SIARAN TERTUNDA	- 21.30	ECUADOR VS CROATIA

Nota: Turkey vs P.R. of China siaran langsung di saluran 5 & 8 jam 14.30

14 JUN 2002 - JUMAT

ULANGAN	- 08.30	COSTA RICA VS BRAZIL
ULANGAN	- 10.30	MEXICO VS ITALY
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	JAPAN VS TUNISIA
ULANGAN	- 17.00	BELGIUM VS RUSSIA
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	KOREA REPUBLIC VS PORTUGAL
ULANGAN	- 21.30	POLAND VS U.S.A

Nota: Belgium vs Russia siaran langsung di saluran 5 & 8 at 14.30

15 JUN 2002 - SABTU

ULANGAN	- 08.30	JAPAN VS TUNISIA
ULANGAN	- 10.30	KOREA REPUBLIC VS PORTUGAL
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	1ST Group E vs 2nd Group B
ULANGAN	- 17.00	1ST Group E vs 2nd Group B
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	1ST Group A vs 2nd Group F
ULANGAN	- 21.30	1ST Group A vs 2nd Group F

16 JUN 2002 - AHAD

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	1ST Group F vs 2nd Group A
ULANGAN	- 17.00	1ST Group F vs 2nd Group A
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	1ST Group B vs 2nd Group E
ULANGAN	- 21.30	1ST Group B vs 2nd Group E

17 JUN 2002 - ISNIN

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	1ST Group G vs 2nd Group D
ULANGAN	- 17.00	1ST Group G vs 2nd Group D
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	1ST Group C vs 2nd Group H
ULANGAN	- 21.30	1ST Group C vs 2nd Group H

18 JUN 2002 - SELASA

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	1ST Group H vs 2nd Group C
ULANGAN	- 17.00	1ST Group H vs 2nd Group C
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	1ST Group D vs 2nd Group G
ULANGAN	- 21.30	1ST Group D vs 2nd Group G

19 JUN 2002 - RABU

ULANGAN	- 17.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 19.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 21.00	Perlawanan Pilihan

20 JUN 2002 - KHAMIS

ULANGAN	- 17.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 19.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 21.00	Perlawanan Pilihan

21 JUN 2002 - JUMAAT

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	SUKU AKHIR 1
VT ULANGAN	- 17.00	SUKU AKHIR 1
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	SUKU AKHIR 2
ULANGAN	- 21.30	SUKU AKHIR 2

22 JUN 2002 - SABTU

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 14.30	SUKU AKHIR 3
ULANGAN	- 17.00	SUKU AKHIR 3
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	SUKU AKHIR 4
ULANGAN	- 21.30	SUKU AKHIR 4

23 JUN 2002 - AHAD

ULANGAN	- 17.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 19.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 21.00	Perlawanan Pilihan

24 JUN 2002 - ISNIN

ULANGAN	- 17.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 19.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 21.00	Perlawanan Pilihan

25 JUN 2002 - SELASA

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 13.45	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 16.00	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 1
ULANGAN	- 21.30	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 1
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	1ST Group D vs 2nd Group G
ULANGAN	- 21.30	1ST Group D vs 2nd Group G

26 JUN 2002 - RABU

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 13.45	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 16.00	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 19.30	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 2
ULANGAN	- 21.30	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 2

27 JUN 2002 - KHAMIS

ULANGAN	- 17.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 19.00	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 1
ULANGAN	- 21.00	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 2 2002
ULANGAN	- 17.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 19.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 21.00	Perlawanan Pilihan

28 JUN 2002 - JUMAAT

ULANGAN	- 17.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 19.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 21.00	Perlawanan Pilihan

29 JUN 2002 - SABTU

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 13.45	Perlawanan Pilihan
SIARAN LANGSUNG	- 19.00	TEMPAT KETIGA
ULANGAN	- 21.00	TEMPAT KETIGA

30 JUN 2002 - AHAD

ULANGAN	- 08.30	Perlawanan Pilihan
ULANGAN	- 11.00	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 1
ULANGAN	- 13.45	PERLAWANAN SEPARUH AKHIR 2
STD SIARAN LANGSUNG	- 17.00	RTB STUDIO PRESENTATION
SIARAN LANGSUNG	- 19.00	PERLAWANAN AKHIR
ULANGAN	- 21.00	PERLAWANAN AKHIR



AWANG MOHAMMAD ... Yakin ITB akan melangkah lebih jauh bagi mengeluarkan tenaga manusia yang mahir.



AWANG HAJI MD. JAAFAR ... Negara mahu melihat anak tempatan turut merebut faedah teknologi maklumat.



DAYANGKU SITI SALWA ... Usaha kerajaan membantu mengatasi pengangguran sangat menggembirakan para pencari kerja.

DBP, Syarikat Brunei LNG anjur Peraduan Melukis

KUALA BELAIT. - Lebih kurang 70 pelajar dari sekolah-sekolah di Daerah Belait menyertai Peraduan Melukis Majalah Mekar dan Juara di perkarangan ibu Pejabat Syarikat Brunei LNG di Lumut.

Peraduan tersebut merupakan kerjasama kali pertama di antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Syarikat Brunei LNG selain pernah bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta yang lain.

Ia diadakan setiap hari Ahad sepanjang bulan Mei bermula 5 Mei lepas di kawasan Syarikat Brunei LNG bermula jam 9 pagi hingga 11 pagi dan diteruskan pada 12 Mei di Cawangan DBP Daerah Temburong dari pukul 9.30 pagi hingga 11.30 pagi, di Taman Rekreasi Sungai Basong Tutong pada 19 Mei dari jam 8.30 pagi - 10.30 pagi dan di Empire Hotel and Country Club Jerudong pada 26 Mei bermula jam 4 petang hingga 6 petang.

Peraduan bertemakan 'Alam Persekitaran Negeraku


Oleh
Ak. Jefferi PD

Yang Bersih dan Sihat,' dibahagikan kepada kategori A bagi pelajar berumur 5-11 tahun dan kategori B bagi berumur 12-15 tahun.

Penganjur menyediakan hadiah berupa wang berjumlah \$200.00 bagi pemenang pertama, \$150.00 bagi pemenang kedua, \$75.00 bagi pemenang ketiga manakala \$50.00 bagi pemenang keempat dan satu hati \$25 bagi kategori A.

Kategori B pula menawarkan wang tunai sebanyak \$300.00 bagi pemenang pertama; kedua \$250.00; ketiga \$200.00; keempat \$150.00; kelima \$100.00 dan \$50.00 bagi pemenang sagu hati.

Keputusan peraduan akan diumumkan setelah semua penyertaan dari keempat daerah dikumpul dan dihakimkan manakala hasil lukisan akan dipamerkan di Empire Hotel and Country Club sepanjang Persidangan Gasex dari 27 hingga 30 Mei.



PERADUAN Melukis Majalah Mekar dan Juara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Syarikat Brunei LNG. Majlis berlangsung di perkarangan ibu pejabat syarikat tersebut. - Gambar oleh Pengiran Raffee PDPHM.

Visi utama ITB Sebagai Pusat Sumber Perkembangan Tenaga Manusia dan Penyelidikan Teknologi

BERAKAS. - Antara visi utama Institut Teknologi Brunei (ITB) adalah bagi menjadikannya sebagai Pusat Sumber Perkembangan Tenaga Manusia dan Penyelidikan Teknologi yang utama.

Melalui perancangan yang telah dilaksanakan sesi tahun akademik 2001/2002 merupakan tahun bersejarah kepada institut berkenaan apabila mencapai perkembangan dalam fizikal infrastruktur pertambahan kursus, meningkatkan perhubungan antarabangsa dan melebarkan kerjasama serantau dan setempat.

Para graduan penerima anugerah pelajar terbaik pengambilan ke-15 juga melahirkan rasa bangga dengan perkembangan ITB yang semakin pesat menuju kemajuan selaras dengan matlamatnya.

Awang Mohammad bin Haji Abdul Karim yang mengikuti Kursus Kejuruteraan Awam merasa yakin ITB akan melangkah lebih jauh dalam usahanya mengeluarkan tenaga manusia yang mahir dalam jurusan-jurusan yang ditawarkan.

Menurutnya, bidang kejuruteraan merupakan antara bidang yang menarik sehingga semakin ramai di kalangan anak tempatan berminat untuk merebut peluang meningkatkan keupayaan masing-masing.

Oleh Samle Hj. Jait

"Persaingan dan cabaran mengikuti kejuruteraan awam sekali gus menandakan satu peluang cerah kepada kemajuan negara pada bidang ini dalam jangka pendek mahupun panjang," jelasnya ketika ditemui di Majlis Konvokesyen ITB di Pusat Persidangan Antarabangsa, 11 Mei lalu.

Penerima Anugerah Terbaik jurusan Perdagangan dan Kewangan, Dayangku Siti Salwa binti Pengiran Othman berkata ketika situasi mencari kerja di negara semakin susah, sektor swasta perlu sama-sama berperanan menyediakan peluang pekerjaan yang relevan, di samping pencari kerja juga perlu melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sendiri.

Katanya, usaha negara menggerakkan sektor industri dan perniagaan untuk memulihkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi sudah tentu menyediakan peluang tenaga kerja yang berkemahiran sekali gus mengurangkan masalah pencari pekerjaan.

Melihat perkembangan teknologi maklumat ketika ini, Haji Md. Jaafar melahirkan rasa gembira kepesatan itu juga direbut oleh kebanyakan sektor kerajaan bagi mengemaskinikan pelbagai sistem.

Jurutera dalam penerbangan, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yakin kecanggihan teknologi maklumat banyak menyediakan ruang kepada tenaga mahir untuk menggerakkan bidang berkenaan.

"Negara sudah tentu mahu melihat anak tempatan berjaya dan merebut faedah yang dibawa oleh ledakan teknologi masa kini," jelas Haji Md. Jaafar, Graduan Terbaik Kejuruteraan Komunikasi dan Sistem Komputer.

Dalam konvokesyen kali ini, seramai 150 orang graduan menerima Sijil Diploma Tinggi Kebangsaan setelah menamatkan pengajian dalam bidang-bidang kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan elektronik perdagangan dan kewangan dan sistem maklumat komputer.

38 buah sekolah sertai Explomaths 2002

Oleh
Ak. Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 April. - Sebanyak 38 buah sekolah menengah terdiri dari penuntut-penuntut tingkatan dua hingga lima menyertai Peraduan Kuiz Matematik pusingan pertama bagi Explomaths 2002 kali ke-10.

Peraduan kuiz tersebut diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan II.

Menurut Pengetua

sekolah tersebut, Kuiz Matematik itu diadakan bagi menimbulkan rasa kesedaran pelajar betapa pentingnya mata pelajaran matematik.

Kuiz Matematik tersebut dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan ditaja oleh Syarikat Brunei Shell Petroleum.

Peraduan peringkat suku akhir secara lisan akan diadakan di sekolah yang sama, manakala peringkat separuh akhir akan berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei.



PERADUAN Kuiz Matematik pusingan pertama bagi Explomaths 2002 Kali Ke-10 telah berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan II. - Gambar oleh Mohd. Zul-tzzi.

“S

YY...! Cikgu handsome datang!” Seru Siti.

Mereka menggelarnya cikgu handsome, yang kebetulan mempunyai gaya dan rupa. Kemunculannya sentiasa dinantikan. Sebahagian penuntut perempuan membetulkan baju, tudung dan rambut. Penuntut lelaki tersengih. Sementara Jeslina merasakan bahang kepanasan bilik darjahnya. Jeslina menahan gemuruh di dada. Marahnya kepada Sofia, kakaknya belum reda. Pergaduhan antara gurunya sendiri, teman lelaki kakaknya dan Sofia, membuatnya sentiasa berhati-hati agar gurunya itu tidak membalas dendam terhadapnya. Jauh di sudut hati dia simpati nasib gurunya.

“Morning Sir ...,” ucapnya.

Hisyam masuk. Riu-rendah Tingkatan Enam Dua Sains Rendah, menyapa Hisyam.

“Morning class ...” Hisyam senyum lebar, Jeslina seperti tidak percaya.

Hisyam tak berubah tetap melayan penuntutnya seperti biasa.

“Er... cikgu lupa assignment kamu minggu lepas. Tolong ambilkan ... Jeslina!”

Tersentak hati Jeslina.

“Now ... please ... silent,” suara Hisyam kali ini agak keras sikit, bila darjah mulai bisu.

“Er ... sir ... boleh tak i join her sama ...?” Dengan bahasa yang bercampur-aduk Sharul mengangkat tangan menawarkan diri.

“Cikgu tak kisah .. kalau ampunya badan minta temankan.”

Hisyam melirik Jeslina. Riu-rendah bilik darjah itu lagi. Jeslina merasa malu. Ia merasakan Hisyam mahu membalas dendam. Jeslina bangkit untuk keluar tapi Sharul menghalang.

“Eh! Jes ... nanti dulu,” Sharul membunyikan dari belakang.

“Shut-up ... I don't need you ...,” Jeslina geram.

“Alamak, garang betul awak ni ...” Sharul berundur sebelum terkena pukulan pada Jeslina. Teman sedarjah tersenyum. Hisyam menggeleng kepala. Sharul yang memang menaruh harapan pada Jeslina tapi tidak pernah mengendakkannya. Tanpa berlengah Jeslina keluar sambil menarik tangan Siti.

“Adoi! Sakitlah ...” Jeslina menyedari kekasarnya. “Sorrylah Siti ...”

“Apahal dengan kamu ni?” Siti agak hairan dengan kerenah Jeslina. Tidak seperti biasa, mesra dan pendiam.

“Sorrylah aku tak ada mood hari ni...”

Siti memahaminya. Pergaulannya dengan rakan yang lain tidak juga membuat jurang perbezaan di antara mereka.

“You macam ada problem je ... Kenapa?” Siti cuba mencungkil rahsia kemurungan temannya.

“Nothing, small matter je ... biasanya, kakak adik kalau gaduh macam nilah ...” Jeslina merahsiakan kerunsingannya.

“Oh ... Siti pun rasa kakak you tu garang sangat ...”

“Dahlah ... malas nak fikir ... alamak, banyaknya guru ...” Jeslina agak terkejut.

“Siti kamu saja yang masuk, aku malu-lah.”

“Ee ... tak naklah, Cikgu Hisyam yang suruh kamu, bukan aku ...” Siti turut menolak sambil menghindari jauh.

“Hah ... kenapa?” tiba-tiba salah seorang guru yang kebetulan keluar untuk mengajar, menyergah mereka.

“Er ... er ... nak ambil assignment di meja Cikgu Hisyam ...” Tersekat-sekat suaranya kerana terkejut, sambil menahan malu.

“Tunggu apa lagi masuk aje le! ... Yang kamu di sana, tunggu saja di luar ...” Sambil mengarah Jeslina masuk, dia juga mengarahkan Siti untuk menunggu di luar saja. Siti mengangguk kekejukan. Dengan menahan perasaan malunya, Jeslina menuju ke meja Hisyam dan mencari assignment yang dipinta.

Cinta Kedua



OLEH E. SARA

“Ha ... inilah adik dia ... hai, kalau aku Mat, baik aku pilih si adik dari si kakak ...”

“Nasib Man ... nak macam mana lagi ...”

Jeslina cepat-cepat mengumpulkan assignment di meja Cikgu Hisyam dan terus mengangkat kakinya keluar. Perbualan di antara guru-guru sebentar tadi seolah-olah ditujukan kepadanya, Sofia dan Cikgu Hisyam.

“Hei ... Jes, tunggulah ...” Jeslina tersentak dari lamunan, bila ia menyedari langkahnya yang begitu pantas meninggalkan temannya Siti jauh di belakang. Siti berlari anak mendapatkannya.

“Eh ... apa kena dengan you ni ... demam ke?” Siti makin hairan juga dengan tingkah temannya. Siti hanya mampu menggeleng kepalanya. Bila mereka hampir ke bilik darjah, keadaan agak sunyi. Jeslina hairan. Biasanya merekalah menja-

di sasaran sebilangan guru-guru di sekolah itu. Dia menoleh dan memandang wajah Siti. Dengan wajah selamba, Siti mengangkat bahu. Bila mereka nak masuk, pintu terkunci.

“Eh ... kenapa di kunci?”

Tanpa menjawab, Siti mengetuk tiga kali. Apabila pintu dibuka, suasana sunyi menjadi riuh bila tiba-tiba, sebuah nyanyian yang tentu sekali tidak disangkanya.

“Happy birthday to you ... Happy birthday to you ... Happy birthday to Jeslina ... Happy birthday to you ...” Mereka bersorak riang dengan suara yang nyaring.

“And ... Happy to you ... because I love you ...” “Sharul menambah dengan penuh perasaan.

“Ceh ... nyampah betulah you ni ... perasaan sangat ...,” Marah Siti.

“Ala ... jelouslah tu ... sebab kita tak syok dengan dia,” Sharul memperlanya.

Jeslina cukup terharu dengan sambutan dari

CERPEN

teman-temannya. Suasana yang dirasakan cukup memberi makna buatnya.

“Jes ... kami sengaja buat surprise untuk kamu. Walaupun bulan lepas kita dah sambut, tapi kali ini, ia juga sebagai tanda persahabatan kita semua ... lagipun selepas ini, entah bila lagi kita dapat kumpul sama kalau Jes dah pergi ke Malaysia bulan depan.” Sebak juga hati sahabat karibnya yang satu ini meluahkan perasaannya.

“Hah ... kamu dah tau ke?” Jeslina terkejut

“Ye ... sampai hati you nak tinggalkan I ... dahlah pergi jauh, tak cakap pun bila dia birthday ...” Sharul rasa terkilan. Jeslina cuma menjeling geram.

“Cikgu minta maaf Jes ... sebenarnya cikgu yang becok sangat begitau diarong...”

Hisyam mula bersuara. Bila berdepanan dengan rakan sedarjah, mereka berbasa-basi, dan memanggil Hisyam cikgu. Cuma bila Hisyam bersama kakaknya, Sofia, Hisyam lebih senang dipanggil abang. Terharu juga dia melihat rakan-rakan Jeslina yang begitu ambil berat dengan persahabatan mereka. Memang Jeslina ada memberitahu hal itu sebelum pergaduhan Sofia, kakaknya dan gurunya itu. Tak sangka pula, Hisyam ada rancangan untuknya. Rasa bersalah juga dia menuduh yang bukan-bukan walaupun tidak secara terang. Tak adil kakaknya memperlakukan gurunya begitu. Simpatinya bertukar menjadi suatu perasaan yang sukar untuknya memahaminya.

“Kami tumpang gembira dengan Jes ... apa pun, janganlah lupakan kami di sini,” rakan-rakan yang lain turut menyokong Jeslina.

“Maafkan Jes ... sebenarnya, bukan kehendak Jes nak belajar ke Malaysia, tapi bapa Jes yang paksa Jes. Lagipun Jes tak sampai hati nak bagi tau kau orang semua. Sebab selepas ni, tak akan ada sahabat-sahabat yang baik macam kau orang semua nanti di sana. Jika pun ada tak semuanya satu darjah macam kau orang semua,” suaranya cukup sayu.

“You all are the best friend I ever-ever have... I promise not forget you all,” air jernih mulai bertakung di matanya.

Mereka mulai berpelukan dan saling berjabat tangan bermaaf-maafan. Hisyam membiarkan mereka sambil menghindarkan diri ke belakang bilik darjah. Hatinya cukup teruik dengan tingkah mereka. Persahabatan mereka cukup akrab kerana Jeslina tidak sombong walau sekalipun dia anak orang berada. Jika dibandingkan dengan kakaknya Sofia, jauh sekali bezanya.

“Bukankah you dah janji, cuti ni kita trip ke Singapura ...,” kasar sekali suara Sofia.

“Please forgive me ok, emak I sakit ... so terpaksa cancel trip I tu ... takkan nak biarkan dia seorang ...” Belum habis lagi Hisyam bercakap, Sofia cepat memotong.

“Hai family you kan banyak, tak kan diaorang tak nak

HISYAM melirik Jeslina. Riu-rendah bilik darjah itu lagi. Jeslina merasa malu. Ia merasakan Hisyam mahu membalas dendam. Jeslina bangkit untuk keluar tapi Sharul menghalang.

PUISI

KASIH

Kasih di mana kau
ku tunggu sekian lama
hampir seabad engkau menghilang
kasih oh kasih.

Cahayamu kian padam
di antara kami pangkat berbeza
yang hanya tinggal kasih palsu
antara nafsu dan nafsi
antara wang dan pangkat.

Kasih oh kasih
kau kini tiada erti
hadirmu hanya sementara
antara bayang dan kenyataan
antara keangkuhan dan kesopanan.

Engkau kini tiada
yang ada hanya harta dan pangkat
engkau menghilang dalam dunia yang
fantasi
engkau menjelma dalam dunia glamor
engkau menjelma dalam kilauan emas
permata
engkau menjelma dalam pangkat
berjela.

Kasih kasih kasih
di mana hilang budi
di mana hilang pekerti
di mana hilang santun
di mana hilang kemanusiaan.

Kasih dan budi
kasih nan sejati
bersemadi di lubuk hati
yang suci mencintai
kasih Allah Yang Maha Suci.

Helmi Halim

TEMAN SEJATI

Persahabatan
telah lama dijalinkan
segala rintangan dan kesusahan
dalam persahabatan dapat disele-
saikan.

Persahabatan lima gadis
yang berkebolehan
dalam bermacam-macam bidang
dan pengurusan.

Mempunyai cita rasa sama
tapi suka berlainan warna
suka benda-benda
yang luar biasa.

Walaupun begitu
kami tetap kawan
dari dulu
hingga sekarang.

Tiada lawan
yang dapat memutuskan
persahabatan lima sekawan
yang telah lama dijalinkan.

Diharapkan
persahabatan berkekalan
walaupun satu hari nanti
kami akan berjauhan.

NASIB KITA, NASIB MEREKA

Tak semua manusia bernasib baik
kita ada segalanya
tapi ada di antara mereka
hidup merana.

Ketika kita makan
mereka pula kelaparan
ketika kita ketawa
mereka pula dalam tangisan.

Kita hidup dengan aman
di sana pula riuh-rendah ketakutan
kita sentiasa bahagia
mereka pula sentiasa menjadi mangsa
kekejaman.

Tangisan anak kecil dapat didengar
tanda kehilangan orang yang
disayang
mereka saja yang tahu peritnya
hidup di dunia yang menjadikan
mereka
setiap mangsa
kekejaman di antara manusia yang
durjana.

Malam berselimutkan embun
siang bertudungkan awan
menahan setiap keperitan
yang penuh dengan kedukaan.

Nurza HZ

BUKAN TAK PERCAYA

Jangan salahkanku
kerana perubahanku.

Kau yang memulakan
kau juga yang mengajarku.

Kesabaranku ada batasnya
ketabahanku kau uji jua.

Kepercayaanku dulu
kau musnahkan sudah
panah, hampa belaka.

Bila kucuriga
gerak langkahmu
kau tuduh aku
yang berubah.

Bukan aku tak percaya
tapi kaulah
punca segalanya.

TIKA ITU DAN TIKALINI

Tika itu
kau melangkah
diringi lampu pelita.

Langkah kau atur
dalam cahaya kelam
samar-samar malam
begitu kemas
kerana takut
tersungkur jatuh
menghempap bumi.

Tika ini
langkahmu laju
mendongak langit
apa kau lupa
mungkin kau alpa.
Bumi kau pijak

langit kau junjung
kau lupa menoleh
masa lalumu
yang penuh sengsara.

Sedang jika ini
kau di ulit kemewahan
diselimuti kesenangan
duniawi.

Harus kau ingat
dirimu
dirimu jua
masa mungkin beredar.

Namun
tika itu dan tika ini
tetap dirimu jua.

Puteri Seni

NORSAHMYZAH

Nor ...
cahaya yang mampu menyinari
gelaran seorang insan
yang telah menyinari
tetapi cahayanya tidak selamanya
cerah ...
ia akan pudar
pabila cahaya itu kian kabur
akan gundah-gulanalah
hati dibuatnya.

SAHMY ...
insan yang pernah
menyayangi seseorang
tapi sayangnya tidak dibalas
dengan kesetiaan ...
mujurlah hati sentiasa bersyukur
di atas segala rintangan...

Zah ...
kata terakhir yang menjadi sebutan
dengan sebutan yang penuh makna
di kala ceria dan berduka ...
hanya tinggal kenangan
Norsahmyzah ... kuabadikan di hati
dan tersemat di sanubari ...

ROMANTIS

Biarlah menjadi pembuka kata
romantis penguasa alam cinta
tanpa ia pasti tiada erti
ia akan datang ...
walau sejauh mana si pencinta.

Bermulalah bila timbul perasaan
akan takkan tanpa diundang
tapi takkan pergi ...
kerna ia hanya ada tapi takkan tiada.

Biarlah kau kata aku romantis
jangan kau ego
kerana pasti kecundang
kau jua akan rebah
bila ia menghentammu ...

Bila ia datang ...
pasti kau jua yang
ingin mendahului
untuk memulainya
jangan berdalih tanpa sebarang
pelindung
yang pasti ia takkan dapat
diselindung.

Adytiajaya

Dari muka 12

tolong jaga ... lagipun kita
bukannya pergi berbulan-
bulan ... satu minggu saja
..." Sofia merasa kecewa.

"Sofia ... dia emak I ...
takkan itu pun you nak
berkira sangat." Hisyam
cukup terkilan dengan
perangai Sofia, pula tu,
cemburunya terkadang
membabi buta.

"Ah ... forget it!" Sofia
menghempaskan kasar
telefon. Sejak itu Sofia tak
menghubunginya lagi.
Kedegilannya juga mem-
buat Hisyam terus merasa
kecewa dengan sikap
Sofia. Namun perasaan
sayangnya pada Sofia
tetap ada. Sofia yang dike-
nalinya dua tahun yang
lalu kian berubah.
Kehidupannya bertambah
dengan kegiatan-kegiatan
sosialnya. Kadang-kadang
bila dia menasihatinya
agar lebih berperangai
sopan, Sofia menge-
jeknya, ketinggalan
zaman katanya. Apakah
dirinya dipukau atau se-
baliknya, namun cintanya
pada Sofia belum pudar.
Memang jauh sekali per-
bezaan Sofia dengan adik-
nya, Jeslina. Satu ketika,
ibunya pernah bersuara.

"Hisyam ... betulkah
kau nak pilih Sofia?"

"Er ... kenapa mak
tanya macam tu ..."

"Mak ni ... bukan apa
Syam ... kau tu memang
dah patut berumah tangga
... tapi, pada pandangan
mak ni Syam, Jeslina tu
lebih baik ..."

"Mak ni ... ada-ada aje
... takkan Syam nak ambil
kedua-duanya sekali," gu-
rau cikgu muda itu, sambil
memintas percakapan ibu-
nya. Hisyam mengajar
Geografi di tingkatan
enam bawah. Kewiba-
waannya sering menjadi
siulan anak-anak gadis.

"Jadi kau pun berke-
nan dengan Jeslina tu?"

"Dahlah ... janganlah
celarukan hati Syam ni,"
dia mengelak. Mengimbas
kembali kata-kata ibunya
membuat dia tambah bin-



gung. Sejak peristiwa di
bilik darjah hari itu, ha-
tinya kian dipanggil oleh
perasaan rindu. Bukan
pada Sofia, tapi Jeslina.

"Ah! Kacau ..." fikir-
annya buntu.

"Dring ... dring ..."
telefon diangkat.

"Hello ..."

"Hello ..." Satu suara
yang sangat dinantikan
dan dicarinya selama ini.

"Er ... Hisyam ke?"

"Ye ... hai takkan se-
lepas bercuti ke Singapura
dah tak kenal suara kita?!"
Hisyam makin terkilan.

"Maafkan Sofia! ...
sebenarnya I telefon ni ..."
Lemah sekali suaranya.

"Sofia ... you sakit
ke?" Hisyam memintas
cemas.

"Bukan! ... I cuma nak
bagitau you ... yang ming-
gu depan keluarga I ... nak
... nak terima rombongan
meminang!" Tersekat-
sekat suaranya. Ada irama
bergetaran pada suaranya.

"Eh ... I tak jumpa
family you dan cakap han-
tar meminang!" Hisyam
terperanjat sakan.

"I know Hisyam ... I
hope you understand what
I am going to say ...
mungkin you masih kenal
Zamri, satu kuliah dengan
kita dulu!" Kali ini
Hisyam terkedu. Sofia tak
menjelaskan kenapa.

"Hisyam! ..."

"Why Sofia?" Senang
sekali kau lafazkan semua
ini. Apakah aku tidak

mempunyai erti bagimu
selama dua tahun ini?
Pernakah aku menyakit-
kanmu?"

Hisyam kecewa.

"Maafkan Sofia, Syam
... kita tak ditakdirkan
bersama lagi dan ... kita
tak mungkin bersama jika
hati kita sering berselisih
faham ..."

"Tapi kita boleh ber-
bincang ..." Hisyam ber-
keras.

"Please ... Sofia me-
mang dah tak boleh tung-
gu lama lagi ... Maafkan
Sofia ..." Bersama esak
tangisnya, gagang telefon
ditutup. Hati Hisyam
menjadi parah. Seperti
kilat, ikatan kasih sayang
mereka terputus, bak la-
yang-layang terputus
talinya.

Dia memejamkan ma-
tanya dan hatinya tiba-
tiba, merindu pada yang
tak pasti, merayu pada
yang tak sudi. Cinta yang
dipupuk selama dua tahun
terburai dengan sikap
yang tak bertatasusila.

Sofia memilih jalan-
nya sendiri yang bukan di
redai Allah. Apakah sela-
ma ini Hisyam cuma me-
mandang Sofia dengan
pandangan yang kosong?
Apakah dirinya seorang
yang hipokrit? Tidak
mempedulikan apa yang
Sofia inginkan?

Persoalan demi per-
soalan dilemparkan untuk
mendapatkan jawapan.
Hisyam kini dalam be-
lenggu. Ia menghayalkan
perkara yang takkan
mungkin berlaku. Ia di
awangan, dalam fantasi
dunia khayalan. Mencari
cinta keduanya, yang tak-
kan pasti berhasil. Bukan
dengan keterpaksaan, tapi
ada gelora di hatinya
yang tak sama seperti cin-
tanya pada pandangan
yang pertama dulu. Hara-
pannya, biarlah takdir me-
nentukan cinta keduanya,
agar tidak bertepuk sebe-
lah tangan dan menjanji-
kan kebahagiaan buatnya.
Yang pasti, cintanya tulus,
murni, suci dan ikhlas.

DIA memejamkan
matanya dan hatinya
tiba-tiba, merindu pada
yang tak pasti, merayu
pada yang tak sudi. Cinta
yang dipupuk selama dua
tahun terburai dengan sikap
yang tak bertatasusila.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 29 MEI	PAGI		PETANG	6.45	SURAH NABAWIYAH		ANTARABANGSA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	4.00	LAGU KEBANGSAAN	MALAM	10.00	NEWS AT 10	
		KEBANGSAAN	4.02	MUTIARA FIRMAN	7.00	10.30	DRAMA STV 12 - 'Phua Chu Kang'	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.05	SUSUNAN RANCANGAN	7.25	10.55	LET'S PLAY WITH NATIONAL	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.10	JIM BUTTON			COACH MIKE LYONS	
	9.00	BERITA	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.44	11.15	SAMBUTAN MAULUD NABI	
K H A M I S 30 MEI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.45	BERITA	8.00		MUHAMMAD S.A.W.	
	10.00	SIARAN TAMAT	5.55	MOVIES, GAMES AND VIDEOS	8.50		- Daerah Temburong'	
			6.29	AZAN MAGHRIB	9.25	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	
J U M A A T 31 MEI	PAGI		10.00	SIARAN TAMAT				
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	PETANG		Sang Wira'	7.25	GEMA ISLAM	
		KEBANGSAAN			5.15	DOKUMENTARI - 'Life Force'	7.44	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.29	AZAN MAGHRIB	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATHS	10.00	NEWS AT 10
S A B T U 1 JUN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR: 'Little Mouse On The Praire/'	MALAM	11.00	DRAMA: NUR'AIN	
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN				12.30	WAYANG PILIHAN - 'Caught In The Act'	
	10.15	SESAME STREET					DOA DAN SIARAN TAMAT	
A H A D 2 JUN	PAGI		11.15	TAMAN SARI	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA	3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Silent Fall'	7.00	LIPUTAN SEMASA
		KEBANGSAAN	11.40	JEJAK RASUL SIRI 6 - Ulangan	3.44	AZAN ASAR	7.20	DEKOR
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	DISCOVER ISLAM	3.45	DRAMA - 'Wira'	7.41	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung	5.30	TOMOROW'S WORLD	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	PETANG		5.45	BERITA	9.00	DRAMA COPRODUCTION: 'Asam Garam'
I S N I N 3 JUN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	1.30	VISI SUCI	6.00	SYIAR MASJID - 'Masjid Zainab, Kampong Lumut'	9.30	GESUNDHEIT
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	2.00	SPORT PAGE	6.29	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	10.10	ANIMATION HOUR: Anak-anak Sidek/Tic Tac Toons			6.45	AN NAZHAFAH	10.40	KHUTBAH JUMAAT
							10.55	TELEDRAMA - 'Nian Di Hati'
							12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT
S E L A S A 4 JUN	PAGI		11.00	TOTALLY AWESOME	2.45	TINJAUAN	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA	3.15	COMBAT MISSION	7.00	DUNIA ASIA
		KEBANGSAAN	11.40	DRAMA CO PRODUCTION: Titik Cahaya - Ulangan	3.44	AZAN ASAR	7.25	KLINIK KITA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.18	AZAN ZUHUR	4.15	ABOVE AND BEYOND	7.45	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.35	DOKUMENTARI: 'Kerjaya Seorang Doktor (Dr. Isham)'	5.00	ANIMATION HOUR: Jin Jin & The Panda Patrol/The Why Why Family	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	PETANG		5.45	BERITA	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
S E L A S A 4 JUN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	1.15	PANGGUNG PETANG SABTU - 'The Last Of The Mohicans'	5.55	UNEARTHED	10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN			6.30	AZAN MAGHRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Shadow Warriors'
	10.10	ANIMATION HOUR: Anak-anak Sidek/Tic Tac Toons			6.45	DARI MAHKAMAH KADI - (Ulangan)	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT
A H A D 2 JUN	PAGI		11.30	BERITA	2.50	PERTUKARAN RANCANGAN RTB/STV 12 - 'Misi Muzik'	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Moontrek'	3.44	AZAN ASAR	7.00	SEJUTA MAKNA SIRI 4
		KEBANGSAAN	12.19	AZAN ZUHUR	4.15	ANIMATION: Tom And Jerry Kids III/Professor Thompson	7.45	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.25	SUNDAY MATINEE - Sambungan	5.00	DOKUMENTARI	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG		5.35	MUSLIMS OF THE WORLD	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Perkahwinan Rahsia'
	9.00	BERITA	1.25	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - PREVIEW	5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10
I S N I N 3 JUN	9.15	RAMPAI PAGI -Sambungan	1.55	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - HIGHLIGHT	6.00	DISAPPEARING FRONTIER	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN			6.30	AZAN MAGHRIB	11.00	BEYOND CHANCE
	10.10	SESAME STREET			6.45	LANTERA	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT
	10.15	KLIK! KLIK! KLIK!						
S E L A S A 4 JUN	PAGI		10.00	SIARAN TAMAT	5.15	DOKUMENTARI	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	PETANG		5.45	BERITA	8.50	DRAMA CO PRODUCTION: Mutiara
		KEBANGSAAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.55	CUTTING EDGE	9.25	RENTAK - 'Masyarakat Melayu Brunei - Kg. Bolikah 'A'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.30	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.30	BIZARRE
	9.00	BERITA	4.15	ANIMATION HOUR: Hulk Hogan's Rock 'N' Wrestling/Restrol The Special Rescue Squad	MALAM		11.00	SCIENCE FRONTIERS - 'Sixth Sense'
S E L A S A 4 JUN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			7.00	LIPUTAN SEMASA	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT
	10.00	SIARAN TAMAT			7.25	MENU JENAKA		
					7.45	AZAN ISYAK		
S E L A S A 4 JUN	PAGI		PETANG		6.05	DRAMA CO PRODUCTION: 'Manis Berpesan' - Ulangan	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.28	AZAN MAGHRIB	8.50	TINJAUAN
		KEBANGSAAN	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	BIMBINGAN MU'MIN	9.25	INSTITUSI KEWANGAN ISLAM
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.10	SUSUNAN RANCANGAN			10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.15	ANIMATION HOUR - Dragon Tales	MALAM		10.30	THE X-FILES - 'Nothing Important Happened Today' Pt. 1
	9.00	BERITA	4.35	FILLER	7.00	COSBY - 'Hilton's Playland'	11.15	FIRE
S E L A S A 4 JUN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.50	NATURAL HISTORY - 'Deep Sea Deep Secrets'	7.25	DOKUMENTARI - 'Gaya Hidup'	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT
	10.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.42	AZAN ISYAK		



PARA peserta Pertandingan Mari Bercecerita anjuran Sekolah Bakti Dewa, Jalan Kebangsaan Lama. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Mohd. Nazrul juara Pertandingan Mari Bercecerita

JALAN MUARA, 18 Mei. - Mohd. Nazrul Hayat bin Mohd. Daud dalam Darjah 6B dengan tajuk cerita 'Usop Dengan Burung Kelijau' memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Mari Bercecerita anjuran Sekolah Bakti Dewa, Jalan Kebangsaan Lama di sini.

Murid tersebut berjaya menewaskan 10 peserta yang menyertai pertandingan itu. Tempat kedua disandang oleh Dayang Sofia binti Sulong dalam Darjah Pra 5 dengan tajuk 'Si Jerutu Dengan Anak Gergasi' dan Kerin Thomas, Darjah 6A menduduki tempat ketiga.

Oleh Haji Ahmad HS

Pertandingan yang dianjurkan oleh Sekolah Bakti Dewa adalah sebagai aktiviti tahunan sekolah tersebut yang bertujuan bagi memahirkan cara berkomunikasi di kalangan murid-murid, meningkatkan kecekapan murid-murid dalam membaca, menulis dan bercakap.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat, Pemangku Penolong Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad.

Dyg. Siti Khadijah juara Pilihan-Akira Talentime 2002

JERUDONG, 11 Mei. - Lagu 'Open Arms' telah membawa tuah kepada peserta Pertandingan Akhir Pilihan-Akira Talentime 2002, Dayang Siti Khadijah binti Haji Jalani setelah mengalahkan sembilan peserta lain dan sekali gus menjadi juara di pertandingan tersebut.

Dayang Siti Khadijah atau Ejah telah menerima wang tunai \$1,000, piala dan piala iringan serta sebuah peti televisyen jenama Akira yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap

Oleh Awangku Jefferi PD

Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah yang diadakan di Amphitheatre, Jerudong Park.

Pemenang kedua disandang oleh Md. Husaini bin Haji Mat Yassin dengan lagu 'My Baby You' telah menerima wang tunai \$500.00 berserta peti televisyen dan tropi, manakala pemenang ketiga, yang membawakan lagu 'Power Of Love', Dayang Erna

Kusumawati binti Md. Alinoordin telah menerima wang tunai \$300.00 berserta DVD dan tropi.

Pertandingan tersebut disiarkan secara langsung di Rangkaian Pilihan Radio Brunei dengan 110 penyertaan diterima di peringkat awal pertandingan, bagaimanapun hanya 20 peserta telah dipilih ke peringkat suku akhir.

Pertandingan pada malam itu diserikan dengan persembahan nyanyian oleh Kumpulan Sessionists. Selain itu para penonton juga berpeluang

memenangi 20 hadiah menarik yang disumbangkan oleh penaja pertandingan.

Dalam temu bual bersama PELITA BRUNEI dengan juara yang berusia 20 tahun itu menyatakan bidang seni suara memang sudah sebat dalam dirinya dan beliau menimba pengalaman dengan menyertai pelbagai pertandingan karaoke serta undangan di majlis-majlis perkahwinan dan 'live band dangdut'.

Ekoran daripada itu, kata anak ke-10 dari 12 adik-beradik yang berasal dari Daerah Belait beliau menerima gelaran 'Ratu Karaoke'.

Menyentuh mengenai persiapan sebelum melangkah ke pertandingan akhir beliau menerangkan latihan awal telah dibuat dua minggu sebelum itu dan melalui pertandingan tersebut dapat mencungkil bakat anak-anak tempatan negara ini.

Beliau berharap agar pertandingan seumpama itu akan dapat dipertingkatkan lagi terutamanya sekali dalam usaha mencari bintang-bintang baru dalam bidang seni suara.

Pertandingan tersebut bersempena Ulang Tahun Jubli Nilam Perkhidmatan Radio Brunei pada 2 Mei lalu dengan mengimbas kembali pertandingan yang sangat popular di tahun 60-an dan 70-an.



DAYANG Siti Khadijah atau Ejah (tengah) berharap agar Pertandingan Talentime akan dapat dipertingkatkan dan berterusan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

- Siapakah nama pembesar dari Kingdom of Tonga yang telah mengadakan lawatan ke negara ini?
 - Duli Yang Teramat Mulia Putera Lavaka 'Ulukalala Ata.
 - Duli Yang Teramat Mulia Putera 'Ulukalala Lavaka Ata.
 - Duli Yang Teramat Mulia Putera Ata Lavaka 'Ulukalala.
- Sesi Khas ICFM yang dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah di Kuala Lumpur telah membincangkan mengenai apa?
 - Mengenai Keganasan.
 - Mengenai Penaklukan.
 - Mengenai Penderaan.
- Apakah tajuk menuju Keredaan Allah dalam PELITA BRUNEI keluaran 10 April?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 8 Mei 2002.
- A 2 C 3. Apabila Sudah Bercera Berai.

Pemenang soalan Alai Pintar keluaran 8 Mei 2002

MOHD. FARHAN BIN DALI,
NO. 37, KAMPONG LUMAPAS, BJ 3524.
UMUR: 6 TAHUN
SEKOLAH RENDAH BATU MARANG

MOHD. AMIRUDDIN BIN SUHAILI,
NO. 7, SIMPANG 102, JALAN 39,
KAMPONG PERPINDAHAN RIMBA,
GADONG,
UMUR: 5 TAHUN
SEKOLAH PGGMB

MUHAMMAD FATHUL FARIZ BIN AHMAD,
NO. 1, TAMAN CHEMPAKA, BATU 1,
JALAN TUTONG, BA 1712.
UMUR: 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH KIARONG

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 531

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 531,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain (lima dari kiri) ketika hadir merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Membaca 2002. Majlis berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Budaya membaca penting dalam kehidupan

BERAKAS, 18 Mei. - Kempen 'Bulan Membaca 2002' akan dapat menjadi landasan kebangkitan kesedaran betapa pentingnya budaya membaca di dalam kehidupan seharian.

Anggota masyarakat boleh mengorak langkah dari sekarang untuk mengisi masa lapang dengan membaca di mana-mana sahaja yang bersesuaian seperti semasa menunggu giliran di hospital, beratur di bank dan semasa dalam bas.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata demikian ketika berucap sebelum merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Membaca 2002 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertepatan 'Memperkasakan

Oleh
Abdullah Asgar

Budaya Membaca'.

Yang Berhormat menjejaskan, jadikanlah senario budaya membaca di negara ini sama seperti senario di negara-negara yang sudah maju seperti Jepun yang mempunyai budaya membaca yang tinggi menyebabkan negara tersebut cepat maju dalam pelbagai bidang.

"Walaupun, dunia sekarang sudah begitu maju dengan penciptaan teknologi maklumat canggih yang mengalihkan minat masyarakat daripada membaca kepada skrin komputer, namun kita percaya kegiatan membaca masih berkaitan dalam kehidupan kita," kata Yang Berhormat.

Membaca bahan bacaan

bercetak, tambahnya, masih berkaitan kerana ia dapat membina disiplin diri dalam mendapatkan ilmu, selain daripada menggunakan bahan teknologi maklumat.

"Kegiatan membaca tidak semestinya dilakukan di tempat tertutup malah ia dapat dilakukan di tempat terbuka seperti pantai dan tempat-tempat terpencil," jelas Yang Berhormat.

Bulan Membaca 2002 bertujuan untuk menanamkan sikap rajin membaca di kalangan masyarakat di samping untuk mendekatkan mereka dengan bahan bacaan dan kemudahan perpustakaan sebagai tempat menimba ilmu secara tidak langsung.

Turut membuat persembahan di majlis itu ialah kumpulan koir dari sebuah sekolah menengah di negara ini yang kemudian

nya disusuli dengan forum khas yang disampaikan oleh Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam dan Dekan Pengajian Islam Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pengiran Dr. Haji Mohammad dengan dipengerusikan oleh Awang Mohd. Amin.

Selain itu, DBP juga mengatitkan pelbagai kegiatan yang berunsurkan pembacaan di sepanjang Bulan Membaca 2002 hingga 17 Jun bagi kanak-kanak, di samping Peraduan Melukis, Ceramah Budaya Membaca, Taman Batuturan Bergerak, Peraduan Menulis Esei, Bicara Syair Payung Mahkota Pancir Satria, Forum Manuskrip Lama Melayu, Peraduan Pidato dan Bengkel Mari Bercerita.

Mangsa kebakaran Kampong Madewa terima sumbangan

MADEWA, 17 Mei. - Kebakaran yang berlaku pada 1 April di Kampong Madewa telah meranapkan sebuah rumah kepunyaan Dayang Salbiah binti Haji Salim.

Oleh Abu Bakar HAR

Berikutan kejadian itu, tiga keluarga terdiri daripada 12 orang telah kehilangan harta benda dan tempat tinggal mereka.

Selaras dengan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam membantu orang-orang yang kurang bemaslahat dan mereka yang memerlukan bantuan, YSHHB telah menyampaikan sumbangan sebanyak \$3,200.00 berserta barang makanan kepada keluarga berkenaan.

Penyerahan sumbangan tersebut

telah disempurnakan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad, wakil YSHHB di rumah Ketua Kampong Madewa, Awang Haji Ibrahim. Beliau berharap agar sumbangan itu akan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh para mangsa kebakaran itu.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma dari anggota Majlis Perundingan Kampong Madewa yang disampaikan oleh Penghulu Mukim Kilanas, Datu Derma Wijaya Awang Haji Mohd. Yusof kepada ketiga-tiga ketua keluarga terlibat.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad mewakili Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan kepada Dayang Salbiah binti Haji Salim. - Gambar oleh Hamadi HM.

16 anak tempatan jalani Kursus Dek, Jurutera Marin

Oleh
Samle HJ

BERAKAS, 16 Mei. - Seramai 16 orang anak tempatan yang terpilih untuk menjalani Kursus Kadet Dek Marin dan Kadet Jurutera Marin menandatangani Kontrak Biasiswa Latihan Marin dengan Brunei Shell Tankers



EMPAT dari 16 anak tempatan yang dipilih menjalani Kursus Kadet Dek Marin dan Kadet Jurutera Marin menandatangani Kontrak Biasiswa Latihan bersama Pemangku Pengarah Urusan Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST), Reider Saugstad. - Gambar oleh Halim HS.

Sendirian Berhad (BST).

Pemangku Pengarah Urusan BST, Reider Saugstad menandatangani bagi pihak BST dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Abu Bakar selaku anggota Lembaga Pengarah BST di Majlis Penandatanganan Kontrak di sebuah hotel di sini.

Menurut Reider Saugstad, jawatan itu mendapat perhatian dari orang ramai dan dari seramai 193 orang pemohon, 16 orang berjaya terpilih bagi pengambilan kali ini.

BST berhasrat terus mengadakan pengambilan Kadet Marin dari kalangan anak tempatan setelah berjaya meraih seramai 47 Kadet Marin tempatan.

BST adalah sebuah syarikat usaha sama berdaftar milik negara yang ditubuhkan bersama oleh Kerajaan Brunei dengan Brunei Shell Petroleum (BSP) pada 1986 dan kini memiliki tujuh kapal Kelas 'B' masing-masing bernama Berbatik, Bekalang, Bekulan, Belanak, Bilis dan Bubuk yang membawa gas cecair asli ke negara pelanggan seperti Jepun dan Korea Selatan di samping Eropah.

Setiap kapal mengandungi 11 Pegawai Dek dan Jurutera dan 21 Krew sebagai Jurumelin, Kelasi dan Penyaji Makanan.

BST telah menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi negara sejak menjalankan operasinya dan mempunyai rekod keselamatan dan kecekapan yang cemerlang.



**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Tawaran : TMSN/8/11.2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa THE SUPPLY AND DELIVERY OF PAPER FOR THE USE OF PHOTOCOPYING MACHINES, PRINTERS AND LASER PRINTERS FOR A PERIOD OF TWO YEARS, INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORE DEPARTMENT, MINISTRY OF FINANCE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Perbekalan, (Tawaran dan Sebutarga), Jabatan Teknologi dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam setelah bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 dibuat di Bahagian Kewangan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada 12 Jun 2002.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : 'THE SUPPLY AND DELIVERY OF PAPER FOR THE USE OF PHOTOCOPYING MACHINES, PRINTERS AND LASER PRINTERS FOR A PERIOD OF TWO YEARS, INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORE DEPARTMENT, MINISTRY OF FINANCE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM' tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan dan ditandakan seperti berikut Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 1 Julai 2002.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JPT/TAW/24/2002 dan JPT/TAW/25/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710 Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 10 Jun 2002.
- JPT/TAW/24/2002 : MEMBEKAL DAN MEMASANG SATU (1) UNIT UV-VISIBLE DOUBLE BEAM SPECTROPHOTOMETER WITH DATA PROCESSING SYSTEM DAN AKSESORI.
- JPT/TAW/25/2002 : MEMBEKAL BAJA NPK 15-5-20-2+TE SEBANYAK 50 MT (1000 BEG) BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi daripada Ibu Pejabat Pertanian, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran Tawaran sebanyak \$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/JAN/28/2002 : Tajuk Tawaran : SUPPLY AND INSTALLATION OF NEW RACKING SYSTEM FOR GPS 1 STORE.

Tarikh tutup : 10 Jun 2002, hari Isnin jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pemborong yang berkepakaran dalam bidang sistem binaan rak yang berdaftar dengan mana-mana Kementerian/Jabatan.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BP/037/2002 : Tajuk Tawaran : SUPPLY AND DELIVERY OF SPARES FOR FILTER ELEMENT (DONALSON TORIT).

Tarikh tutup : 3 Jun 2002, hari Isnin jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Peti Tawaran, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi Kategori 6(f), 6(g) dalam kelas II, III, IV, V & VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perbekalan/Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN LELONG
1 BUAH KENDERAAN DAN 1 BUAH JENTERA
BERAT BG 5793 DAN BG 5799**

JUALAN lelong kenderaan berkenaan akan diadakan pada : Hari Isnin, 10 Jun 2002 jam 9.00 pagi bertempat di Unit Kenderaan dan Bengkel, Jalan Batu Bersurat, Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Penender atau pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang cagaran (deposit) 20 peratus daripada harga tawaran semasa jualan lelong dijalankan.
4. Barang-barang yang telah dibeli, jika tidak dipindah dari kawasan perlelongan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari lelong ini akan dirampas dan akan dilelong semula. Wang cagaran (deposit) sebanyak 20 peratus tidak akan dikembalikan.
5. Tarikh untuk melihat pada hari Sabtu 8 Jun 2002, jam 9.30 - 11.30 pagi di tempat yang sama.

**NOTIS JUALAN LELONG KENDERAAN DAN JENTERA BERAT
KEBENARAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bil : KKW/2/493/51 bertarikh : 25 Mac, 2002 bagi 1 buah kenderaan dan 1 buah Jentera Berat.

Bil	Lot	No. BG	Jenis Kenderaan
1	1	5793	DAIHATSU DELTA PICKUP
2	2	5799	MITSUBISHI TS 100L CRANE

**JUALAN
LELONG**



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

ADALAH dengan ini diberi notis, bahawa jualan lelong bagi kenderaan Pejabat Tanah, Kuala Belait yang tersebut di bawah akan diadakan pada 22 Jun 2002 jam 9.30 pagi.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat :

1. Pembeli yang berjaya akan dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan kenderaan yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Kenderaan yang telah dibeli tetapi tidak dipindah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan ini akan dirampas dan dilelong semula.

Keterangan Harta Benda	Tempat Lelong	Tarikh dan Masa
Mitsubishi Pajero	Tempat Letak Kereta, Tingkat Bawah Tanah (Basement) Pejabat Tanah, Belait, Negara Brunei Darussalam	22 Jun 2002 (Hari Sabtu) Jam 9.30 pagi



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong bagi beberapa buah kenderaan, termasuk jentera berat dan mesin akan diadakan pada hari Isnin, 17 Jun 2002 jam 9.00 pagi bertempat di Bahagian Mekanikal Bengkel Sinarubai, Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli, jika tidak dipindah dari kawasan perlelongan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong ini akan dirampas balik dan akan dilelong semula.

**SENARAI KENDERAAN, JENTERA BERAT DAN MESIN
YANG AKAN DILELONG**

Bil	Lot	No. BG	Jenis Kenderaan/Mesin	Tempat Sekarang
1		4085	Komatsu W70 6D105 W/Loader	Bengkel Sibulu Temburong
2		4180	Daihatsu 3 Way Tipper	Scrapyard SME
3	1	4615	Daihatsu V34 Flatbed	Scrapyard SME
4		3640	Bedford Pick Up	Scrapyard SME
5		3171	Mitsubishi Fuso Tipper Truck	Scrapyard SME
6	2	1807	Weight Bridge 40.000 KG	Sinarubai Depo
7	3	1399	Weight Bridge 40.000 KG	Sinarubai Depo

Tarikh untuk melihat : 27 Mei 2002 (Isnin) hingga 1 Jun 2002 (Sabtu).

Bertempat : 1) Bahagian Mekanikal, Sinarubai; 2) Sinarubai Depo; 3) Bengkel Sibulu Temburong.

Waktu : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 26/2001

TEO TIAN KIAN @ HAJI AZLAN BIN ABDULLAHPemiutang
Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

1. ELYAS BIN HAJI AZRI (BGIC NO. 061661)
2. MA'ARUF BIN HAJI MOHAMMAD (BYIC NO. 110417)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 9 Mac 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 22 Mei 2002 jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Mei 2002 jam 9.00 pagi. Bertarikh 29 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 206/2001

IRB FINANCE BERHADPemiutang Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

HAJAH ROSNI BINTI KILALI (Warrant Card No. 1406)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 9 Mac 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 22 Mei 2002 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Mei 2002 jam 9.30 pagi. Bertarikh 30 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 210/2001

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BHDPemiutang
Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

MUHARIR AMIR S/O AMIR BATCHA (BYIC NO. 796445)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Mac 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 29 Mei 2002 jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 29 Mei 2002 jam 9.00 pagi. Bertarikh 30 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 246/2001

IRB FINANCE BERHADPemiutang Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

AWANG LATIF BIN KARIM (BYIC NO. 048604)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Mac 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 29 Mei 2002 jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 29 Mei 2002 jam 9.15 pagi. Bertarikh 30 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 269/2001

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD Pemiutang
Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

FARIDAH BINTI MOHD. ZAINI (BYIC NO. 117028)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 2 Februari 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 5 Jun 2002 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Jun 2002 jam 9.30 pagi. Bertarikh 1 Mei 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah di-serah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoi penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Mac 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Muharir Amir S/O, Amir Batcha, c/o Haji Adinin and Sons (B) Sdn Bhd, F216-218, 2nd Floor Kompleks Harapan Kuala Belait KA 1731, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisysen : 10 Januari 2002. Bertarikh : 30 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 246/2001

IRB FINANCE BERHADPemiutang Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

AWANG HAJI LATIF BIN KARIM (BYIC NO. 048604)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Mac 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Awang Haji Latif bin Karim, Lot 19, No. 9, Simpang 58, Jalan C, Kampong Perpindahan Mentiri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisysen : 16 Januari 2002. Bertarikh : 30 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 269/2001

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTD Pemiutang
Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

FARIDAH BINTI MOHD. ZAINI (BYIC NO. 117028)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Februari 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Faridah binti Mohd. Zaini, c/o Eon Motors Sdn Bhd, Lot No. 43-45, Government Light Industrial Complex, Beribi II, Kampong Beribi, Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisysen : 28 November 2001. Bertarikh : 1 Mei 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

- b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadap borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

- c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



BIRO MENCEGAH RASUAH JABATAN PERDANA MENTERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENYIASAT KHAS KANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan mereka yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong yang berikut di Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYIASAT KHAS KANAN

(BIRO MENCEGAH RASUAH)

JABATAN PERDANA MENTERI

Tanggungjawab : Bahagian II

Tingkat I BMR 11 \$4,500 \$4,550 \$4,600 \$4,650 \$4,700 \$4,750

Tingkat II BMR 10 \$4,150 \$4,200 \$4,250 \$4,300 \$4,350 \$4,400

Tingkat III BMR 9 \$3,800 \$3,850 \$3,900 \$3,950 \$4,000 \$4,050

Tingkat III BMR 8 - Percubaan \$3,600 \$3,650 \$3,700 atau

\$3,500 \$3,550 \$3,600

Syarat-Syarat Kelayakan :

- i) Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii) a) Mempunyai kelulusan ijazah Sarjana Muda dari sebuah Universiti/Politeknik/Maktab yang dikiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kelulusan-kelulusan dalam bidang komputer, accountancy, civil engineer, electrical engineer dan quantity surveyor adalah diutamakan. Atau
b) Telah berkhidmat di Biro Mencegah Rasuah sebagai Penyiasat Khas sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya.
iii) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris sekurang-kurangnya dalam peringkat 'O' level Sijil Pelajaran Am.
c) Lantikan dan Gaji
Lantikan dan gaji permulaan adalah tertakluk kepada kelayakan dan pengalaman. Di samping gaji pokok, pemegang jawatan akan menerima elaun BMR sebanyak \$800.00 sebulan.
d) Syarat-Syarat Khas
i) Dikehendaki lulus dalam ujian dan temu duga.
ii) Bersedia untuk bertugas di mana-mana Bahagian/Cawangan Biro Mencegah Rasuah dan bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja semasa cuti awam.
iii) Dikehendaki untuk menghadiri latihan asas selama 6 - 9 bulan di Police Academy, Singapura atau institusi yang serupa disebatang laut.
e) Tugas-Tugas dan Tanggungjawab
i) Bertanggungjawab untuk bertugas di salah satu Unit di dalam Bahagian Cawangan yang ada di BMR iaitu : Unit Penyiasatan (sama ada di Ibu Pejabat atau di Cawangan Kuala Belait); Unit Pencegahan; Unit Pendidikan; Unit Perisikan; Unit Rekod.
ii) Sebagai seorang pegawai penyiasat, bertugas untuk menjalankan kerja-kerja siasatan terhadap aduan-aduan yang diterima.
iii) Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengarah dari masa ke semasa.

Nota :

- 1) Semua kelulusan, sijil-sijil kecapan peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan yang dinyatakan di atas hendaklah dikiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Permohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Biro Mencegah Rasuah. Borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama sekeping gambar berukuran pasport dengan salinan sijil-sijil kelulusan kepada Pengarah, Biro Mencegah Rasuah tidak lewat daripada hari Khamis 13 Jun 2002.

Bilangan Rujukan : 01/2002

Tarikh : 20 Mei 2002.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 26/2001

TEO TIAN KIAN @ HAJI AZLAN BIN ABDULLAHPemiutang
Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

1. ELYAS BIN HAJI AZRI (BGIC NO. 061661)
2. MA'ARUF BIN HAJI MOHAMMAD (BYIC NO. 110417)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 9 Mac 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui : 1) Elyas bin Haji Azri (BGIC No. 061661), No. 30, Simpang 16, Jalan Manggis 1, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam atau Lot 21811, Simpang 515, Kampong Jerudong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. 2) Ma'aruf bin Haji Mohammad (BYIC No. 110417), No. 41, Simpang 456, Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisysen : 11 April 2001. Bertarikh : 29 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 206/2001

IRB FINANCE BERHADPemiutang Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

HAJAH ROSNI BINTI KILALI (Warrant Card No. 1406)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 9 Mac 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Hajah Rosni binti Kilali, No. 30, Jalan Bunga Kuning, Perpindahan Berakas, Bandar Seri Begawan BE 2713, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisysen : 14 November 2001. Bertarikh : 30 April 2002.

RAMZIDAH POKD HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 210/2001

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BHDPemiutang
Penghakiman/ Pemetisysen

LAWAN

MUHARIR AMIR S/O AMIR BATCHA (BYIC NO. 796445)Penghutang
Penghakiman/ Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/046/2002 : Tajuk Kerja : PEMBINAAN KOMPLEKS SUKAN DI KAWASAN SUNGAI KEBUN BAGI PENDUDUK-PENDUDUK KAMPONG AYER - FASA I - PENDAWAIAN ELEKTRIK.

Tarikh tutup : 10 Jun 2002, hari Isnin jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen dan Lukisan : \$34.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanca, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kelas II, III, IV atau V (kategori 7a) sahaja.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BP/49/2002 : Tajuk Tawaran : SUPPLY AND DELIVERY OF 2R1T RING MAIN UNIT.

Tarikh tutup : 17 Jun 2002, hari Isnin jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanca, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori 6(f), 6(g) dalam kelas II, III, IV, V & VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di Bahagian Perbekalan/Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 28/2001

IRB FINANCE BERHADPemiutang Penghakiman/ Pemetisyan
LAWAN

HJH NOOR FUA'ADI BINTI HAJI MUHAMMAD (BYIC NO. 253769).....Peng-
hutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Februari 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Hjh Noorfa'adi binti Haji Muhammad, No. 80, Jalan 31, Kampong Perpindahan Lambak Kanan, Berakas, Negara Brunei Darussalam, Tarikh Petyisyan : 12 Mei 2002. Bertarikh : 30 April 2002.

RAMZIDAH PKDK HJ ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 152/2001

BAIDURI BANK BERHADPemiutang Penghakiman/ Pemetisyan
LAWAN

LISA SHIM FEI FEI (BYIC NO. 264119)Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Mac 2002.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Lisa Shim Fei Fei, No. 18, Simpang 246, Kampong Sungai Akar, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petyisyan : 8 November 2001. Bertarikh : 1 Mei 2002.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 283/1999

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEIPemiutang Penghakiman/Pem-
etisyan

LAWAN

MAHADI BIN AWANG ZAINI (BYIC NO. 076911)Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 29 Jun 2000.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Mahadi bin Awang Zaini, No. 31 Jalan 11, Simpang 132, Perpindahan Lambak Kanan BC 2915, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petyisyan : 20 April 2000. Bertarikh : 30 April 2002.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

- b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadap borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

- c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG

No. T/LA/6/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Sinandong binti Sitim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Sitim bin Gudang yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 Mei 2002 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 7 Mei 2002.

No. T/LA/27/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Zaitun binti Haji Abdullah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Zaini bin Haji Tarang yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 Mei 2002 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 7 Mei 2002.

No. T/LA/18/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Teo Boo Chuang kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Teo Kui Siang yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 Mei 2002 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 7 Mei 2002.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percakapan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesilapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.



JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JP/T.03/2002

PROPOSED CONSULTANCY WORKS ON SEABORNE TRADE ENHANCEMENT BETWEEN BRUNEI DARUSSALAM AND AUSTRALIA

Syarat-Syarat Tawaran :

- JABATAN Pelabuhan, Kementerian Perhubungan mempelawa konsultant-konsultant tempatan atau/dan luar negara untuk menghadapkan cadangan kerja konsultasi bagi cadangan peningkatan perdagangan laut di antara Brunei Darussalam dan Australia.
- Skop kerja dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Komersil dan Pemasaran Jabatan Pelabuhan, Muara BT 1728, bermula 30 Mei 2002.
- Cadangan-cadangan hendaklah dihadapkan dalam dua (2) salinan dalam sampul surat yang tertutup rapat (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar tidak lewat hari Isnin 24 Jun 2002 jam 2.00 petang ke alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PANDUAN MENYEWAKAN KENDERAAN BAGI ASEAN MINISTERIAL MEETING, ASEAN REGIONAL FORUM, DAN POST MINISTERIAL CONFERENCE - 2002

BAGI sama-sama menjayakan ASEAN Ministerial Meeting Kali Ke-35, ASEAN, Regional Forum Kali Ke-9 dan Post Ministerial Conference yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan pada 26 Julai hingga 2 Ogos 2002, orang ramai sekali lagi dialu-alukan untuk menyewakan kenderaan-kenderaan mereka kepada Jawatankuasa Kerja Kenderaan selama lebih kurang 13 hari atau tertakluk kepada keperluan. Sebanyak lebih kurang 177 buah kereta dan juga bas berbagai jenis diperlukan.

Untuk makluman, borang permohonan bagi penyewaan kenderaan tersebut bolehlah diambil dari Urusetia di Tingkat 1, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut mengenai hal-hal bolehlah berhubung terus melalui No. Tel : 02-451979 sambungan 111/112/108. Talian terus : 02-455050. No. Faks : 02-454362.

Keperluan maksimum bagi penyewaan kenderaan berkenaan ialah bermula dari 24 Julai hingga 5 Ogos 2002 iaitu kira-kira 13 hari atau tertakluk kepada keperluan. Walau bagaimanapun berkemungkinan ada negara-negara atau Jawatankuasa-Jawatankuasa yang memerlukan kereta sewa berkenaan lebih awal dari tarikh yang dinyatakan di atas.

Jumlah kereta dan kadar sewa yang ditetapkan adalah seperti berikut :

Bil	Keperluan	Jumlah Keperluan	Hari	Sewa Sehari
1	Saloon 3,000 c.c (Pegawai Protokol/Close in Escort Tanpa Pemandu)	130 buah	12-13	\$250.00
2	Van/4WD Tanpa Pemandu	29 Buah	12	\$250.00
3	Saloon (2,000 c.c) Tanpa Pemandu	18 Buah	12	\$200.00

Kebenaran ini hanya diberikan semasa AMM, ARF dan PMC sahaja yang mana akan diadakan pada bulan Julai dan Ogos tahun ini. Sebelum kenderaan awda diberikan untuk digunakan sebagai kereta sewa, syarat-syarat di bawah mestilah dipatuhi

- Pemilik kenderaan perlu berurusan sendiri ke Jabatan Pengangkutan Darat.
- Pemandu-pemandu akan disediakan oleh pihak Kerajaan.
- Kenderaan tersebut mestilah dalam keadaan baik, memuaskan dan berkelengkapan.
- Kenderaan mestilah mempunyai hawa dingin dan sentiasa dalam keadaan bersih.

SETELAH PERMOHONAN BERJAYA

Urusetia Jawatankuasa Kerja Kenderaan AMM, ARF dan PMC akan menyedikan nombor pendaftaran sementara dengan menggunakan siri BX untuk didaftarkan ke kereta sewa berkenaan.

- Pemohon yang berjaya hendaklah melindungi kenderaan berkenaan dengan Insurance 'Sewa dan Upah'.
- Pemilik kenderaan hendaklah menukar plat lesen pendaftaran sementara dengan menggunakan plat lesen yang berwarna kuning bagi pendaftaran BX sebagai menunjukkan kereta berkenaan untuk kegunaan sewa dan upah sementara dan nombor pendaftaran kereta itu hendaklah ditukarkan semula ke nombor pendaftaran asal sebaik sahaja kereta sewa berkenaan selesai digunakan atau disewa bagi AMM, ARF dan PMC - 2002 itu nanti.
- Kenderaan hendaklah di bawa ke Jabatan Pengangkutan Darat untuk membuat pemeriksaan bagi pengesahan pendaftaran sementara dengan menggunakan plat lesen yang telah diberikan.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

